

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 4

Isnin

9 Mei 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 29)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat (Halaman 96)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 9 Mei, 2005**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sekiranya ada usaha-usaha menyusun semula kursus-kursus di Institusi Pengajian Tinggi di negara ini supaya pelajar-pelajar tidak terdorong mengambil kursus yang senang diperolehi tetapi pemegang ijazahnya tidak mudah laku di pasaran tenaga buruh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berusaha menyusun semula kursus-kursus di IPT di negara ini agar sentiasa relevan dengan kehendak pasaran. Penilaian semula kursus pengajian diadakan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik oleh penilai luar dan juga input daripada industri bagi memastikan kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah memperkenalkan pendidikan berasaskan hasil pembelajaran bagi tujuan semakan dan penyusunan semula kurikulum. Penyelidikan berasaskan hasil perbelanjaan dengan izin, *outcome-based education* memfokuskan pembelajaran pelajar dan mendefinisikan *competency* pelajar secara jelas pada akhir program.

Ini membantu pihak pelajar dan pihak berkepentingan dalam membuat keputusan pemilihan kursus agar bersesuaian dengan pasaran. Bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA lawatan jaminan kualiti dilaksanakan terhadap program-program di IPTA bagi tujuan penambahbaikan.

Hasil lawatan penilaian akan dipantau dan sebarang penyemakan semula ko-kurikulum dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selaras dengan maklum balas lawatan penilaian jaminan kualiti.

Bagi sektor IPTS pula, LAN (Lembaga Akreditasi Negara) melaksanakan jaminan kualiti terhadap kursus pengajian IPTS berdasarkan standard pendidikan yang bukan sahaja menepati amalan terbaik antarabangsa, tetapi juga memenuhi keperluan tempatan. Sistem yang berkualiti yang merangkumi proses kelulusan, standard minimum dan perakuan akreditasi memberi penekanan terhadap peningkatan berterusan pendidikan yang ditawarkan dari aspek akademik dan pengurusan kualiti.

LAN juga dalam usaha mendedahkan IPTS kepada sistem pendidikan berasaskan hasil *outcome-based education*. Sistem pendidikan ini antara lain menekankan kepentingan mendapatkan maklum balas pihak luar seperti majikan dan alumni dalam penggubalan dan semakan keberkesanan kurikulum.

Selain itu, setiap program baru yang ingin dilaksanakan di IPT haruslah melalui Kementerian Pengajian Tinggi, di mana program tersebut akan dinilai dan di antara kriterianya adalah bersesuaian dengan kehendak pasaran sebelum diluluskan. Dengan usaha-usaha tersebut, adalah diharapkan pihak IPT dapat melahirkan graduan yang berwibawa dan sesuai dengan permintaan pasaran pekerjaan semasa. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di dalam penjelasan yang agak umum tadi, bagaimana kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar kursus dan bagaimana pula kedudukan Bahasa Inggeris sebagai pengukuh pendidikan?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia tetap dijadikan sebagai bahasa penghantar di IPT dan IPTS, tetapi Bahasa Inggeris akan dijadikan bahasa penghantar utama di IPTA untuk program Sains dan Teknologi bagi kemasukan 2005/2006 selaras dengan kemasukan cohort pertama pelajar dari sekolah menengah dan matrikulasi yang mengikuti Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.

Sebenarnya setiap pelajar dalam mempelajari bidang Sains dan Teknologi telah pun diberikan garis panduan supaya memahirkan dalam bahasa-bahasa asing, dan bahasa ilmu seperti Bahasa Inggeris ditekankan dalam mereka menjalankan proses

pendokumentasian pengajian mereka seperti pembentangan kertas kerja juga latihan dalam kumpulan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya biasanya apabila sesuatu kursus itu ditawarkan, ada suatu Lembaga Pengajian yang ditubuhkan dan ini termasuk komen-komen daripada mereka yang menjadi bakal majikan kepada pelajar-pelajar itu.

Adakah seterusnya sesuatu kursus itu diperkenalkan, pihak swasta itu sentiasa dijemput untuk memberi komen mereka sama ada kursus itu masih relevan dan memadai keperluan mereka bagi memastikan pelajar-pelajar itu mendapat pekerjaan apabila berijazah nanti. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam menggubal kurikulum ataupun menyusun kurikulum, kami di peringkat pengajian tinggi telah pun mengadakan semakan setiap lima tahun, tetapi bagi kursus-kursus yang kritikal seperti ICT, dilakukan dari semasa ke semasa dan pada pertemuan antara IPTA dan industri di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2003 telah pun mengadakan dialog dengan industri bagi mendapatkan pandangan industri terhadap pasaran pekerjaan.

Pada tarikh 28 Februari 2003, satu dialog, pada 4 Februari 2004 satu dialog dan yang terakhir pada 19 April 2005 pun pihak kementerian telah pun mengadakan dialog dengan industri untuk mendapatkan maklum balas terhadap kurikulum dan juga pasaran kerja pada masa kini. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kursus-kursus yang disusun dan dikaji semula itu kebanyakan di IPTA atau di IPTS dan juga dengan masalah kerelevanan kursus dan juga prestasi graduan IPT yang sekarang ini yang ramai tidak dapat kerja, apakah rancangan dan tindakan kementerian untuk memenuhi hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan serantau? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus yang mempunyai peratusan kalangan graduan yang tidak mendapat banyak pekerjaan pada waktu ini ialah seperti sastera dan sains sosial seperti kewangan, perniagaan dan perakaunan, sains dan teknologi dan teknologi maklumat kerana bilangan yang mengambil jumlah kursus ini berlebihan berbanding dengan tawaran pekerjaan.

Di peringkat IPTS sebenarnya, kita menawarkan kursus yang *market driven* ataupun berkehendakkan pasaran berbanding dengan IPTA yang menawarkan kursus yang lebih umum yang lebih luas dan pada dasarnya 60% di peringkat sains dan 40% di peringkat sastera dan kemajuan di peringkat IPTA sebenarnya dengan IPTS mutunya sama dan jaminan kualiti di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi dan LAN di peringkat IPTS menjaga kualiti supaya keyakinan awam terhadap kualiti penawaran standard anugerah IPTA dan IPTS tetap terpelihara dan dipertingkatkan ditambahbaikkan dari semasa ke semasa.

2. Tuan Chiam Yong Tee minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes jenayah berat pada bulan-bulan suku pertama tahun ini, mengikut umur dan kaum.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua, keadaan jenayah di Malaysia masih lagi dalam keadaan yang terkawal. Walau bagaimanapun, kes-kes ini tetap berlaku tetapi dalam jumlah yang kecil. Daripada statistik kes-kes jenayah berat seperti kes rogol, bunuh dan samun pada suku tahun pertama tahun ini adalah sebanyak 370 kes rogol, 125 kes bunuh dan 3,719 kes semun bagi semua kontinjen polis.

Bagi kes rogol, statistik menunjukkan kadar purata bagi setiap negeri adalah sebanyak 26 kes di mana negeri-negeri seperti Selangor, Johor, Perak dan Kedah telah menunjukkan kes yang tinggi. Kes-kes ini melibatkan umur mangsa di bawah 16 tahun sebanyak 169 kes, 16 tahun sehingga 18 tahun sebanyak 88 kes dan 18 tahun ke atas sebanyak 113 kes. Mangsa adalah terdiri daripada Melayu (240 kes), Cina (37 kes), India (25) kes dan lain-lain (68 kes).

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes bunuh pula statistik menunjukkan sebanyak 125 kes bagi tempoh Januari hingga Mac 2005. Negeri yang tertinggi menunjukkan jumlah kes ialah Selangor (30 kes), Sabah (20 kes) dan Johor (19 kes).

Mangsa bunuh yang tertinggi ialah di dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 40 tahun. Statistik juga menunjukkan mangsa adalah terdiri daripada bumiputera (35 kes), pendatang asing Indonesia (29 kes), Cina (25 kes) dan India (17 kes).

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir, bagi kes-kes samun pula, jumlah kes yang telah dilaporkan adalah sebanyak 3,719 kes. Selangor telah mencatatkan jumlah kes yang tertinggi iaitu 37.08% ataupun 1,379 kes. Johor (18.07%) atau 670 kes dan Johor (17.42%) atau 640 kes, sekian, terima kasih. Sekian, terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, walaupun kadar bilangan kes-kes jenayah berat itu berada pada tahap yang terkawal tetapi apakah langkah-langkah yang kerajaan telah ambil untuk mengurangkan lagi berlakunya kes-kes jenayah berat pada masa depan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang boleh diambil bagi mempertingkatkan rondaan dan sebagainya dan juga mengagihkan lebih ramai anggota-anggota polis ke tempat-tempat yang mungkin atau disyaki berlaku. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa tahap penyeksaan adalah tinggi khususnya andai kata untuk rogol, pada tahun yang lalu iaitu tahun 2004 adalah 92.72% yang telah diselesaikan. Untuk suku tahun ini ialah 88.6% kes telah diselesaikan iaitu kes rogol. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan Bandaraya Kuala Lumpur bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil oleh Bandaraya untuk menangani permasalahan yang dipersoalkan:

- (i) memusnahkan tempat pembiakan nyamuk menerusi semburan asap dan semburan *ultra low-volume* di Kuala Lumpur yang telah kita sembur hampir 1.9 juta premis yang telah dibuat sepanjang berlakunya epidemik daripada tahun yang lalu;
- (ii) membuat pemeriksaan untuk memastikan tempat yang berpotensi pembiakan nyamuk aedes juga dimusnahkan;
- (iii) mengadakan program gotong-royong oleh pihak Bandaraya dan badan -badan politik dan NOGs, sebanyak 94 gotong-royong telah dilaksanakan;

- (iv) mengadakan ceramah pendidikan, penyebaran risalah dan juga *slide* serta pameran telah dibuat;
- (v) mengenakan kompaun kepada semua premis-premis yang melakukan kesalahan; dan
- (vi) bekerjasama di kawasan-kawasan sempada di antara DBKL dengan Majlis Perbandaran yang berhampiran persempadanan di negeri Selangor untuk sama-sama mengatasi permasalahan itu.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu berapa kerapkah pegawai-pegawai kesihatan memeriksa tempat-tempat yang selalu terdapat pembiakan nyamuk aedes. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kekerapan pegawai-pegawai merupakan suatu tugas harian mengikut jadual yang telah ditetapkan. Tetapi apabila berlaku sesuatu atau terdapat kes-kes denggi berlaku di kawasan itu, walau pun dalam giliran lawatan itu terkemudian, ia terpaksa didahulukan.

Cuma pada masa kini, pihak kementerian telah mengarahkan DBKL supaya menumpukan perhatian di kawasan Setapak, Cheras dan juga Kepong di mana ini merupakan tiga kawasan yang menjadi penyumbang besar kepada demam denggi ini iaitu Setapak sebanyak 682 kes (170 positif), Cheras sebanyak 555 kes (105 positif) dan Kepong sebanyak 388 kes (121 positif).

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Di sini saya merakamkan penghargaan saya terhadap kehadiran bekas Menteri Besar negeri saya Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad ke Dewan Negara.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang mendapatkan pengalaman daripada negara Cuba yang dikatakan berjaya untuk membasmi aedes di sana?

Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd Isa bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pihak bandar raya dan seluruh negara khususnya Kementerian Kesihatan telah mencuba apa sistem pun, tetapi setakat ini belum nampak kejayaan di Malaysia. Cuma punca atau kerjasama orang ramai yang terbaik sekarang ini ialah penguatkuasaan

(*enforcement*) kerajaan merupakan sebagai tanggungjawab kita tetapi masyarakat mesti memainkan peranan menjaga kawasan masing-masing, membersihkan kawasan masing-masing, pastikan dalam rumah tiada air bertakung dan sebagainya, Insya-Allah ia dapat kita kurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kejayaan negara dalam bidang bio-teknologi dan berapakah bilangan bio-teknologi dalam negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab serentak soalan ini bersama soalan yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff pada 17 Mei, kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu dasar dan masa depan bio-teknologi negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menganggap bio-teknologi sebagai satu strategi penting ekonomi negara. Oleh sebab itu pada 28 April baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan hala tuju bio-teknologi negara ataupun *the way forward*. Tuan Yang di-Pertua, bersama sebentar tadi saya minta kebenaran untuk mengedat sedikit makalah tentang dasar dan bio-teknologi negara, mungkin dia lupa Tuan Yang di-Pertua. Minta banting satu kepada..... Dia bagi kepada orang lain itu, tetapi dia lupa kepada Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dalam antara tiga tumpuan yang kita ambil iaitu yang pertama, yang amat penting sekali seperti yang diwar-warkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu tentang dasar bio-tek khusus untuk industri agro-bio kita; yang keduanya yang penting tentang sektor kesihatan iaitu bio-tek kesihatan yang terakhirnya bio-tek industri.

Untuk melaksanakan dasar ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada sembilan sasaran atau teras-teras untuk kita, usaha kita menjayakan dasar bio-tek negara dan kita juga melengkapkan perancangan untuk tiga fasa. Fasa yang pertama ialah di antara tahun

2005 hingga 2010. Fasa yang kedua ialah pada peringkat tahun 2011 hingga 2015 dan fasa ketiga, insya-Allah nanti bila kita menjadi satu negara yang maju pada 2020, kita juga akan berjaya untuk membina dasar atau industri bio-teknologi negara. Pada ketika itu kita mengharapkan mensasarkan penyertaan kita 5% GNP ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menjayakan dasar ini kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu badan khusus. Kalau dahulu bila kita melancarkan dasar ICT negara kita mewujudkan *Multimedia Super Corridor* dan satu badan kita panggil *Multimedia Development Cooperation* (MDC), sebagai satu pusat - *one stop centre* untuk mengendalikan semua dasar-dasar ICT. Oleh kerana itu juga kerajaan amat serius untuk menjadi agenda bio-tek ini agenda penting ekonomi negara kerana dari segi temanya sebagai contoh kita meletakkan tema isu sebagai bio-tek untuk kemakmuran dan kesejahteraan negara. Untuk itu, kerana ini merupakan agenda penting kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu badan khusus yang dipanggilkan *Bio-Tech Corporation* untuk menterjemahkan - melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mohon kebenaran untuk memberi penghormatan kepada Dewan Negara saya membawa di sini Pengerusi yang baru, kalau dapat saya perkenalkan Tan Sri Ahmad Zaharuddin, Pengerusi *BioTech Corporation*, CEOnya Encik Iskandar, diperkenalkan kepada rakyat Malaysia melalui Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menubuhkan satu panel nasihat kepada kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Panel-panel ini nanti akan diisi dengan pakar-pakar bio-tek dunia dan mesyuarat yang pertama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk diadakan di Amerika dan pakar-pakar ini tidak hanya tertumpu pada pakar daripada Amerika tetapi pakar-pakar juga daripada Eropah, Jepun dan mana-mana yang kita rasa sesuai untuk menasihatkan kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, yang pertama ialah apakah kerajaan mempunyai insentif untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menyertai sektor bio-teknologi ini dan yang kedua, ialah apakah kerajaan mempunyai perancangan dan strategi untuk menarik

bakat-bakat yang bertaraf dunia sama ada penyelidik ataupun saintis untuk bertapak di negara kita dalam bidang bio-teknologi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat sedikit sebanyak sudah mengetahui industri ini melalui cara persoalan Yang Berhormat. Memang benar apa juga usaha kita untuk membina industri bio-tek, kita mesti merasakan sama ada kita ada pihak swasta untuk mengkomersialkan - memasarkan produk-produk yang kita bina. Oleh kerana itu kerajaan baru-baru ini bersetuju untuk memberikan insentif-insentif yang tertentu di bawah teras enam termasuk antara insentifnya kalau satu badan korporat, katalah satu syarikat *plantation* selalunya syarikat ini ada untung syarikat ladang, katakanlah dia tubuhkan satu anak syarikat bio-tek, tetapi mungkin dalam masa lima tahun dia rugi, kerugian ini boleh di *offset* dengan *group* untuk keuntungan peringkat kumpulan.

Ini salah satu usaha insentif yang baru yang diputuskan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Satu juga usaha bahawa kita hendak pastikan mereka yang berkecimpung dalam bidang ini, syarikat mereka ini boleh disenaraikan dalam pasaran saham, ini juga satu insentif dan SC telah mengumumkan baru ini yang lebih *detail* peraturannya akan diumumkan tidak lama lagi bagaimana nak memangkinkan atau menyenangkan lagi syarikat bio-tek untuk disenaraikan di pasaran saham Kuala Lumpur.

Soalan yang kedua Yang Berhormat tanya tentang saintis itu memang benar. Apa jua yang kita hendak bawa kepada fasa mesti dibina dahulu, mesti di *research*, dibuat kajian dahulu. Oleh kerana itu kita memerlukan saintis bukan sahaja ditambahkan kapasiti saintis tempatan tetapi ada baik juga dia berkecimpung atau bergabung dengan saintis di luar negara. Oleh kerana itu antara insentif yang kita berikan kepada saintis bahawa mereka ini mempunyai hak atas ciptaan yang mereka bina, itu yang pertama. Hak ciptaan (IP) ini boleh dimonitorkan dijadikan kewangan, dan yang ketiganya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju saintis kita yang masuk jangka umur 56 tahun, mereka ini masih lagi membuat kajian-kajian (*research*) yang mereka mulakan semasa mereka bekerja dahulu. Ini bermakna *scientist don't have to retire*, dengan izin, pada peringkat umur 56 tahun dan kita juga akan mewujudkan juga satu skim *brain game* untuk menarik minat tokoh-tokoh anak Malaysia

yang dahulunya belajar di luar negara menjadi saintis luar negara untuk menarik minat mereka pulang ke Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebagai menghormati kehadiran menteri sendiri, saya membenarkan satu lagi.....

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya ramai yang berminat soalan ini. Silakan Dr. Chin Fook Chin Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan industri ini satu industri yang memerlukan model yang begitu tinggi khasnya dalam pembuatan ubatan-ubatan katakan, adakah kementerian mengkaji dari segi mereka yang telah masuk ke industri ini dan mereka yang menghadapi masalah? Sejauh manakah kita telah mengkaji pengalaman daripada pihak-pihak ini sebelum kita memutuskan sesuatu? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Memang benar apa Yang Berhormat katakan bahawa industri bio-tek serupa juga industri-industri ekonomi baru ini mempunyai risiko yang berbeza. Oleh kerana itu kita perlu memberi satu insentif untuk menarik mereka seperti yang saya nyatakan tadi. Namun demikian kerajaan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Oleh kerana itu kita telah mewujudkan atau *re-branding* satu syarikat *venture capital* kita bernama MTDC supaya syarikat ini menjadi satu syarikat *venture capital bio-tech*, itu yang pertama.

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengarahkan syarikat-syarikat GLC supaya mereka juga tampil ke hadapan untuk memasuki industri bio-tek ini dengan usaha penggembleran *venture capital* oleh kerajaan penggembleran syarikat-syarikat kerajaan GLC ini kita harapkan supaya dapat mengepalai untuk membangunkan industri bio-tek negara. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan dalam memajukan bidang bioteknologi untuk fasa pertama dan apakah perkembangan terkini berkenaan dengan BioValley setakat ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, oleh kerana rancangan fasa pertama meliputi peringkat

Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah memohon peruntukan yang kita rasa perlu untuk membangun industri bioteknologi untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita tunggu nanti insya-Allah, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Rancangan Malaysia Kesembilan, pada ketika itu kita tahu peruntukan yang akan diluluskan untuk pembinaan industri bioteknologi negara.

Tentang BioValley itu kita teruskan juga. Namun demikian, kalau dahulu kita hendak bina tiga pusat makmal di sana tetapi kita tumpukan satu sahaja. Yang kedua, lagi seperti Genome Center, kita sudah ada satu pusat sementara Genome Center di UKM, mengapa tidak kita tidak teruskan bina sebagai Pusat Genome Negara, kerana apa untuk dalam industri bioteknologi ini yang perlu kita wujudkan bukan prasarana fizikal – buat jalan raya, potong bukit, buat kolam, tetapi yang penting kita wujud prasarana ilmu (*knowledge infrastructure*) iaitu alat yang perlu kita beli, kita perolehi, *scientist* yang perlu bina supaya mereka boleh buat *research* seterusnya. Kalau kita teruskan usaha kita dahulu, kita mungkin memakan masa lima tahun sebelum BioValley itu sepenuhnya dibina.

Saya yakin bahawa dengan izin *the world is not waiting for us*, dunia tidak akan tunggu pada kita dalam bidang industri bioteknologi. Oleh kerana itu, hendak mempercepatkan kita wujudkan konsep bionetses atau kaitan semua pusat di negara ini, Genome Center di UKM, MARDI diputuskan sebagai pusat Agrobio, Universiti Sains Malaysia (USA) Pulau Pinang tidak kurang kepakarannya dalam bidang *Detoxication*, di Universiti Sabah tidak kurang kepakarannya dalam bidang Biomarine. Oleh kerana itu, dengan cara kita ikatkan semua pusat-pusat yang mampu sama ada peranan mereka menjana ilmu, pusat-pusat *excellence center* atau pusat-pusat yang mampu untuk menjana bekalan kepada pusat-pusat ini dari segi biodiversitinya. Pahang – negeri saya, Perak – Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah sendiri. Mana-mana negeri – Kelantan juga kalau bangunkan biodiversity ini boleh membekalkan nanti industri bioteknologi. Kerana apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu supaya dalam pelaksanaan bioteknologi ini semua dibawa bersama untuk menyertai pembangunan industri bioteknologi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat apa jawapan cukup jelas, dan terima kasih juga kepada rombongan daripada Malaysian Bio-Tech Corporation. Ahli-ahli Yang

Berhormat sekejap tadi kita juga menerima kunjungan daripada Menteri Luar Hungary, kebetulan mereka telah keluar yang diiringi oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sekejap tadi. Silakan Dato' Dr. Vijayarajam.

5. **Dato' Dr. S. Vijayarajam** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah dasar kementerian untuk mengurangkan tarif import kenderaan-kenderaan asing yang diimport sepenuhnya (CBU) tetapi menaikkan pula cukai eksaisnya bercanggah dengan konsep AFTA itu sendiri.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai komitmen untuk mengurangkan duti import berkuat kuasa 1 Januari 2005 ke atas kenderaan lengkap dipasang (CBU) ke paras maksimum 20% di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) apabila sektor automotif dimasukkan ke dalam set atau skim keseragaman keutamaan tarif berkesan. Seterusnya kadar duti import akan diturunkan ke paras 0% hingga 5% pada tahun 2008 dan sifar peratus pada tahun 2010.

Bagi kenderaan CBU yang diimport dari negara bukan ASEAN, negara tidak mempunyai komitmen menurunkan kadar duti import tetapi kadar duti import ini juga telah diturunkan kepada kadar 35% hingga 50% daripada kadar 35% hingga 200% berkuat kuasa 1 Januari 2005.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa untuk menampung pengurangan pendapatan kerajaan telah mengenakan duti eksais ke atas semua kenderaan sama ada yang dikeluarkan dalam negara atau yang diimport sama ada dari ASEAN atau luar ASEAN. Duti eksais merupakan cukai dalaman negara dan duti eksais yang dikenakan adalah tidak bercanggah dengan konsep AFTA memandangkan ia juga dikenakan secara saksama bagi semua kenderaan sama ada yang diimport atau keluaran tempatan. Amalan percukaian dalaman seperti duti eksais juga terdapat di negara-negara ASEAN yang lain seperti Indonesia dan Thailand. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, rakyat keseluruhannya mengharapkan apabila terlaksananya AFTA ialah harga kenderaan kita menurun. Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah sebenarnya keuntungan untuk rakyat hasil daripada pelaksanaan AFTA yang telah dilaksanakan sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. AFTA adalah satu kawasan Free Trade Area, sebab kita juga hendak tidak menggalakkan eksport kita. Apabila kita hendak negara lain membuka pasaran kepada kita, kita juga terpaksa membuka pasaran kepada mereka dan dari segi ini jumlah eksport Malaysia telah meningkat dengan begitu tinggi selepas AFTA dan secara keseluruhannya ini telah menguntungkan negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah dengan mengambil kira kesan-kesan di atas jualan Proton selepas implementasi AFTA, saya juga diberitahu oleh pengedar-pengedar kereta bahawa penjualan Gen.2 dan eksport Proton kurang memuaskan. Apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasi keadaan ini? Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model Gen.2 hanya dilancar pada Februari 2004 iaitu baru setahun dan pencapaian jaluannya adalah memuaskan. Sehingga Mac 2005, sebanyak 27,600 unit telah dijual kepada penggunaan. Dari segi eksport, sebanyak 3,446 telah dijual di pasaran di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga secara keseluruhan eksport model-model Proton telah meningkat – untuk April 2004 ke 31 Mac 2005 sebanyak 17,243 model-model Proton telah dieksport untuk setahun ini. Ini adalah jumlah eksport yang kedua tertinggi selepas mencapai 27,000 pada tahun 1997. Biasanya Proton hanya menjual 6,000 hingga 7,000 unit setahun, dan memandangkan kualiti kereta yang bertambah baik Proton dijangka akan meningkat bilangan eksport pada tahun yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak perlu bimbang, bekalan mencukupi.

6. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah Jabatan Penjara Malaysia bercadang untuk mewujudkan Sistem 'Parole' di negara ini sebagai alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan banduan di penjara di seluruh negara. Jika ada bilakah ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara Malaysia memang bercadang untuk mewujudkan satu Sistem Parole sebagai sebahagian daripada rancangan pemulihan kepada banduan dan ini juga boleh merupakan sebagai satu alternatif untuk mengatasi masalah kesesakan di penjara di seluruh negara. Rancangan dan kajian teliti telah dan sedang dilakukan oleh pihak penjara bagi merealisasikan cadangan tersebut dan ia dijangkakan dapat mula dilaksanakan pada tahun 2006.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara ringkasnya tujuan pelaksanaan Sistem Parole adalah seperti berikut:-

- (i) mengurangkan *reoffending* melalui pendekatan pemulihan bersama keluarga dan masyarakat;
- (ii) kesinambungan kepada proses pemulihan yang dimulakan di dalam penjara;
- (iii) memudahkan proses penyerapan semula di dalam institusi kekeluargaan dalam masyarakat;
- (iv) membolehkan penggunaan ruang penjara secara optimum bagi aktiviti-aktiviti pemulihan banduan; dan
- (v) mengurangkan kos operasi membiayai pengurusan penghuni dalam penjara.

Melalui sistem tersebut sejumlah banduan yang layak memohon adalah dianggarkan seramai 7,000 orang dan dijangka kira-kira 30% banduan sabitan warganegara boleh dilepaskan secara Parole kalau diluluskan, dan ini adalah berdasarkan kepada statistik pada tahun ini iaitu pada bulan April ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Sistem *parole* ini adalah melibatkan kesemua banduan yang melakukan kesalahan jenayah dan ini memberi kesan yang cukup menakutkan masyarakat untuk mempercayai banduan ini benar-benar insaf. Apakah kerajaan bercadang untuk mengasingkan kes-kes jenayah dan kes-kes bukan jenayah bagi mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap bekas banduan? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kajian dan juga kertas kerja sedang disediakan dan kemungkinan besar bahawa hanya 30% sahaja yang layak dikaji

ataupun ditimbang untuk sistem *parole*. Banduan-banduan dengan sabitan yang serius seperti seseorang yang membunuh, perogol dan dalam kes-kes yang serius tidak layak dalam sistem *parole* ini. Ini juga merupakan sistem yang ada sekarang di mana banduan-banduan prabebas pun boleh dibenarkan bekerja di luar penjara. Tetapi sebelum sistem *parole* ini dilanjutkan dan dilaksanakan, banduan yang layak ialah banduan yang telah menjalankan jangka sabitan ini sekurang-kurangnya 50% sebelum mereka ditimbang atau membuat permohonan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kerajaan mengkaji sistem *parole* ini daripada mereka yang telah lama melaksanakan skim ini dan apakah masalah-masalah yang didapati oleh mereka yang telah melaksanakan skim ini? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, rombongan telah pun diadakan ke negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan juga Australia untuk mengkaji dan lebih memahami sistem *parole* yang telah dijalankan di ketiga-tiga negara tersebut. Di antara masalah yang dihadapi dalam sistem ini ialah masalah pegawai *parole* yang kadang-kadang tidak mencukupi dan mengenai dengan bagaimana kita dapat memantau atau menjaga orang-orang yang dilepaskan di bawah sistem *parole* ini. Tetapi, dengan adanya teknologi yang terkini di mana menggunakan *electronic tagging*, mungkin usaha ini dapat dijalankan dengan lebih lancar. Terima kasih.

7. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah strategi kementerian di dalam menangani masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, terutamanya pada waktu ini bila mana projek-projek pembangunan sedang hebat dilaksanakan dan mungkin akan menyebabkan berlakunya kerosakan dan halangan kepada aliran air. Apakah peranan DBKL di dalam menentukan perkara ini dapat dielakkan.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah jangka pendek yang diambil bagi mengurang atau menangani masalah banjir kilat di enam kawasan yang kita kenal pasti ialah:

- (i) kebersihan yang berterusan sama ada sungai, parit utama atau longkang di tepi jalan;

- (ii) membina tambahan, membersihkan dan membesarkan *outlet* di tepi jalan serta membina semula longkang di kawasan-kawasan yang tersebut;
- (iii) kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sungai yang melibatkan pembersihan perangkap sampah, membersihkan tebing dan kawasan rizab sungai;
- (iv) kerja-kerja penyelenggaraan sistem saluran induk yang merangkumi kerja-kerja membaik pulih struktur aliran induk yang runtuh dan menaikkan taraf saluran induk yang sedia ada;
- (v) mengawal fungsi perangkap keladak yang dibina dan di selenggara oleh pemaju bagi mencegah keladak di sungai. Bagi jangka panjang seperti yang pernah dinyatakan ada beberapa projek besar yang dilaksanakan terutama projek *system water by-pass tunnel* - *SMART tunnel* untuk melencongkan air sungai dari hulu Sungai Klang bertujuan untuk mengurangkan dan mengawal aliran masuk ke Sungai Klang yang bermasalah ke pusat bandar berharga RM1.9 bilion. Insya-Allah ia dijangka siap pada penghujung 2006 dan kini 49.1% peratus kemajuannya; dan
- (vi) meluaskan terusan lencongan air di Sungai Gombak ke kolam takungan di kawasan Batu dan mempertingkatkan kolam takungan di kawasan Jinjang dan Batu yang berharga RM587 juta dan setakat ini kemajuannya 21.8%. DBKL akan melaksanakan projek pembinaan rumah pam, kolam takungan dan yang terbesar sekali ialah kolam takungan di Flat Sri Johor yang menelan belanja hampir dijangkakan RM50 juta dan kini dalam peringkat reka bentuk.

Beberapa langkah lain akan kita teruskan. Namun demikian, untuk mengatasi masalah sungai, longkang dan sebagainya kita mengharapkan kerjasama orang ramai supaya tidak membuang sampah ke sungai atau longkang supaya sungai tidak menghadapi masalah dan longkang tidak tersumbat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang projek tebatan air yang sedang dilaksanakan bagi mengalirkan air Sungai Gombak ke Sungai Batu. Saya difahamkan bahawa projek ini memakan belanja RM528.9 juta. Persoalannya ialah kerosakan yang dialami oleh pemilik-pemilik rumah di jalan Batu Geliga Satu Taman Melewar.

Saya difahamkan daripada 32 buah rumah yang berhampiran dengan projek itu, sebanyak 28 buah rumah mengalami kerosakan. Saya ingin tahu siapakah yang akan membantu mereka ini untuk memperbaiki kerosakan rumah mereka ini. Adakah pihak bandar raya ataupun kementerian telah mengadakan rundingan dengan kontraktor utama iaitu Peremba yang saya difahamkan panjangnya hanya lebih kurang 3.3 kilometer sahaja? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian terutama sekali bagi membantu penduduk-penduduk yang rumah mereka telah pecah dan rosak? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada berlaku kerosakan di mana-mana bangunan yang berhampiran dengan kawasan-kawasan projek, jika ianya dilaporkan, pihak kementerian dan bandar raya akan berbincang bersama dengan kontraktor untuk mengatasinya terutamanya seperti projek *SMART tunnel* itu supaya kalau ada perkara yang berlaku dapat kita selesaikan. Begitu juga dengan di kawasan Batu, kalau ada perkara-perkara yang dilaporkan dan sahah bahawa kerosakan itu disebabkan oleh projek tersebut, sudah pasti pihak pemaju atau kontraktor akan menimbang soal pembaikannya. Tetapi kalau ia rosak kerana memang sudah rosak sebab projek itu datang dia mengaku ia rosak, maka ini kena dikaji secara yang lebih mendalam.

Keduanya, kita lihat juga bahawa adakah rumah-rumah itu rumah yang sahah tanahnya ataupun atas rizab sungai. Jika ia duduk di atas tanah rizab sungai, maknanya dia meneroka tanah kita bukan kita meneroka tanah dia. Kita juga perlu melihat dari aspek itu. Namun demikian, kerajaan akan menimbang dari konteks peri kemanusiaan dalam menyelesaikan semua masalah.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah Yang Berhormat sedar sejak sekian lama apabila terjadinya hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat ia akan menyebabkan kesesakan

lalu lintas di ibu kota. Oleh itu apakah langkah-langkah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasinya?

Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebut jangka pendek lima langkah yang kita buat itu merupakan program yang berterusan – bersihkan sungai, membesarkan dan mendalamkannya, ini merupakan projek yang mesti dibuat sepanjang masa. Cuma yang kita harap orang ramai tidak akan mencampakkan sampah dan barang-barangan termasuk mayat ke dalam sungai. Ini boleh menghalang aliran air secara yang lebih licin.

Yang kedua, jangka panjang seperti yang saya sebut tadi ini akan memakan masa sedikit. Ianya dijangka siap pada tahun 2006. Umpamanya banjir kilat di Sungai Besi berhampiran dengan *airport* lama. Ianya akan dapat kita selesaikan apabila takungan di Flat Seri Johor dijangka siap pada tahun 2007 nanti supaya kita dapat mengalirkan air ke *retention pond* yang dibuat di kawasan itu. Selagi kita tidak dapat menyelesaikan masalah itu maka banjir itu akan berterusan. Jadi saya percaya dengan projek-projek besar yang dilaksanakan oleh DBKL dan juga kerajaan, *insya-Allah* pengurangan itu dapat kita atasi walaupun kita tidak dapat mengatasinya 100%. Hasrat kita dari masa ke semasa kalau boleh tidak akan berlaku banjir sama ada banjir besar ataupun banjir kilat di Bandar Raya.

8. **Datuk Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengenai jumlah lesen agensi persendirian (pengawal keselamatan) yang telah dan akan dikeluarkan oleh kementerian dan apakah syarat-syarat yang perlu bagi memperolehi lesen tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua sehingga bulan April 2005 sebanyak 304 lesen syarikat kawalan keselamatan atau lesen 2A di bawah Akta Agensi Persendirian telah dikeluarkan oleh pihak kementerian. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian bagi pemohon-pemohon lesen adalah seperti berikut:

- (i) salinan kertas kerja perancangan perniagaan bersama biodata pemegang saham dan ahli Lembaga Pengarah Syarikat;

- (ii) salah seorang pemegang saham terdiri daripada sekurang-kurang bekas pegawai tinggi Polis Di-Raja Malaysia atau Tentera di-Raja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya ACP atau Leftenan Kolonel yang memegang 30% ekuiti saham syarikat;
- (iii) hendaklah ditubuhkan syarikat sendirian berhad;
- (iv) mempunyai modal berbayar sebanyak RM300 ribu; dan
- (v) pemegang saham syarikat dimiliki oleh bumiputera sebanyak 70%.

Kementerian tidak menetapkan jumlah lesen yang akan dikeluarkan di masa hadapan. Ini bergantung kepada keperluan dari masa ke semasa. Pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan akan dipanggil untuk sesi temu duga oleh panel khas kementerian yang akan menilai kebolehan dan kemampuan sesebuah syarikat. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya, berapa lamakah mengambil masa sesuatu permohonan dijawab sama ada diluluskan ataupun tidak dan adakah semasa lesen dibekukan, ada lesen diluluskan dan siapakah yang berkuasa meluluskan dan adakah anggota-anggota kawalan keselamatan dilatih sebelum menjalankan tugas?

Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, masa untuk meluluskan adalah tertakluk kepada temu duga dan juga kepada butir-butiran yang telah diserahkan. Kalau boleh diluluskan dalam tempoh setahun dan soalan yang akhir saya tidak dengar.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau Yang Berhormat hendak ulang.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Siapakah yang meluluskan jika sekiranya lesen itu dibekukan dan adakah anggota-anggota kawalan keselamatan itu dilatih sebelum menjalankan tugas dan kewajipan mereka?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu panel khas yang akan membuat penilaian dan selepas itu barulah keputusan akan dibuat sama ada diluluskan ataupun tidak. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan projek bermasalah atau terbengkalai pada hujung tahun 2004 dan nyatakan 10 projek kerajaan yang terbesar serta bermasalah dan apakah tindakan kerajaan untuk memulihkan projek-projek tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga penghujung tahun 2004 sebanyak 215 projek telah dikategorikan sebagai bermasalah. Dari jumlah tersebut sebanyak 43 projek lewat melebihi tiga bulan daripada jadual, 83 projek tamat tempoh kontrak tetapi belum siap, dan 89 projek belum dapat ditutup akaunnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 215 projek bermasalah yang saya sebut tadi terdapat 10 buah projek yang dianggap besar iaitu 4 projek hospital, 4 projek jalan Persekutuan, 1 projek jambatan dan 1 projek universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah Fasa II.

Empat projek hospital iaitu Hospital Sungai Buloh, Hospital Alor Setar, Hospital Sungai Petani dan Hospital Ampang. Manakala projek jalan pula ialah menaik taraf jalan Kapar-Sabak Bernam, Kelang-Banting, Jalan Muar-Melaka, Alor Gajah-Simpang Ampat, jalan pintas semua jalan - Simpang Pulai-Loging, Gua Musang-Kuala Berang, Pakej 2A, 2B. Bagi projek jambatan yang bermasalah ialah Jambatan Sungai Perai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat izinkan saya memberi penjelasan lanjutan mengenai kedudukan 10 projek bermasalah. Saya percaya ini akan mengambil masa 20 minit untuk memberi penjelasan. Lebih baik saya bagi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudi datang menjawab soalan ini di Dewan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan pihak JKR untuk mencari jalan lain untuk menyiapkan projek-projek yang berkos tinggi juga menanggungkan projek-projek yang tidak membawa faedah kepada rakyat.

Soalan tambahan saya, adalah pihak JKR akan kaji semula dan mencari jalan lain untuk memulihkan projek-projek yang bermasalah ini dan juga macam mana projek-projek yang tidak membawa faedah kepada rakyat itu boleh dirancang dan dicadangkan oleh Jabatan dan agensi kerajaan dijadikan projek kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kami telah jawab berkenaan dengan permintaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang kita menyiasat

adakah projek yang tidak berguna atau tidak memberi faedah kepada rakyat. Jadi apabila kita menghantar projek kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bukanlah projek itu terus diluluskan. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyiasat untuk mendapat tahu adakah projek ini akan membawa faedah kepada rakyat atau tidak. Jadi apabila mereka lulus barulah mereka memberi peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan. Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan sahaja tetapi bukan membuat keputusan. Keputusan terakhir untuk meluluskan atau tidak terletak dalam tangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, atas permintaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami menyiasat satu projek yang saya suka membangkitkan di sini iaitu Projek Simpang Pulai-Loging-Kuala Berang. Projek ini sudah selesai beberapa bahagian dan ada lagi dua pakej sahaja iaitu 2B dan 2C yang belum diselesaikan. Walaupun projek ini dilaksanakan beberapa lama ini tetapi projek ini akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada mereka.

Ini juga akan membawa pembangunan kepada kawasan-kawasan jikalau tidak ada jalan, tidak ada pembangunan. Satu masa yang lalu apabila kita membina Lebuhraya Utara-Selatan ada juga parti-parti pembangkang marah kita, ambil kita pergi ke mahkamah, minta kita memberhentikan pelaksanaan projek. Oleh kerana mereka menyatakan ini tidak berguna kepada rakyat, tetapi itu bukan betul. Jadi, ini kita sudah tahu, apa-apa projek yang kita laksana, kerajaan laksana setakat ini memberi beberapa faedah kepada rakyat.

Oleh kerana itu, saya telah minta semalam, saya sudah minta ketua pengarah kerja raya untuk menyiasatkan dalam apa projek dalam pelaksanaan, mana satunya memberi lebih faedah kepada rakyat kita boleh laksana. Jikalau ada juga projek-projek dalam pelaksanaan pertengahan sekarang, mahukah kita memberhenti, atau mahukah kita teruskan atau mahukah kita lebarkan projek itu. Itu permintaan kita akan menghantar kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan. Kami macam alat sahaja, Jabatan Kerja Raya bukanlah bos. Jabatan Kerja Raya alat sahaja, bila minta kita buat, kita buat, bila minta kita jangan buat, kita tidak ada buat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah projek CIQ di Tanjung Puteri itu dianggap sebagai projek bermasalah dan akan menjadi projek Gajah Putih kerana tertanggunya pembinaan jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, CIQ kerja sudah mengikut dengan jadual yang sedia ada, tidak ada masalah tetapi pembinaan jambatan iaitu satu masalah kita tidak dapat persetujuan daripada Kerajaan Singapura. Perbincangan-perbincangan sedang berlaku di antara peringkat Kementerian Luar Negeri apabila ada juga apa-apa keputusan yang berkenaan dengan itu barulah kita mula, jikalau tidak kita kena ikut dengan reka bentuk telah disiapkan pada satu masa yang lalu.

[Soalan No. 10 – Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu tidak hadir]

11. **Tuan Hii Tiong Kuoh** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan masih terdapat kawasan-kawasan pembalakan yang tinggal tanpa usaha. Selain daripada tanam semula dan juga perladangan apakah alternatif lain yang diusahakan oleh kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hutan negara diusahahaskan mengikut 3 kategori iaitu yang pertama hutan simpanan kekal, yang kedua hutan tanah kerajaan dan yang ketiga hutan tanah milik. Syarat-syarat pembalakan bagi ketiga-tiga kategori adalah berbeza iaitu pembalakan di hutan simpanan kekal adalah lebih ketat kerana berteraskan kepada prinsip pengurusan hutan secara lestari. Pembalakan hutan di tanah kerajaan dan tanah milik adalah tidak mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara lestari kerana kawasan-kawasan tersebut diusahahaskan untuk tujuan pembangunan serta tanpa banyak kawalan kecuali lesen pengeluaran balak.

Walau bagaimanapun, bagi tanah kerajaan yang masih tidak diubah penggunaannya selepas pembalakan dan dalam masa tempoh tertentu kementerian telah menasihatkan adalah lebih baik bagi kerajaan negeri mewartakannya sebagai hutan simpan kekal supaya usaha-usaha pemulihan dapat dijalankan daripada

ditinggalkan tanpa sebarang aktiviti. Kementerian juga meminta kerajaan negeri supaya mengkaji kaedah mengeluarkan hutan simpanan kekal untuk tujuan pembangunan diperketatkan seperti membawanya ke mesyuarat dewan undangan negeri masing-masing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ismail Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat negeri-negeri tertentu yang membiarkan tanah yang dikosongkan hasil daripada kawasan pembalakan ini lebih daripada 5 tahun. Apakah tindakan yang harus diambil oleh kementerian dalam usaha menangani masalah ini dengan kadar yang segera. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Bagi jawapan kepada soalan tambahan tersebut, sememangnya kementerian sedar terdapat negeri-negeri yang sewenang-wenangnya mengeluarkan hutan simpanan kekal tersebut bagi tujuan pembangunan dan sebagainya, terutama sekali di negeri-negeri seperti Kelantan. Ini terjadi adalah akibat daripada kelonggaran dari segi akta itu sendiri, di mana tanah-tanah tersebut dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal untuk tujuan seperti perlombongan emas, penanaman ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya. Tetapi apa yang kita dapati selepas balak-balak tersebut dikeluarkan daripada tanah tersebut, tanah-tanah tersebut telah ditinggalkan hampir melebihi 5 hingga 10 tahun tanpa dikerjakan. Jadi, ini pihak kementerian sedar dan kita telah menasihatkan negeri-negeri terbabit supaya mengetatkan undang-undang pengeluaran hutan-hutan simpanan kekal tersebut seperti membawanya ke Dewan Undangan Negeri sebelum diluluskan oleh kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan. Terima kasih.

12. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan jangka panjang kerajaan di dalam memantapkan mekanisme pelaksanaan projek di bawah RMK-9 memandangkan ianya adalah punca kelemahan pelaksanaan projek di bawah RMK yang lalu terutama di kawasan luar bandar. Apakah akan ada jentera baru dikendalikan untuk tujuan pemantauan atau jentera sedia ada dirombak.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapha bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim kerana bertanya soalan ini. Bila kerajaan melaksanakan satu perancangan termasuklah perancangan 5

tahun, sekarang ini Rancangan Malaysia Kelapan selepas ini Kesembilan kita hendak capai beberapa sasaran atau pun matlamat, contohnya untuk meningkatkan pendapatan orang kampung, untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur. Ini antara matlamat atau pun mengurangi kemiskinan itu matlamat kita. Dalam melaksanakan projek-projek tertentu kita mengalami beberapa masalah, 4 secara umumnya:

- (i) projek lambat bermula, atau pun sesetengahnya kadang-kadang tidak bermula langsung dengan izin, *failed to take off*;
- (ii) projek siap tetapi tidak boleh diguna;
- (iii) projek siap tetapi kualitinya tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh kerajaan;
- (iv) tidak tercapai matlamat kerajaan, umpamanya projek tujuan untuk meningkatkan pendapatan orang kampung luar bandar tetapi tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Ini 4 isu yang timbul. Untuk melaksanakan projek-projek tertentu kita memerlukan 3 perkara:

- (i) memerlukan agensi tertentu, untuk luar bandar kita perlukan kementerian luar bandar umpamanya;
- (ii) perlukan peraturan, kaedah, umpamanya dalam memberikan tender dan kontrak; akhirnya
- (iii) kita perlu membuat pemantauan yang teliti apabila projek dilaksanakan.

Menyedari beberapa kelemahan yang berlaku dalam tempoh RMK-9, kerajaan sedang melaksanakan beberapa perubahan pembaikan memastikan bahawa *delivery system*, dengan izin, atau pun sistem penyampaian dapat ditingkatkan. Kita tidak bercadang untuk menubuhkan agensi baru bagi menetapkan keberkesanan, sebaliknya kerajaan ingin memperbaiki lagi cara kita melaksanakan projek dan program supaya lebih berkesan supaya matlamatnya tercapai.

Ke arah itu, kerajaan telah mengeluarkan arahan nombor 1 tahun 2004 di mana ditubuhkan Majlis Tindakan Negara dalam menyelesaikan negeri dan tujuannya ialah untuk memastikan bahawa segala masalah berkaitan dengan pelaksanaan projek dapat diatasi oleh majlis tersebut yang merupakan majlis tertinggi di peringkat negara dan

peringkat negeri bagi menangani isu-isu, masalah-masalah projek terbengkalai atau pun tergendala. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

13. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah had masa (tempoh) yang ditetapkan oleh pihak kementerian untuk mengeluarkan surat pengesahan jawatan bagi seseorang Pegawai Perubatan. Adakah terdapat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi penentuan tempoh tersebut memandangkan terdapat kes surat pengesahan jawatan dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 tahun perkhidmatan dan ada pula kes yang terpaksa menunggu selama 5 tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, surat memaklumkan mengenai pengesahan dalam perkhidmatan bagi pegawai perubatan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebaik sahaja mendapat kelulusan dari pihak berkuasa melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kelewatan pengesahan dalam Perkhidmatan Pegawai Perubatan bukan semata-mata berpunca daripada kelewatan pengeluaran surat pemakluman pengesahan dalam perkhidmatan, sebaliknya disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kelewatan pegawai untuk menghadiri Kursus Induksi yang diwajibkan sebagai syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan di samping ketiadaan dokumen lengkap bagi diperakukan kepada SPA. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya ialah adakah perbezaan tersebut di dalam soalan asal bergantung kepada pengiktirafan kolej atau universiti perubatan di mana doktor berkenaan dilatih. Oleh sebab ada yang diberi pengiktirafan penuh dan ada yang diberi pengiktirafan mengikut syarat-syarat tertentu, sekian terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelantikan itu kita tidaklah bergantung pada pengiktirafan kolej perubatan kerana apabila doktor-doktor ini mereka masuk ke dalam hospital untuk dilatih bermakna mereka telah diiktiraf sebagai datangnya kolej-kolej perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, sekian terima kasih.

14. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak kementerian sedar bahawa Malaysia diambang inflasi akibat daripada kenaikan harga minyak, tambang tol, bahan-bahan binaan, minuman dan barang runcit. Apakah tindakan kerajaan untuk menentukan supaya kenaikan barangan perlu tidak mendatangkan masalah terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar terdapat sedikit peningkatan dalam kadar inflasi iaitu 2.4% pada bulan Februari dan 2.6 pada bulan Mac 2005. Pada tahun 2004 kadar inflasi ialah 1.4%. Peningkatan ini walau bagaimanapun, masih kecil berbanding dengan 5.3% yang pernah kita alami pada tahun 1998 semasa mengalami krisis kewangan.

Kenaikan harga minyak telah disebut-sebut sebagai penyumbang utama kepada kenaikan inflasi. Pada hakikatnya peningkatan kecil 2.4% ini berpunca sebahagian besarnya daripada peningkatan dalam harga minuman keras dan rokok - 5.4%, makanan - 3.2%, pengangkutan dan komunikasi - 1.9%. Bagi bahan api - 1.4%. Punca yang menyumbang kepada peningkatan harga ialah hanya harga petroleum dipam minyak yang telah dibenarkan meningkat sebanyak 5% pada 1 Oktober 2004 dan pada 1 Mac 2005. Peningkatan ini adalah kecil berbanding dengan harga minyak mentah yang telah mencecah USD 59 setong.

Seperi Yang Berhormat sedia maklum, walaupun harga minyak mentah tinggi, harga di stesen minyak masih terkawal rendah di bawah skim mekanisme harga automatik ataupun APM. Walau bagaimanapun, menyedari kesan jangka panjang, harga petroleum mentah yang tinggi ke atas ekonomi negara, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji impak kenaikan harga produk petroleum ke atas ekonomi negara.

Antara langkah-langkah yang dikenal pasti ialah:

- (i) meningkatkan penggunaan *natural gas vehicle*, NGB oleh pengangkutan awam;
- (ii) menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui ataupun *renewal gas and energy* seperti tenaga suria dan *biomass*;

- (iii) menggunakan minyak kelapa sawit sebagai *bio-fuel* dan menggalakkan konsep *low energy office*.

Selain daripada petroleum kerajaan telah bersetuju tambang bas ekspres dinaikkan dari 55 sen kepada 65 sen sekilometer dan teksi dari RM3.50 kepada RM4.67 sen bagi 5 km yang pertama yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2005. Walau bagaimanapun, kenaikannya kecil dan dijangka tidak membebankan pengguna.

Kerajaan juga melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengawal harga beberapa barangan dan perkhidmatan terpilih di bawah Akta Kawalan Harga. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memantau kenaikan harga 255 jenis barangan dan perkhidmatan;
- (ii) mengawal harga dengan menetapkan harga runcit syiling ke atas beberapa barangan seperti gula, susu pekat manis dan tepung gandum;
- (iii) mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat supaya bajet defisit dapat dikurangkan. Bajet defisit yang besar secara berterusan akan membawa ketidakseimbangan dalam ekonomi seperti kadar faedah dan kadar inflasi yang tinggi yang boleh menjejaskan keyakinan pelabur untuk melabur di negara ini;
- (iv) menggalakkan dan menyeru pengguna supaya berbelanja secara bijak dan tidak melakukan pembaziran melalui program-program kepenggunaan yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di seluruh negara.

Di samping itu, kerajaan sentiasa mengamalkan pengurusan ekonomi yang berhemat dan cekap dan mengawal perbelanjaannya supaya tidak menimbulkan tekanan ke atas kadar inflasi. Langkah-langkah tersebut tadi dapat menentukan golongan berpendapatan rendah dan miskin tidak menanggung beban dari kenaikan harga yang tidak berpatutan oleh para peniaga. Bagi mereka yang menaikkan harga sewenang-wenangnya tindakan tegas akan diambil Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, tiada maknanya berbangga dengan pertumbuhan ekonomi sementara negara

menghadapi inflasi. Inflasi akan mendatangkan tekanan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan akan mengganggu ketenangan hidup mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: .. dan kuasa membeli juga akan menurun. Sedikit inflasi mungkin baik akan tetapi inflasi yang tinggi ataupun yang kian meningkat akan mempengaruhi kedudukan ekonomi negara yang boleh mengakibatkan kehilangan kekuatan persaingan dalam pengeluaran barangan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk menerima sebarang tuntutan kenaikan gaji dalam menampung peningkatan perbelanjaan hidup dan adakah kerajaan akan bertindak untuk melepaskan tambatan ringgit kepada wang Amerika sebagai langkah untuk mengurangkan beban inflasi oleh kerana ini adalah hubung kait dengan inflasi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berkenaan dengan *pegging* yang ditanya tadi, setakat ini kerajaan belum cadang ataupun tidak, setakat masa ini belum bercadang untuk meminda atau mengubah *pegging* yang sedia ada. Tentang permintaan untuk meningkatkan gaji, kalau kerajaan menaikkan gaji, dia juga akan memberi kesan kepada inflasi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini memang belanja pengurusan sudah makin meningkat, kalau kita lihat di sini belanja pengurusan kalau banding dengan hasil juga meningkat. Tahun 2001 saya bagi contoh, belanja mengurus RM63.7 bilion, 2004 sudah naik sehingga RM91.29 bilion, sudah meningkat tinggi. Pada hal hasil tidak meningkat begitu banyak. Sebab itu dalam hal ini kerajaan terpaksa berhati-hati dalam menimbang apa-apa permohonan untuk meningkatkan gaji.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL
MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesebelas.” **[5 Mei 2005]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

11.18 pagi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung kasih an perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini, saya hanya ingin memfokuskan beberapa perkara yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang menjuruskan kepada perkara pokok. Antara lainnya, seperti mana yang telah dititahkan dalam *paragraph* 28 yang berbunyi, “Kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang terdapat dalam negara ini merupakan satu kekuatan bagi negara. Namun untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai agama dan budaya bukanlah perkara mudah.”

Itu adalah Titah Ucapan dan peringatan Ke Bawah Duli Tuanku selaku payung negara kepada kita semua yang memberi peringatan dan mungkin amaran ke bawah Duli Tuanku itu harus dihayati dan diteliti dan direnung dengan serius oleh semua pihak tanpa mengira agama, bangsa mahupun fahaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya melahirkan inti pati suara hati saya di dalam Dewan yang mulia ini dan izinkan saya untuk menyingkap kembali sejarah sedikit sebanyak tentang latar belakang negara kita. Kita atau mana-mana masyarakat atau bangsa atau mana-mana negara yang berdaulat tidak boleh lari dari menoleh sejenak sejarah masa lampau, kerana sejarah masa lampau boleh mengajar kita untuk merancang bagi membawa sesuatu masyarakat dan negara menuju ke satu hala tuju yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, selama 100 tahun Kerajaan Melayu Melaka melalui zaman kegemilangannya sehingga melebarkan pengaruhnya di nusantara. Namun peristiwa 1511 di mana penjajahan demi penjajahan telah melanda negara kita dimulakan dengan Portugis dan diikuti dengan Belanda, Inggeris, Jepun dan Bintang Tiga dan kemudian kembali kepada Inggeris selepas Perang Dunia Yang Ke-2. Negara kita dijajah hampir 446 tahun, bangsa Melayu terus ditindas, maruah bangsa Melayu hampir ranap, musnah di Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun tuhan masih sayangkan maruah bangsa Melayu dan Tanah Melayu, maka gara-gara pihak penjajah melalui *Harold Michael* mahu menubuhkan Gagasan *Malayan Union* dengan cara putar-belitnya untuk terus menjajah dan melaksanakan dasar *divide and rule* semata-mata mengekalkan dasar penjajahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di saat itulah terdetik di hati, darah yang mengalir di hati orang-orang Melayu untuk bangun bersatu di seluruh negeri-negeri Melayu untuk terus menentang *Malayan Union* dengan tarikh keramat 11 Mei 1946 wujudlah UMNO, iaitu satu gabungan orang-orang Melayu untuk menentang secara habis-habisan secara mata pena dan juga melalui suara lantang.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Onn Jaafar tidak dapat kita lupakan daripada sejarah dan untuk makluman Yang Berhormat insya-Allah dua hari lagi parti UMNO, iaitu parti yang kini tertua di dunia akan menyambut penubuhan hari ulang tahunnya yang ke-59. Secara ringkasnya atas kesedaran dan kepintaran kepimpinan UMNO melalui Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan kepimpinan parti orang-orang Cina mendiang Tun Tan Cheng Lok dan juga kemudian diikuti oleh parti MIC yang diketuai oleh mendiang Tun Sambanthan telah menubuhkan Parti PERIKATAN, dan di dalam Pilihan

Raya Umum yang pertama tahun 1955, Parti PERIKATAN telah memperoleh kecemerlangan dengan mendapat 51 kerusi daripada 52 kerusi dan 1 kerusi telah dimenangi oleh parti Pas. Parti Pas wujud tahun 1951 iaitu merupakan cebisan serpihan daripada UMNO sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya lahirkan peristiwa ini kerana ini adalah merupakan satu *paradigm shift* di dalam masyarakat Melayu, Cina, India pada ketika itu kerana wujudnya satu konsep gagasan kongsi kuasa yang pertama di dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan dicapai melalui tolak ansur di mana terbentuknya Perlembagaan negara, antara lainnya termaktub menjadikan agama Islam agama rasmi, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, kedudukan hak keistimewaan orang Melayu terpelihara dan agama-agama lain diberikan keutamaan dan dibenarkan masyarakatnya yang menganuti agama tersebut terus menganuti dan melaksanakan amalan masing-masing, dan di samping itu Perlembagaan negara terbentuk dengan masyarakat Melayu pada ketika itu sanggup bertolak ansur menerima hampir 400,000 warganegara asing untuk menjadi warganegara Tanah Melayu dan kita tahu di mana-mana di seluruh dunia dasar penjajah telah melaksanakan *divide and rule* semata-mata untuk terus memeras negara-negara yang mereka jajah dan di sinilah di antara masalah yang telah dihadapi oleh kerajaan kita.

Kerajaan PERIKATAN untuk mewujudkan perpaduan amat sulit kerana bagi mengisi kekosongan telah wujud satu jurang kemiskinan, ketidaksamarataan antara kaum yang begitu meleluasa akibat daripada perintah *divide and rule* melalui pihak penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat sendiri masih ingat beberapa dasar telah dirangka dan dilaksanakan oleh Kerajaan PERIKATAN bagi mengisi erti kemerdekaan. Namun akhirnya di dalam pilihan raya 1969 lantaran perpaduan yang begitu longgar dan rapuh, maka kita tidak dapat lari daripada mengingati kembali akan peristiwa hitam Mei 13 iaitu hanya selepas 12 tahun kita mencapai kemerdekaan.

Rusuhan kaum meletus, huru-hara berlaku dan akhirnya atas semangat kesedaran demi masa hadapan bangsa dan negara, parti yang didukung oleh UMNO telah berani dan mengorbankan termasuk parti-parti komponen bangsa yang lain

bersetuju untuk membentuk satu kerajaan campuran termasuk Sabah dan Sarawak semata-mata untuk menjadikan perpaduan kaum dan integrasi nasional menjadi teras agama, dan di situlah juga bermulanya anjakan yang kedua dari segi semangat kongsi kuasa untuk mengurangkan ketegangan politik semata-mata melihat untuk pembangunan dan keharmonian negara, dan lahirlah beberapa dasar termasuk Dasar-dasar Ekonomi Baru, yang mana ianya merupakan titik tolak ke arah menyedarkan seluruh rakyat Malaysia di negara ini akan erti pentingnya suatu harta, suatu keharmonian perpaduan kaum yang amat diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Mohd Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad banyak menyebut tentang sejarah perjuangan sehingga terbentuknya berbagai dasar dan Yang Berhormat tadi menyebut tentang dasar Bahasa Kebangsaan dan memanglah sebenarnya kita telah banyak melakukan susah payah terutamanya setelah berlakunya peristiwa 13 Mei.

Di mana akhirnya lahirlah berbagai dasar seperti yang cuba disebut oleh Yang Berhormat tadi termasuk dasar Bahasa Kebangsaan, tetapi tidakkah dengan adanya satu dasar baru pula untuk kita hendak kembali ke tempat yang lama, iaitu kita hendak mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ini tidak dianggap sebagai usaha untuk membunuh bahasa Melayu itu sebagai bahasa perpaduan, apatah lagi sebagai bahasa ilmu dan Bahasa Kebangsaan, sebab kita tidak boleh menafikan bahawa dasar Bahasa Kebangsaan itu telah berjaya menyatupadukan masyarakat kita ini melalui bahasa, tetapi kita cuba mengubah dasar tersebut.

Sebenarnya tidak ada orang Melayu yang waras menolak usaha untuk kita menguasai bahasa Inggeris sebagai usaha untuk memajukan bangsa, tiada siapa pun yang waras menolaknya, cuma yang kita fikirkan ialah bagaimanakah kita ini orang Malaysia ini menguasai bahasa Inggeris dengan kaedah-kaedah tertentu.

Sebab apakah maksudnya mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris ini boleh menyebabkan kita meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris tetapi dalam masa yang sama nanti kita kembali kepada kedudukan yang lama dan kita sebenarnya tidak ada satu bahasa yang boleh menyatupadukan kita. Ini satu masalah yang besar sebenarnya. Jangan nanti kerana marahkan nyamuk lampu dibakar dan seperti tikus membaiki labu, akhirnya yang dikejar tidak dapat, yang dikendong kecikiran. Ini adalah persoalan yang besar jadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat tentang soal bahasa ini tadi. Sebab kita sudah bersusah payah sebenarnya menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmu kemudian kita macam hendak mengubah balik. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih sahabat saya di atas pandangan yang telah dikemukakan dan di sini mungkin saya ingin menambah sedikit tentang pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai dasar teras sistem pendidikan negara tidak pernah dipertikaikan sehingga hari ini. Namun bagi mencapai cabaran globalisasi negara persaingan, saya rasa ini daripada antarabangsa kita tidak boleh lupa bahawa ilmu pengetahuan boleh ditambah dan dipertingkatkan tahap kecemerlangannya andai kata kita menguasai melebihi daripada satu bahasa. Pada zaman Rasulullah sendiri di mana beliau pada ketika itu ingin mendapat ilmu daripada bangsa Yahudi.....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nyatakan tadi pada zaman Rasulullah sendiri di mana baginda ingin mendapat pengetahuan daripada bangsa Yahudi dan baginda sendiri terpaksa mengambil tenaga daripada bangsa Yahudi semata-mata untuk menambah ilmu pengetahuan walaupun pada kita bahasa Al-Quran bahasa Arab adalah bahasa yang menjadi tanggung masyarakat pada ketika itu. Sebab itu saya ingin menegaskan bahawa dasar kerajaan untuk menjadikan.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat tertarik hati dengan perbahasan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob. Pertama sekali menyentuh tentang titah ucapan baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang telah menyebutkan tentang rakyat Malaysia ini terdiri daripada berbagai bangsa, berbagai agama, berbagai kebudayaan malah berbagai bahasa dan telah ditimbulkan juga persoalan bahasa.

Saya sebagai seorang Islam saya tidaklah mempertikaikan kerana kita ini dijadikan oleh Allah S.W.T dan kita semuanya adalah daripada tanah iaitu Adam - Adam daripada tanah. Jadi kalau kita melihat itu, barangkali persoalan perasaan

Tuan Yang di-Pertua: Kerana daripada elemen, elemen daripada molekul, molekul daripada atom, atom daripada proton, neutron atau positron.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian itulah saya telah menyertai kerana apabila Yang Berhormat menyentuh tentang perkembangan sejarah politik tanah air, saya telah mengikuti politik di tanah air kita ini sejak tahun 1993, walaupun saya tidak menjadi ahli parti mana-mana pada waktu itu tetapi pada tahun 1955 saya telah turut serta menyertai gerak kerja pilihan raya. Cuma saya tidak dengan Perikatan tetapi saya dengan PAS sahaja pada tahun 1955. Walau bagaimana pun saya melihat dengan perkembangan-perkembangan pada pilihan raya tahun 1955 itu, kita lihat kebebasan itu ada lebih sedikit daripada waktu-waktu yang kemudiannya, dan adakah Yang Berhormat bersetuju pada tahun 1969, saya sendiri menyertai pilihan raya itu. Sepanjang ingatan saya, saya telah bertanding melawan Dato' Mustafar Jabar Al-Marhum dan seorang lagi pun Al-Marhum juga, Dato' Thaibas-Hassan.

Saya juga melihat dan menyaksikan suasana pada pilihan raya tahun 1969 itu, sememangnya saya lihat ada semacam suatu ketegangan kaum pada waktu itu. Ada setengahnya melemparkan kononnya ini adalah disebabkan parti pembangkang tetapi saya sendiri melihat parti pembangkang terutama parti yang saya sertai pada waktu itu tidak terlibat langsung dengan kejadian-kejadian, keganasan ataupun pertempuran yang berlaku pada tahun 1969 itu tetapi walau bagaimana pun barangkali ini adalah hikmah daripada Allah SWT untuk mencuba bagaimana rakyat Malaysia ini dapat diperdekatkan

di antara satu dengan yang lain sekurang-kurangnya buat sementara waktu. Ini terbukti apabila kemudiannya terbentuk apa yang dipanggil kerajaan campuran dan kemudian PAS sendiri pun telah menyertai apa yang dipanggil Barisan Nasional. Walau bagaimanapun waktu Barisan Nasional kira menang saya tidak bertanding mana-mana sebagai calon tetapi selepas tahun 1969, saya dilibatkan dalam banyak perundingan terutama sekali dengan Al-Marhum Perdana Menteri Tun Abdul Razak pada waktu itu. Saya melihat bagaimana usaha-usaha telah dilakukan sehingga terbentuknya apa yang dipanggil Barisan Nasional itu. Ini ialah langkah-langkah yang telah diambil oleh Al-Marhum itu bagi memperdekatkan semua bangsa, semua suku kaum tanpa mengira apakah Kami tidak bincangkan soal-soal bahasa pada waktu itu, yang penting ialah hendak membentuk suatu keamanan, ketenteraman di antara rakyat di negara kita ini supaya sebarang rancangan yang hendak dilaksanakan....

Tuan Yang di-Pertua: Maka penjelasan Yang Berhormat minta saya cuba biarkan tetapi saya biarkan lagi lama pula.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Jadi, saya

Tuan Yang di-Pertua: Apakah penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya mohon penjelasan apakah sebab-sebab kejadian yang berlaku pada tahun 13 Mei tahun 1969 itu disebabkan ketegangan politik ataupun ketegangan fahaman di antara bangsa-bangsa. Maknanya Melayu hendak mempertahankan Melayu ataupun bagaimana? Ini yang saya rasa penting diberitahu kepada anak-anak kita pada masa ini supaya mereka melihat bagaimana usaha-usaha yang telah dilakukan oleh bapa-bapa mereka untuk mewujudkan suatu ketenteraman dan keamanan yang sedikit sebanyak kita lihat pada waktu kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih sahabat saya Ustaz Hassan bin Haji Shukri yang turut sama-sama memberi bahan untuk kita bahas pada pagi ini dan persoalan yang dibangkitkan kenapa berlaku ketegangan kaum sehingga berlakunya kekacauan Mei 13, 1969. Sejarah juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana dasar penjajah yang mengasingkan bangsa Melayu di sawah padi di bidang pertanian, masyarakat India di estet-estet dan masyarakat Cina di dalam bidang perlombongan dan perniagaan. Masing-masing terpisah, maka apabila wujudnya

kemerdekaan bagi mengisi kemerdekaan selama berbelas tahun tersebut berlaku perasaan sangsi, berlaku perasaan syak wasangka, maklumlah apabila kita hanya baru berumah tangga bagi calon-calon yang belum kita mengenali suami atau pun isteri. Lantaran itu bagi mewujudkan satu persefahaman kita terpaksa lalui satu proses yang mana cuba dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin Perikatan pada ketika itu bagi menjurus ke arah perpaduan. Itulah duri dan onak, pahit dan maung yang dihadapi oleh pemimpin kita pada ketika itu bagi mewujudkan satu perpaduan ummah yang tulen bagi mencapai keharmonian rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna dalam hujah Yang Berhormat apa jua yang menyebabkan ketegangan antara kaum itu formula kongsi kuasa telah banyak menghilangkan ketegangan itu dan menjuruskan kepada penyatuan. Adakah itu maksud Yang Berhormat, formula kongsi kuasa di antara faktor-faktor utama yang telah membawa ke arah penyelesaian?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang itu adalah satu landasan ke arah perpaduan sebagaimana yang telah terbentuknya konsep kongsi kuasa yang pertama dalam negara kita melalui PERIKATAN. Namun konsep kongsi kuasa itu masih di dalam proses ke arah mencapai satu tahap yang lebih mantap lantaran masih ada *loophole* kerana wujudnya jurang kemiskinan, ketidaksamarataan dari segi pembahagian harta dan menyebabkan ketegangan 1969 itu sebenarnya di antara Melayu, bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Maka, sedangkan kongsi kuasa merupakan kaedah penyelesaian politik, Dasar Ekonomi Baru pula sebagai tambahan merupakan kaedah penyelesaian landasan ekonomi, adakah itu benar?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tepat sekali. Namun Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri kerana beliau terlibat dalam usaha-usaha ke arah mewujudkan satu perpaduan masyarakat pada ketika itu dan alhamdulillah kalau ada pemimpin-pemimpin di dalam PAS seperti Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, saya yakin ketegangan politik di negara kita akan menjurus ke arah yang lebih dinamik.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pada satu ketika parti Yang Berhormat tadi juga mendukung konsep kongsi kuasa?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, tepat sekali. Dengan itu saya menghargai dan yang baik parti UMNO senantiasanya tidak lupa jasa-jasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku, maka di sini ingin saya nyatakan bahawa perpaduan kaum yang sama-sama kita nikmati hari ini, yang sama-sama kita bersuka ria hari ini, bukanlah datang dengan begitu mudah. Bukanlah datang secara bergolek, dan perpaduan dan keharmonian yang kita kecapai hari ini melalui berbagai-bagai suku kaum, India, Cina, Melayu, Iban, Kadazan, Dusun, Murut seluruh negara adalah satu ciptaan, satu formula yang terlalu istimewa yang wujud melalui gagasan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan perpaduan kaum dan keharmonian sesebuah masyarakat di dalam sebuah negara, bukanlah kita boleh capai hanya melalui satu hari, setahun, sepuluh tahun malah kalau kita lihat sehingga ke hari ini sudah mencapai 36 tahun selepas peristiwa Mei 1969, dan saya yakin serta percaya generasi muda hari ini, rata-rata yang terdiri daripada 60% penduduk rakyat negara kita, ada yang di antara mereka belum insaf akan erti perpaduan dan keharmonian kaum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membentuk satu aset negara yang terpenting sebagaimana yang dititahkan oleh ke bawah Duli Tuanku iaitu perpaduan kaum dan keharmonian rakyat adalah satu perkara yang amat penting dan sukar untuk kita bentuk. Dunia terkejut hairan apakah ilmu yang dipakai kepimpinan negara Malaysia walaupun rakyatnya berbilang kaum, bangsa, agama dan budaya namun mereka masih duduk seperti Dr. Chin Fook Weng dan MIC, kawan-kawan saya Datuk Rina Khan di Sabah, Sarawak masih boleh duduk gembira, *happy* di dalam Dewan Negara ini untuk membahaskan demi masa depan generasi dan berbanding dengan negara-negara lain walaupun agama sama.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi ada disebut tentang kongsi kuasa yang dikatakan menyebabkan kita sampai kepada satu tahap yang amat membanggakan iaitu perpaduan di negara kita bertambah erat. Dan kalau kita lihat sebelum berlakunya peristiwa 13 Mei. Tidak

banyak dasar yang ada pada ketika itu tapi 13 Mei memberikan banyak pengajaran kepada kita sehingga lahirnya berbagai-bagai dasar dan memperkuat lagi perpaduan di negara kita.

Antaranya ialah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan termasuklah Dasar Bahasa Kebangsaan tetapi apakah kita meyakini sekarang ini bahawa perpaduan kita ini sudah semakin kuat sehingga ada unsur-unsur kita semakin longgar dari segi meneruskan dasar ini. Dasar Ekonomi Baru sudah digantikan dengan satu dasar baru. Dasar Bahasa Kebangsaan seperti yang saya bangkitkan kepada Yang Berhormat tadi seolah-olah kita ingin melonggarkannya.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan langsung sudah tidak dipedulikan lagi sekarang ini, kita biarkan berbagai-bagai unsur masuk sehingga kita kadang-kadang tertanya-tanya apa sebenarnya kebudayaan kebangsaan kita sekarang ini? Jadi saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa apakah perpaduan kita ini akan kembali longgar jika sekiranya kita membiarkan dasar-dasar ini dibiarkan tidak dipantau sehingga menimbulkan banyak persoalan sekarang. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Mengenai persoalan yang dibangkitkan, suka saya nyatakan di sini bahawa hujah-hujah yang akan saya nyatakan di kemudian nanti, menyentuh perbahasan ini ada kaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi.

Biar saya nyatakan di sini bahawa perpaduan kaum yang terdapat di negara kita ini masih terdapat kerapuhannya. Lantaran itu dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan khususnya di bawah dasar Barisan Nasional, beberapa tolak ansur itu adalah semangat kerajaan Barisan Nasional telah dilaksanakan dengan mengorbankan satu pihak dengan memberi kepada pihak yang lain. Kerana saya percaya kepimpinan Barisan Nasional adalah lebih faham akan erti bagi menuju satu perpaduan kaum yang lebih berjaya.

Saya percaya dasar-dasar yang dibuat pada hari ini telah mengambil kira dari segala aspek semata-mata demi mewujudkan perpaduan yang lebih kerap untuk pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Di antara dasar ideologi, doktrin dan dokma, yang mana yang paling perlu dikaitkan dengan realiti yang berubah-ubah?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Dari segi prinsip, falsafah dan teorinya Tuan Yang di-Pertua, ia merangkumi kriteria ketiga-tiga unsur prinsip falsafah sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Dari segi menghadapi cabaran arus dunia yang sering berubah dari semasa ke semasa, kita tidak dapat lari dari segi percantuman di antara ketiga-tiga teori 'doktrin dan dokma' sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua itu. Inilah semangat prinsip dasar falsafah yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh pimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah selagi UMNO yang merupakan tunggak parti di dalam negara ini yang diikuti oleh 13 parti-parti komponen yang mewakili berbagai-bagai kaum bangsa di negara kita, selagi itulah keharmonian dan perpaduan kaum boleh kita pertahankan buat ketika ini tetapi saya tidak yakin dan saya tidak begitu pasti sama ada nikmati perpaduan yang kita sama-sama *enjoy* ataupun sama-sama kita nikmati pada hari ini akan dapat bertahan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan perpaduan kaum dan keharmonian yang kita nikmati ini terus berkekalan, ia melibatkan penglibatan, pengorbanan dari semua pihak secara holistik atau secara menyeluruh. Di sini saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja iaitu Dasar Pendidikan Negara, Perkhidmatan Awam Negara dan masalah isu najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Barisan Nasional, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dengan 14 komponen anggota partinya, dengan keahlian ahlinya berjumlah 6.5 juta telah pun mendapat mandat terbesar dalam sejarah Pilihan Raya- ke-11 baru-baru ini pada tahun 2004 dan telah pun menguasai Dewan Rakyat sebanyak empat per lima daripada kerusi-kerusi yang dipertandingkan.

Saya ingin mengulangi sekali di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan janji manifesto Barisan Nasional kerana ini adalah di antara janji-janji satu bentuk persetujuan yang telah dicapai melalui 14 komponen parti Barisan Nasional dan saya akan hanya *highlight*kan perkara-perkara yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri dan juga selaku Pengerusi Barisan Nasional.

Ada lima perkara yang penting menjurus ke arah perpaduan ummah di negara kita iaitu:

- (i) Barisan Nasional memastikan semua kaum akan diwakili selaras dengan amalan perkongsian kuasa yang tulen;
- (ii) Barisan Nasional menjamin keamanan, kemakmuran dan keharmonian seluruh rakyat;
- (iii) Barisan Nasional mengutamakan perpaduan negara dan memastikan satu sistem kerajaan untuk seluruh rakyat;
- (iv) Barisan Nasional mendukung Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan terus membangunkan Islam Hadhari yang progresif dan moden; dan
- (v) Barisan Nasional menghormati kepelbagaian agama dan budaya dan lain-lainnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ke Bawah Duli Tuanku di dalam Titah Ucapannya di para 25 telah menyatakan di antara lainnya adalah untuk mewujudkan sistem pelajaran bertaraf dunia dan baginda Tuanku juga menyeru agar usaha-usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan yang merupakan tunjang kepada Sistem Pelajaran Negara perlu diperhebatkan. Ini adalah Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dasar Pendidikan Negara, demi mempertahankan perpaduan kaum dan integrasi kaum, Yang Amat Berhormat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri selaras dengan cabaran globalisasi dan Islam Hadhari, beliau telah mengumumkan mengenai bahasa Mandarin dan bahasa Tamil akan juga menjadi mata pelajaran pilihan di sekolah kebangsaan tanpa menolak bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dan saya mohon agar kita semua sedar bahawa dengan tanpa mengambil kira fahaman agama, bahasa dan budaya, apa yang telah dilakukan oleh kepimpinan Barisan Nasional adalah untuk membentuk semata-mata untuk menjamin bagi memastikan perpaduan kaum tetap dan boleh wujud mungkin untuk 100 atau 1000 tahun lagi bagi generasi-generasi yang akan datang. Kita boleh membentuk anak-anak di sekolah rendah dan...

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, mohon laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Silakan.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob bahawasanya pada hari ini perlu semua golongan di Malaysia bersatu padu.

Sekarang kita lihat bahawa Pelan Integriti Nasional yang mana setengah golongan sambut baik dan setengah tidak ada. Kalau katalah semua bersetuju dengan Pelan Integriti Nasional dan bersetuju ke arah pelaksanaannya dengan secepat mungkin, alangkah baiknya untuk kita dapat satu pasukan, satu perpaduan di antara kaum untuk melaksanakan konsep-konsep atau projek-projek yang ditetapkan oleh kerajaan dapat menuju ke arah negara maju. Apa pandangan Yang Berhormat di atas perkara ini?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad. Kalau saya boleh fahami yang dimaksudkan ialah Pelan Integrasi Nasional dan bukan Pelan Integriti Nasional. Saya setuju sekali kerana dasar-dasar yang telah terbentuk oleh kerajaan pada hari ini adalah menjurus ke arah sebagaimana yang boleh menjamin kepuasan ataupun keadilan kepada semua masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tadi berkaitan dengan membentuk anak-anak Melayu yang muda di peringkat sekolah, kata pepatah, "melentur buluh kalau boleh biarlah dari rebungunya". Pada hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir 2004 negara kita mempunyai 7,595 sekolah rendah yang mengandungi iaitu 5,755 sekolah kebangsaan, 1,287 sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, 525 sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan 28 sekolah rendah pendidikan khas. Daripada jumlah tersebut, Tuan Yang di-Pertua, 90% anak-anak Melayu yang mengikuti di sekolah kebangsaan dan yang lain-lainnya di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

Pola-pola ini, Tuan Yang di-Pertua adalah tidak sihat. Kerajaan memandang serius kerana untuk membentuk satu masyarakat yang boleh duduk semeja, serumah

atau dalam satu bilik mesyuarat bukannya mudah. Dasar Kementerian Pertahanan melalui program latihan yang telah dilaksanakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk atas laluan yang diberikan kepada saya. Sedikit sahaja penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mengapakah ada pihak-pihak tertentu berusaha untuk meminggirkan sekolah kebangsaan ini sedangkan ini merupakan salah satu sistem pembelajaran yang global dan boleh diterima oleh semua kaum di negara ini? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Inilah perkara pokok yang saya akan bangkitkan di dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah teguran-teguran yang kita dengar di sana sini itu bermotifkan untuk dipinggirkan ataupun teguran-teguran itu kerana mengakui ada kemerosotan dalam standard?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya katakan ianya merangkumi kedua-dua aspek. Soal keyakinan dan soal kemerosotan kualiti dasar sekolah kebangsaan. Namun, tidak ada mana-mana satu pun dasar dalam dunia ini yang 100% sempurna dan inilah menjadi tanggungjawab semua rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama harus melihat dari perspektif yang lebih positif tanpa mempunyai agenda-agenda yang boleh dipersoalkan dari segi soal kesetiaan kepada negara dan saya akan sentuh di dalam perbahasan saya ini kerana dasar sekolah kebangsaan yang telah dibuat melalui persetujuan awal Penyata Tun Razak sehingga hari ini masih memerlukan pembaharuan-pembaharuan menjurus kepada matlamat utama perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi pola-pola yang wujud hari ini di sekolah rendah iaitu di mana anak-anak muda di bangku sekolah di bawah umur 12 tahun masih boleh dibentuk. Apabila mereka telah dewasa, meningkat umur belasan tahun, 18 tahun, 20 tahun ataupun yang selepas peristiwa 13 Mei 1969, mereka rata-rata berumur 35 tahun sukar untuk dibentuk lagi dan kerana itu saya membangkitkan isu ini untuk dibahaskan. Saya nyatakan di sini malang dan amat menyedihkan sekali di mana terdapat gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina Malaysia

yang dikenali sebagai *Dong Zong* dan Pertubuhan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia atau gabungan kedua-duanya, *Dong Jiao Zong* senantiasa mencetuskan kontroversi apabila kerajaan bertindak ke arah mewujudkan perpaduan kaum melalui pendidikan seperti Sekolah Wawasan, dasar bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dengan berbagai-bagai alasan yang dikemukakan dan mereka menunjukkan sifat yang begitu negatif. Saya tidak tahu apakah mereka...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya memohon penjelasan. Yang Berhormat menyebut tentang tuntutan daripada beberapa pertubuhan tadi, tetapi tidakkah ini berlaku berpunca daripada kita sendiri yang seolah-olah melakukan sedikit kelonggaran terhadap dasar-dasar yang kita lakukan? Maka sebab itulah terdapat pertubuhan-pertubuhan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu semakin berani menyatakan beberapa tuntutan sebenarnya yang mencabar dasar itu sendiri? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya melihat sebenarnya seolah-olah berlaku “dua dikotomi”; pertama, tidak berlaku sebenarnya apa yang dikatakan sebagai belunggu pemikiran. Kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Dikotomi itu sudah dua Yang Berhormat, satu dikotomi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, ya, satu dikotomi iaitu yang pertama ialah belunggu pemikiran, tidak berlaku sebenarnya sebab sebelum ini banyak pihak mengatakan bahawa masalah pendidikan kita adalah masalah sekolah tetapi bukan masalah budaya supaya kurangnya daya saing, kurangnya motivasi dan sebagainya.

Yang kedua ialah apa yang berlaku sebenarnya ialah belunggu dasar – yang ini yang menimbulkan masalah. Belunggu dasar ini menyebabkan kadang-kadang guru-guru dan institusi pendidikan ini tidak dapat menjadi proaktif kerana terikat dengan dasar yang sedia ada dan yang lebih merumitkan dan yang lebih malang ialah bila berlaku perubahan orang politik yang memegang tempat yang di atas, maka berlakulah banyak perubahan dan kadang-kadang yang di bawah dari segi pelaksana ini tidak terikut. Ini yang saya katakan, akhirnya nanti, dasar pendidikan kita itu akan menimbulkan lebih

banyak masalah daripada matlamat yang kita ingin capai. Apa sebenarnya pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih belum memberi penjelasan kepada Tuan Ismail Kasim sama ada terdapat usaha-usaha meminggirkan?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas mengingatkan saya tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim.

Tuan Yang di-Pertua: Ia ada kaitan dengan penjelasan yang diminta oleh Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah satu keistimewaan konsep Kerajaan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua dan saya berani menyatakan di sini bahawa sikap tolak ansur di dalam dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan pada hari ini sebenarnya sama sekali tidak menolak akan dasar asal dasar pendidikan dengan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah dan saya percaya dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini dengan mengambil kira bukan satu aspek namun begitu, ini sebagai peringatan di dalam isu yang saya bangkitkan ini adalah juga sebagai peringatan pada masyarakat Malaysia, semua agama dan bangsa, peranan sejarah yang selalu kaitkan sejarah bangsa Melayu banyak mempunyai sifat tolak ansur. Bangsa Melayu mempunyai nilai budi pekerti yang lembut, namun begitu jangan sesekali mengambil kesempatan, jangan sesekali menanggung di air yang keruh apabila menjelang sesuatu pilihan raya umum.

Saya ingin mengingatkan bahawa ketolakansuran bangsa Melayu ada hadnya dan ada batasnya. Lantaran itu harus diingat, bangsa Melayu boleh mengamuk, bangsa Melayu boleh bertindak andai kata tuntutan-tuntutan ataupun sekatan-sekatan daripada mana-mana pihak yang cuba menghalang ke arah suatu dasar bagi menjurus demi kebaikan semua rakyat di negara ini dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Ismail bin Kasim: Sedikit laluan ya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Adakah kesanggupan kaum Melayu untuk mengikuti

sistem pembelajaran di sekolah kebangsaan ini dianggap remeh? Persoalan saya yang pertama kerana pelajar Melayu terpaksa mengikuti dua sistem; satu sistem di sekolah kebangsaan dan satu lagi sistem di sekolah agama bagi melengkapkan pengajian mereka. Tidakkah contoh-contoh ini boleh diikuti oleh kaum yang lain dengan menggunakan cara dan pendekatan yang sama? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, Tuan Ismail bin Kasim. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang juga ingin saya sampaikan berkaitan dengan pengorbanan orang-orang Melayu – sanggup bertolak ansur dan sanggup menerima walaupun berat mata memandang, berat lagi bahu memikul dan apa salahnya andai kata masyarakat lain di negara kita turut sama-sama bertolak ansur, memberi pengorbanan kepada unsur-unsur tradisi, unsur-unsur budaya sejarah masing-masing semata-mata untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang lebih aman dan harmoni yang ingin kita kekalkan bukan sahaja untuk hari ini, mungkin seribu tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Agar perbahasan di dalam Dewan Negara mencapai tahap yang tinggi malah cemerlang, memang kita suka supaya dalam ungkapan Inggerisnya, *clear minded*. Kita ada Dasar Pendidikan Kebangsaan di mana tunggakunya ialah kebebasan ibu bapa menentukan sekolah mana yang hendak dihantar anak-anaknya. Kedua, di bawah dasar tersebut, di bawah kebebasan inilah yang mana terdapat ramai ibu bapa Melayu sekalipun, menghantar ramai anak-anaknya ke sekolah jenis kebangsaan tetapi di bawah dasar ini juga, wujud sekolah-sekolah kebangsaan yang menjadi tunjang kepada dasar ini.

Jadi dalam membahaskan isu-isu yang berkaitan, biarlah Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan izin, *clear minded* dalam persoalan ini.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas panduan dan peringatan tentang tajuk yang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang kita ahli politik tenggelam dalam retorik kita sendiri. Sila teruskan dan saya harap Yang Berhormat tidak terguris hati apabila saya menggunakan ungkapan tersebut.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Boleh minta laluan sedikit? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini pertama, saya ingin mohon penjelasan sebarang dasar yang dibentuk di negara kita ini, adakah ia pernah dibincangkan bukan melalui politik, melalui bangsa-bangsa yang menganut agama-agama yang mempunyai bahasa, budaya yang berbeza, itu yang pertama. Saya sedikit sebanyak ada pengalaman sewaktu kita hendak menentukan Rukun Negara, hendak meletakkan kepercayaan kepada Tuhan. Ini adalah salah satu tolak ansur perunding-perunding walaupun ada permohonan hendak letak di hujungnyanya itu, kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Tetapi oleh kerana perbincangan itu disertai oleh agama-agama lain, maka akhirnya permintaan itu kita ada tolak ansur iaitu kepercayaan kepada Tuhan sahaja dan ini yang menjadi asas. Saya ingin menarik perhatian di sini bahawa jika sekiranya kita semua meletakkan kepercayaan kepada Tuhan ini, saya rasa kita boleh meneruskan sama ada maknanya dalam bidang politik dan kebebasan politik dan kita masing-masing memelihara, mengawal dan menjaga supaya kita tidak melanggar ketentuan-ketentuan yang ditentukan oleh Tuhan di dalam al-Quran. Sebab itulah semalam saya hendak bagi hadiah kepada semua Ahli Dewan, *the meaning of the holy quran*. Setengahnya saya sudah bagi supaya kita dapat melihat kalau Tuhan menyatakan bahawa Dia yang menjadikan semua bangsa, macam-macam, padahal Tuhan boleh jadikan semuanya orang Arab. Tidak ada kita bincang fasal bangsa ataupun penduduk Malaysia ini Tuhan jadikan semuanya orang Melayu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri:tidak timbul masalah cina, tidak timbul masalah India dan sebagainya. Tetapi ini adalah ketetapan daripada Tuhan untuk melihat sejauh mana kebijaksanaan-kebijaksanaan manusia.....

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama tadi adalah.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri:dalam menentukan, dalam menentukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri:arus kehidupan mereka. Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama tadi minta penjelasan, bahagian kedua itu ada dakwah sedikit, tapi tidak apalah.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak apalah. Campur-campurlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sebab itu kewajipan saya barangkali menyampaikan sedikit.....

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Hassan bin Haji Shukri:supaya bukan apa Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut ini saya mengharapkan supaya roh itu ada, roh. Kadang-kadang kita bahas sosial tapi rohnya tidak ada, kosong.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:sumbangan Yang Berhormat yang cukup besar, Yang Berhormat mengambil bahagian dalam bila menggariskan Rukun Negara, bagaimana masyarakat Malaysia dapat berkompromi hendak letakkan kepercayaan kepada Tuhan dan, dan, dan, atau kepercayaan kepada Tuhan. Akhirnya, sepakat diletakkan noktah selepas Tuhan yang merupakan muafakat yang cukup besar bagi negara kita. Kalau Yang Berhormat tambah banyak-banyak, permata ini akan jadi kabur atau hilang. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat sahabat saya Tuan Hassan bin Haji Shukri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas pembedahan tentang perbincangan ini. Saya akui Rukun Negara wujud iaitu selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan hari ini segala dasar-dasar termasuk dasar bahasa sememangnya dibincang oleh semua agama, bangsa dan kaum melalui parti komponen yang terbesar, yang dianggotai oleh 14 komponen parti.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon Kementerian Pelajaran hendaklah memastikan semua sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di peringkat IPTA dan IPTS, betapa pentingnya tentang sejarah yang boleh membawa rusuhan kaum di negara kita.

Saya juga mohon Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian Tinggi mohon agar Dong Jiao Zhong boleh membantu atau mendidik anak-anak di peringkat

sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sejak awal-awal lagi agar mereka lebih cintakan negara, khususnya agar mereka boleh menabur bakti pada negara melalui melibatkan diri dalam pasukan polis ataupun angkatan tentera kerana hari ini jumlah bukan Melayu hanya sekitar 2% sahaja. Kadang-kadang rakyat berbangsa Melayu terasa seolah-olah tanggungjawab untuk keselamatan negara, baik di perbatasan, mahupun sebelah malam dan siang mengawal untuk keamanan, tidak ada satu keadilan. Saya mohon pihak Dong Jiao Zhong didiklah anak-anak mereka di peringkat rendah agar wujud satu keadilan, kalau tidak pun kuota yang adil 60% Melayu dan 40% bukan Melayu, yang terlibat di dalam perkhidmatan yang amat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih.....

Tuan Lee Sing Chooi: Senator, minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perbelanjaan di peringkat rendah sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan, kesemua ini adalah diajar oleh guru-guru kerajaan iaitu guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran bukan oleh Dong Jiao Zhong, itu satu.

Yang kedua, bahasa-bahasa dan juga kepelbagaian di negara kita yang disentuh mengenai bahasa itu adalah satu yang diberi oleh Tuhan iaitu Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri cakap, Dia tidak menjadikan Malaysia satu kaum sahaja tetapi berbagai-bagai kaum supaya kita boleh bertolak ansur dan juga bekerjasama. Formula Barisan Nasional yang tepat dan sudah berjaya untuk memerintah negara kita dengan baik. Terdapat juga di Titah yang berbunyi, "Kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang terdapat di negara ini merupakan satu kekuatan bagi negara dan juga berbagai-bagai bahasa, sudah menjadi satu aset untuk Malaysia lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa. Ini adalah satu aset kepada Malaysia. Minta penjelasan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat sahabat saya di atas pandangan yang beliau nyatakan itu. Saya bersetuju sekali dan saya tertarik dengan pandangan yang diberikan tentang dasar ketatanegaraan yang mana memang diajar di sekolah-sekolah kerajaan tetapi tidak melalui Dong Jiao Zhong dan di sinilah saya pohon pihak kerajaan cuba teliti tentang perjalanan yang diamalkan melalui Dong Jiao Zhong ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku antara lainnya menyebut, baginda memberi penghargaan kepada perkhidmatan awam kerana tanpa sumbangan dan komitmen mereka negara kita tidak akan mencapai tahap pembangunan seperti ini. Walau bagaimanapun, anggota-anggota perkhidmatan awam janganlah mudah berpuas hati sebaliknya hendaklah terus berusaha meningkatkan prestasi sehingga mencapai taraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di atas Titah Ucapan tersebut saya ingin menyentuh berkaitan dengan ketetapan dan keupayaan sistem maklumat yang sering kali digunakan oleh pihak-pihak kementerian ataupun agensi-agensi kerajaan untuk disediakan asas di dalam merangka apa-apa dasar.

Pada pandangan saya, pernah berlaku beberapa kali sistem maklumat yang dikemukakan tidak tepat. Kadang-kadang berlaku manipulasi dan kadang-kadang bercanggah. Pernah berlaku di Dewan yang mulia ini, maklumat yang diminta berkaitan dengan jumlah kekosongan jawatan antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak selaras dan ini kadang-kadang saya menyebut sebagai contoh yang membuatkan sesuatu dasar atau sesuatu keputusan dibuat oleh kerajaan tidak tepat kerana maklumat yang disampaikan juga tidak tepat.

Saya pohon agar sistem maklumat di semua kementerian dan agensi-agensi kerajaan hendaklah dipertingkatkan tahap ketepatannya kerana berlaku ketidaktepatan maklumat akan menyebabkan dasar-dasar yang dibuat juga menyimpang daripada matlamat asal.

Saya mengambil kesempatan di sini, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan syabas dan tahniah kepada ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsudin Osman kerana telah meneruskan dasar-dasar perkhidmatan awam ke arah yang lebih cemerlang dan sehingga hari ini diakui dan diiktiraf oleh dunia di mana Malaysia mempunyai satu sistem perkhidmatan awam yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu suka saya nyatakan di sini bahawa imej kerajaan, janji-janji Kerajaan Barisan Nasional hanya akan terserlah andai kata agensi-agensi kerajaan dapat menterjemahkan segala dasar-dasar ataupun janji-janji yang dimanifestokan di dalam janji pilihan raya umum yang lalu dapat direnungi, dapat

dihayati oleh jentera-jentera kerajaan bagi memastikan matlamat utama keamanan, perpaduan dan kemakmuran rakyat dapat dicapai.

Saya fokus kepada kementerian ataupun jabatan yang berhubung rapat dengan operasi seharian seperti Jabatan Kastam, pihak Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Tanah, Hospital, Pejabat-pejabat Imigresen. Majlis-majlis Daerah Tempatan hendaklah mereka mempunyai juga melihat akan manifesto Barisan Nasional ini untuk dijadikan bahan dalam pelaksanaan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan.

Saya juga memohon agar Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan jumlah sebenar jawatan-jawatan kosong di semua peringkat iaitu di peringkat guna sama, di peringkat pengurusan di semua kementerian dan jabatan kerana kedudukan kekosongan ini akan membantu dari segi pelaksanaan RMK-9 yang akan bermula tidak berapa lama lagi iaitu tahun hadapan. Saya juga ingin memohon pihak Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan jumlah keperluan jawatan-jawatan baru di semua peringkat bagi melaksanakan RMK-9 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon Jabatan Perkhidmatan Awam di dalam usaha memartabatkan fungsi Parlimen, memartabatkan lagi peranan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jumlah jawatan kosong di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara hendaklah diisi dengan seberapa segera dan saya percaya justifikasi untuk mengisi atau menambah kekosongan di Parlimen yang sekian lama di pinggirkan hendaklah diberikan keutamaan dan saya mohon jawapan bilakah kedudukan jawatan-jawatan kosong di Parlimen ini dapat dipenuhi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan jumlah pengangguran mengikut kaum berdasarkan kelulusan ijazah dan diploma yang wujud pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan *delivery system* sebagai mana yang diwar-warkan oleh kerajaan saya ingin mendapat kepastian dari Jabatan Perkhidmatan Awam sejauh manakah usaha-usaha penurunan kuasa dari peringkat pengurusan tertinggi telah dilaksanakan di peringkat bawah dan di peringkat KSU, di peringkat Ketua Pengarah Persekutuan telah pun diturun kuasa ke peringkat kerajaan negeri dan apakah masalah-masalahnya. Saya juga mohon agar pihak kerajaan mungkin Jabatan Perkhidmatan Awam atau Jabatan Perdana Menteri nyatakan dengan memberi maklumat jumlah-jumlah CEO atau Ketua Pegawai Kewangan mengikut kaum di seluruh

negara yang berada di syarikat-syarikat besar swasta yang mempunyai kakitangannya melebihi 50 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal penagih dadah kerana ini berulang kali dan sering kali telah dibangkitkan oleh kepimpinan negara. Hari ini sudah sampai ke tahap yang meruncing dan amat berbahaya. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi berturut-turut sebanyak tiga kali “masalah dadah bahaya, amat bahaya dan bahaya” dan saya juga ingin daripada angka yang diperolehi melalui Agensi Dadah Kebangsaan sehingga hari ini berjumlah 255,527 mereka yang telah didaftarkan sebagai penagih dadah manakala penyalahgunaan dadah menjangkau 1 juta orang.

Yang merisaukan saya dan termasuk di kawasan Pengkalan Chepa, sungguh menghairankan di kawasan yang diketuai oleh Mursyidul Nik Aziz sendiri telah pun dikenal pasti sebagai Colombia kecil, kawasan hitam pengamal dadah dan mengikut sasaran kerajaan di mana untuk menjadikan tahun 2015 sebagai tahun sifar penagih dadah dan inilah yang menggusarkan dan membimbangkan saya kerana semakin hari telah pun dapat lihat daripada angka yang dikemukakan jumlah mereka yang menghisap dadah akan bertambah sebanyak 4,000 orang setiap tahun. Apakah sasaran 2015 untuk menjadikan sifat penagih dadah akan dapat kita lihat menjadi realiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon di sini berkaitan dengan berapakah jumlah pengedar-pengedar dadah ataupun operasi-operasi kilang haram yang sudah dapat ditangkap dan di bawa ke pengadilan dan saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan berapakah nilai jumlah dadah yang sudah dirampas sehingga ini dan bagaimana pula cara pelupusan dadah dibuat selepas kesnya telah pun dibicarakan dan bahan bukti telah tidak diperlukan lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya akhir sekali untuk memberi penghargaan seikhlas hati dan terima kasih saya kepada semua pihak media utama yang mana dari dahulu, kini dan insya-Allah untuk pada masa-masa yang akan datang saya lihat sejak daripada sebelum kemerdekaan peranan dan tanggungjawab mereka untuk turut sama-sama membantu mewujudkan suatu harta negara yang terpenting bagi menjamin kestabilan politik yang menjamin keharmonian dan perpaduan kaum dan menjana pertumbuhan negara ke arah lebih cemerlang dan gemilang telah sama-sama

mereka laksanakan secara ikhlas. Untuk itu saya tidak ragu-ragu menyatakan bahawa peranan dan tanggungjawab yang ditunjukkan oleh pihak media di negara kita adalah di antara yang terbaik di dunia. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya turut menyokong di atas Titah Ucapan Ke bawah Duli Tuanku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar selepas ini Puan Siti Zailah.

12.27 tgh.

Dato' Rhina Bhar: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian di dalam usul menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah ucapan baginda. Setelah mendengar perbahasan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan kini saya ingin mengucapkan tahniah kerana membangkitkan isu-isu penting. Ini adalah peluang untuk saya mengutarakan isu-isu yang melibatkan kaum wanita di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita bergerak dari ladang ke dunia komputer. Dunia kita kini melibatkan teknologi informasi, perdagangan global dan pelaburan sedunia yang telah mengubah dataran kewangan yang kita berdiri di atasnya. Tetapi kita masih tidak hidup dalam satu masyarakat yang mengambil kira kebolehan sepenuh rakyatnya. Sungguhpun kita berbangga bahawa kita adalah masyarakat berbilang kaum tetapi kita masih gagal menghapuskan halangan-halangan yang dihadapi oleh kaum wanita di tempat kerja setiap hari. Di panggil "dinding kaca" ini adalah satu puncak palsu dalam perjuangan yang dihadapi semasa kaum wanita di tempat kerja. Banyak kali halangan-halangan itu adalah begitu teruk sehingga kaum wanita telah tidak ada keputusan lain tetapi balik ke rumah dan menjadi suri rumah. Tinjauan oleh majalah Fortune menunjukkan bahawa di antara 1,000 syarikat industri dan 500 syarikat perkhidmatan 95% dari pihak pengurus kanan ialah daripada kaum lelaki.

Menyedari hakikat ini Perdana Menteri telah menyeru supaya kaum wanita memegang sekurang-kurangnya 30 peratus daripada *decision making roles*, dengan izin, di dalam bidang politik. Di Dewan Negara ini wanita memegang 25.7 peratus kerusi berbanding dengan 9.4 peratus daripada tahun 1995. Tetapi di dalam Dewan Rakyat hanya 9.1 peratus kerusi dipegang oleh kaum wanita. Di belakang negara-negara seperti Kambodia, Indonesia, Korea Selatan, Korea Utara, Filipina dan juga jiran kita

negara Singapura. Di Dewan Rakyat ialah di mana *land mark decision* dengan izin dibuat, jadi jika kaum wanita hanya memegang 9.1 peratus kerusi macam mana isu-isu wanita dapat diutarakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting memerhatikan bahawa majoriti bilangan pelajar di universiti ialah kaum wanita pada 58 peratus. Tinjauan juga membuktikan bahawa kaum wanita Malaysia adalah lebih maju daripada kaum wanita di antara 12 negara di Asia Pasifik.

Akan tetapi sungguhpun mereka adalah cukup bijak untuk masuk ke universiti dan menghabiskan pelajaran dengan prestasi yang lebih cemerlang, namun nampaknya tidak cukup bilangan kaum wanita layak untuk jawatan tinggi. Satu tinjauan.....

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan. Berdasarkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu saya ingin penjelasan apakah ini bermakna di negara kita ini masih berlaku diskriminasi terhadap kaum wanita ataupun apakah Yang Berhormat sebenarnya tidak bersetuju bahawa kaum wanita sebenarnya sudah mencapai banyak kejayaan. Kita pun sudah ada Kementerian Pembangunan Wanita dan kesemuanya ini adalah berpunca kerana merit kepada golongan wanita di negara kita sendiri sebenarnya. Jadi saya perlukan penjelasan tersebut, apakah ada diskriminasi sebenarnya?

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua di dalam negara kita lagi ada diskriminasi sebab diskriminasi bukan di atas merit tetapi di atas *gender*. Ada pun lelaki atau majikan yang cakap bila seorang beri kerja kepada wanita mesti dia ambil cuti, dan bila, *then when they are pregnant then they got to deliver*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak diskriminasi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, satu tinjauan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi terdapatkah apa yang dikatakan *institutionalize discrimination*?

Dato' Rhina Bhar: Betul!

Tuan Yang di-Pertua: Adakah, tidakkah?

Dato' Rhina Bhar: Ada! Ada, Tuan Yang di-Pertua, satu tinjauan pada 2004 menunjukkan bahawa hanya 10 peratus pengarah di syarikat yang disenaraikan itu datang dari kaum wanita. Selanjutnya juga ditunjuk bahawa hanya 1.4 peratus kaum

wanita sahaja memegang *decision making role*, dengan izin di dalam GLC. Satu sektor yang mana kaum wanita lebih daripada kaum lelaki adalah di dalam dunia akademik. 58 peratus daripada profesor universiti datang dari kaum wanita tetapi hanya 12.9 peratus dilantik menjawat jawatan dekan dan 2.6 peratus memegang jawatan Naib Canselor. Tuan Yang di-Pertua kalau ini bukan diskriminasi *gender* atau dinding kaca, apakah dia? Satu lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna bila hendak buat kerja tiada diskriminasi.

Dato' Rhina Bhar: Tidak diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi bila hendak beri kuasa, hendak jadi ketua ada diskriminasi?

Dato' Rhina Bhar: Oh, ada diskriminasi, seratus peratus ada diskriminasi. Satu lagi bukti ada Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan menunjukkan bahawa wujudnya di dinding kaca adalah kerana persepsi lelaki bahawa pulangnya terancang, dia kehilangan daya saing dan menghilangkan kawalan sekiranya kaum wanita dibenarkan mengambil bahagian. Oleh yang demikian kaum wanita menghadapi halangan dalam proses pengambilan pekerja kaum wanita, suasana syarikat memencilkan dan menjauhi kaum wanita dan juga halangan semasa sistem penilaian, pengujian dan kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, memecahkan dinding kaca adalah satu usaha ekonomi, ini merupakan isu pokok untuk setiap *business* dan ekonomi nasional dan satu isu asas untuk kaum wanita yang bekerja serta keluarganya. Kegagalan untuk menggunakan sepenuhnya kebaikan-kebaikan, sumbangan semua pihak yang ada kebolehan akan menghalang potensi penuh untuk menjadi lebih proaktif, bergantung, berdaya saing dan responsif kepada keperluan-keperluan yang giat berubah di arena pasaran global. Penggunaan dengan sepenuhnya model manusia negara adalah satu pelaburan yang teguh. Kita harus mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) datang dari pihak atasan komitmen kita kepada mempelbagaikan para pekerja. Mempengaruhi budaya institusi kerajaan dan *business* supaya menggunakan semuanya kebolehan dan kemampuan bekerja tanpa menilai *gender*;

- (ii) menerapkan pelbagai ke dalam rancangan-rancangan syarikat melalui penetapan sasaran yang mengukur kemajuan. Pengurus harus dipertanggungjawabkan untuk mencapai kemajuan untuk memecahkan dinding kaca;
- (iii) pelan tindakan *affirmative* harus memastikan semua individu yang layak diberi *access* dan peluang yang sama untuk bersaing;
- (iv) rancangan mencari pekerja harus menyelidik latar belakang dan pengalaman, mereka harus keluar dari *old boys network* dengan izin untuk mencari kebolehan atau *talent* dengan izin;
- (v) Latihan untuk semua pekerja yang berkebolehan dan berminat harus menjadi proses yang berterusan termasuk latihan pengurus-pengurus kaum lelaki dan wanita supaya meningkatkan suasana dan persekitaran tempat kerja. Latihan sedemikian akan menjelaskan kesesuaian dan kebolehan wanita untuk jawatan eksekutif.
- (vi) memastikan yang berkebolehan dan merakamkan program *Mento*.
- (vii) melaksanakan program kerja, hidup yang bermesra keluarga seperti masa fleksibel, program kanak-kanak dan warga emas berkongsi jawatan dan lain-lain.
- (viii) meningkatkan penyertaan pekerjaan dalam berkongsi maklumat pelajaran berterusan ganti rugi yang berinovasi dan *job security* dengan izin. Kerajaan mempunyai satu peranan penting.

Kita harus memimpin melalui teladan dan memastikan akses dan peluang yang sama menjadi satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, banci pada tahun 2000 yang melibatkan perumahan dan populasi menunjukkan bilangan ibu tunggal di Malaysia ialah 126,810. 80% mendapat kurang daripada RM1000 sebulan. 40% mendapat kurang daripada RM500 sebulan. Kebimbangan saya ialah terhadap kebaikan rumah tangga yang berpendapat rendah ini khasnya keperluan kanak-kanak.

Sebagai seorang peguam, saya sedar tentang proses penceraian di mana kaum bapa di arah oleh mahkamah untuk membayar bantuan kewangan bulanan. Tetapi sebenarnya kaum bapa gagal berbuat demikian dan lari dari pekerjaan ke pekerjaan untuk mengelak daripada ditangkap oleh mahkamah. Untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kaum bapa ini begitu susah dan menghadapi banyak halangan. Kesan daripada kaum ibu adalah jelas. Kesusahan kewangan, akhirnya kerajaanlah kena membantu dan kaum bapa dilepaskan begitu sahaja.

Ini mungkin menggalakkan kelakuan yang tidak bertanggungjawab. Saya bercadang agar kerajaan mengkaji kemungkinan menubuhkan satu tabung sama dengan KWSP untuk rumah tangga ada kanak-kanak seperti berikut.

- (i) sumbangan bermula apabila beranak anak yang pertama. Sumbangan terhenti apabila anak akhir sampai umur 18 tahun. Kalau kedua-dua ibu bapa bekerja, kedua dua pun membuat sumbangan. Kalau kedua-dua orang masih bersama pada umur bersara, kedua-dua mendapat faedah.

Kalau bercerai meninggalkan keluarga atau kematian, duit dari tabung diguna untuk membantu rumah tangga ibu atau bapa tunggal. Prosedur untuk bercerai boleh diteruskan dan tabung diguna untuk menanggung keperluan rumah. Tabung yang dicadangkan boleh diuruskan oleh KWSP atau sesuatu bank yang dilantik ataupun suatu badan bebas. Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam.....

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silakan.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang nasib ibu tunggal terutamanya yang diceraikan apabila Yang Berhormat mencadangkan supaya diwujudkan satu tabung khas seperti KWSP. Bersetujukah Yang Berhormat dan saya sebenarnya memang bersetuju kalau kita tiru sistem yang diguna pakai di Singapura untuk ibu-ibu tunggal yang diceraikan oleh suami, maka selepas daripada itu kerajaan akan memotong gaji si suami ini dan dimasukkan kepada satu tabung untuk dibayar kepada ibu tunggal tersebut supaya nanti janganlah ibu tunggal ini walaupun mahkamah sudah membuat keputusan maksudnya

nafkah mesti dibayar kepada ibu tunggal oleh si suami yang menceraikannya, tetapi kadang-kadang suaminya tidak bayar.

Cara yang terbaik ialah kerajaan akan potong gaji daripada si suami tersebut secara automatik setelah dia menceraikan isterinya dan gaji itu akan dibayar terus kepada si isteri melalui satu agensi kerajaan yang sedia ada ataupun melalui tabung yang disebut oleh Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada cadangan macam itu dari Singapura, tetapi apabila suami sudah menceraikan isterinya dia lari dari satu kerja ke satu kerja susah hendak dapat dia. Tetapi kalau pertama kali apabila anak yang pertama dilahirkan lebih baik disimpan wang untuk masa itu.

Apabila sudah bercerai susah hendak dapat suaminya dan ini bukan dari orang kaya, ini orang miskin Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang kaya, senang cari dia. Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam ada lagi satu isu lain yang harus dicabar iaitu penglihatan anak-anak dalam *proceeding* untuk penceraian. Pada masa yang lalu, *procedure* semacam ini diuruskan di dalam kamar hakim. Tetapi amalan sekarang ialah mendengar kes di mahkamah terbuka.

Amalan sedemikian membawa kesan yang amat negatif kepada anak-anak yang hadir di mahkamah mendengar perhubungan dan pertelingkahan antara peguam, ibu bapa serta ditanya anak supaya memilih pihak mana adalah suatu perkara yang sulit, menyedihkan dan mengancam buah fikiran anak itu. Kenapa ini dibenarkan? Kenapa anak-anak itu didedahkan kepada situasi demikian? Biar hakim mendengar pendapat anak di kamar beliau. Tidak perlulah mereka dipaksa hadir di mahkamah terbuka memandangkan masalah ibu bapa itu tidak berasal daripada anak-anak itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat anak-anak yang dibenarkan hadir ke mahkamah itu termasuk anak-anak yang di bawah umurkah, di bawah 18 tahun atau dari segi Islam, di bawah 18 juga yang sekarang ini di benarkan oleh mahkamah juga?

Dato' Rhina Bhar: Bawah 18.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: 18 tahun, mereka itu boleh hadir di mahkamah yang bawah 18, kata umur 7 tahun dia boleh cakap, boleh dibawa dalam mahkamah sebagai saksi atau pun sebagai... boleh sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh tanya sekarang, Yang Berhormat boleh jawab kemudian.

Dato' Rhina Bhar: Saya boleh jawab. Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini mesti ada di kamar, in *chambers* dengan izin. Tetapi sekarang hakim semua mahu duduk dalam *open court* dengan izin dan apa-apa yang ditanya anak-anak itu tidak kira umur dari 4 tahun sudah boleh tanya dia, mana *you* punya emak bapa *you* mahu pilih, betulkah bapa buat macam itu, betulkan emak buat macam itu? Mana boleh ditanya di dalam *open court*. Itulah kesusahan. Macam pasar sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tanya Yang Berhormat sekarang, saya tanya adakah kita bertanya kepada anak-anak yang di bawah umur itu maknanya ia sah dari segi kesaksiannya adakah sah sebagai seorang saksi. Adakah sah dari undang-undang dalam negara kita ini.

Dato' Rhina Bhar: Adalah sah fasal ini adalah *chamber matter*, ada sah.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sah mahkamah.

Dato' Rhina Bhar: Sah mahkamah.....

Tuan Yang di-Pertua: Lebih, Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara juga mahu tanya, siapa yang buat peraturan ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mahkamah kah?

Dato' Rhina Bhar: Mahkamah buat, sebab dahulu ada kesusahan di dalam mahkamah, so semua hakim, saya ingat *chief justice* suruh duduk *open court* lebih baik tidak ada elegasi-elegasi untuk hakim-hakim tetapi ini perkara adalah perkara yang sulit. Ini tidak boleh buat di dalam mahkamah terbuka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff seperti dijanjikan.

12.51 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat akan sambung sehingga ke lepas....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat panduan hendak tunggu untuk dapat peluang atau tunggu selepas waktu rehat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Perasmian Pembukaan Penggal Ke-2 Parlimen Yang Ke-11 baru-baru ini.

Kita amat berbesar hati di atas perhatian yang telah diberi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap semua persoalan rakyat dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi tsunami telah meragut ratusan ribu nyawa dan kemusnahan harta benda yang amat besar. Ia merupakan satu iktibar daripada Allah pencipta alam ini bahawa secanggih mana teknologi manusia tidak mampu mengatasi kekuasaan Allah (SWT). Ratusan bangunan tinggi yang musnah di Aceh dan yang kita takjub ialah masjid walaupun dibina daripada kayu tidak hanyut dan musnah dan ini menunjukkan kebenaran Islam sebagaimana sabda Rasulullah (S.A.W) yang bermaksud "Siapa yang berlindung di rumah Allah ia akan selamat."

Tuan Yang di-Pertua, malapetaka dan bencana adalah merupakan satu ujian daripada Allah akibat daripada kejahatan manusia itu sendiri. Kita difahamkan berlakunya tsunami bermula apabila berlakunya pesta muda-mudi sempena menyambut Hari Natal di wilayah Aceh. Apabila bala ini datang, dia tidak akan terkena kepada orang yang melakukan maksiat sahaja tetapi bala ini akan meliputi keseluruhannya walaupun orang yang taat sebab itulah kita tidak boleh membiarkan segala maksiat yang berlaku dalam negara kita, wajib ada pencegahan sebagai umat yang telah diperintahkan oleh Allah disebut dalam Al-Quran dengan izin Tuan Yang di-Pertua*[Bercakap dalam bahasa Arab]*..... "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan kepada manusia, kamu disuruh menyeru kepada kebaikan dan kamu disuruh mencegah daripada kemungkaran".

Kita mengucapkan terima kasih di atas semua pihak yang telah memberi sumbangan yang begitu banyak terhadap bantuan mangsa kemanusiaan. Namun kita ingin penjelasan tentang kedudukan laporan Dana Tabung Tsunami.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya hendak cuba faham, adakah Yang Berhormat maksud bahawa setiap bencana alam itu adalah tanda marahnya Tuhan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berpandukan kepada sejarah. Bagaimana sejarah kita lihat sejarah Karun, apabila ia telah berbangga dengan harta kekayaannya dan ia tidak mahu mengeluarkan zakat, akhirnya Allah tenggelamkan dia sehingga kita lihat sekarang di Mesir, Lautan Tasik Karun itu lebih kurang 70 km seluruh istananya tenggelam akibat daripada keangkuhannya untuk taat kepada perintah agama.

Sebab kita yakin bahawa alam ini adalah ciptaan Allah. Jadi semua bencana yang berlaku semua itu adalah dengan qada dan takdir Allah (SWT). Ia berpunca daripada kejahatan manusia. Walaupun kita tahu maknanya kiamat itu akan berlaku tetapi kita lihat bagaimana Islam telah memberi penerangan kepada kita tidak akan berlaku kiamat selagi ada manusia di muka bumi ini yang mengucap dua kali syahadah. Itu saya kira satu persoalan yang cukup luas yang perlu dikupaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberi oleh semua pihak dalam mengumpul Dana Tsunami dan menurut laporan kita telah mengutip sebanyak RM24.76 juta di bawah Tabung Tsunami Asia yang telah diuruskan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar dan setelah empat bulan tragedi berlalu kita difahamkan hanya RM4.53 juta telah diagihkan kepada mangsa-mangsa di Indonesia dan sebanyak RM3 juta di Sri Lanka, RM1 juta di Maldives dan begitu juga kita masih belum jelas statusnya, bakinya sebanyak RM20.23 juta. Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan ke manakah sebenarnya dana ini digunakan.

Rakyat negara kita telah menyumbang RM97.47 juta untuk membantu mangsa tsunami dalam dan luar negara. Daripada jumlah itu RM60.49 telah diserahkan kepada Tabung Bencana Alam Negara dan diuruskan oleh Jabatan Keselamatan Negara. Ini bermakna RM36.9 juta masih belum diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Saya ingin penjelasan tentang isu ini dan harap dapat jawapan dalam penggulungan nanti

sebab kita tidak mahu wang yang didermakan dengan ikhlas untuk membantu mangsa-mangsa ini jatuh kepada tangan orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan juga apabila dalam kita mengumpul Dana Tabung Tsunami baru-baru ini kerajaan telah meluluskan satu penganjuran konsert amal untuk bantuan tsunami yang dinamakan *The First of Nature* yang telah dikendalikan oleh artis Barat. Jadi saya tahu berapakah kutipan yang telah diperolehi daripada program berkenaan dan berapa kos pembayaran terhadap artis berkenaan dan saya ingin penjelasan juga daripada pihak kerajaan terutama kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagaimana kerajaan Islam Hadhari boleh merestui program amal melalui penganjuran pesta maksiat.

Saya tidak jelas sebab dari segi Islam, dari segi kita hendak menganjurkan sesuatu perkara amal ini dia tidak boleh bercampur dengan perkara-perkara yang di luar daripada hukum Allah (SWT), sepatutnya matlamat itu tidak menghalalkan cara, walaupun matlamat kita hendak beramal tetapi cara dia mesti betul. Jadi di manakah batasnya halal dan haram dalam masalah hiburan ini sebenarnya dalam negara kita dan yang terbaru kita lihat bagaimana ada persembahan konsert dangdut yang daripada artis Indonesia. Ini cukup memalukan sebab ini adalah konsert yang memang berunsur lucah, yang kita hidangkan kepada rakyat negara kita yang kita telah dengar perbincangan sejak daripada beberapa hari yang lalu, bagaimana ketenatan masyarakat masalah sosial di negara berpunca daripada gejala-gejala banyaknya program-program yang selain daripada yang kelab malam dan sebagainya, banyaknya program yang macam ini yang kita tahu berakhir.....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Boleh beri laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: dengan masalah kemaksiatan. Ya, sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak berkongsi sedikit maklumat yang saya perolehi daripada *National Institute of Drug Addiction America* yang menyatakan lebih kurang maksudnya Tuan Yang di-Pertua, "rock konsert terus menjadi satu pusat pengedaran dadah dan begitu juga dengan kelab-kelab dan menjadi popular di mana pengunjung-pengunjungnya juga mengambil peluang di konsert-konsert rock dan juga

dalam kelab-kelab malam untuk sama ada mengedar, menjual ataupun mencari-cari konteks-konteks baru.”

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat dalam konteks Malaysialah sebab apa yang saya dapat ini adalah daripada keadaan di Amerika Syarikat. Apakah mungkin keadaan sama berlaku di mana konsert-konsert rock dan juga kelab-kelab malam menjadi satu sumber pengedaran dan juga pembiakan gejala dadah dalam masyarakat kita dan apa yang menyedihkan perkara ini dianjurkan sendiri dan diluluskan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar. Saya bersetuju dengan apa yang berlaku di Barat dan kita lihat dalam negara kita memang daripada apa yang telah dibincangkan daripada Yang Berhormat dalam Dewan ini dan daripada laporan-laporan media di antara tempat yang menjadi pusat pengedaran dadah adalah tempat-tempat kelab-kelab malam.

Apa yang menyedihkan kita ialah sekarang dalam soalan Dewan dalam sesi yang lalu, saya pernah bertanya kepada pihak kerajaan berapakah kelab malam yang telah diluluskan oleh kerajaan di sekitar Lembah Klang sebab kita lihat di antara pusat kelab malam yang paling banyak dalam negara kita ialah di sekitar Kuala Lumpur, di sekitar Lembah Klang. Saya terkejut apabila saya mendapat jawapan daripada pihak kerajaan mengatakan bahawa kelab-kelab malam yang telah diberi lesen oleh kerajaan di sekitar Lembah Klang sekarang ini berjumlah 263 buah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Masa telah cukup, Yang Berhormat boleh sambung selepas Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat akan ditangguhkan sekarang Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat bersambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah untuk sambung ucapan.

2.32 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semua pihak merasa lega apabila kerajaan baru-baru ini semasa Pesta Sambutan Tahun Baru, baru-baru ini kerajaan telah mengisytiharkan supaya dibatalkan Pesta Sambutan Tahun Baru. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah Pesta Tahun Baru ini hanya diberhentikan akibat daripada berlakunya Tsunami ataupun perkara ini akan menjadi satu dasar yang tetap supaya setiap tahun sepatutnya pesta-pesat yang bercampur dengan hiburan seperti ini ditutup terus ataupun dihapuskan kerana kita lihat setiap kali berlakunya Pesta Sambutan Tahun Baru terlalu banyak perkara mungkar yang berlaku dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Dato' Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Senator Siti Zailah. Seperti biasa sebagai sahabat yang setia saya senantiasa turut untuk meminta pandangan dan saya juga cuba untuk meminta di Dewan ini tidak dikelirukan, apatah lagi kementerian-kementerian banyak yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Persoalan yang ingin saya bangkitkan berdasarkan kepada kenyataan Yang Berhormat tadi yang menyatakan soal konsert yang telah dianjurkan baru-baru ini, sempena bagi menampung tabung Tsunami.

Untuk makluman Yang Berhormat juga menyentuh soal kehadiran penyanyi luar dalam konsert kemudiannya yang telah diadakan dan saya ingin menyatakan bahawa di zaman Rasulullah dahulu ketika membentuk kerajaan Islam di Madinah, Baginda senantiasa melaksanakan pemerintahan keadilan walaupun pada ketika itu kaum Quraisy, Kristian ataupun bukan agama Islam pada ketika itu senantiasa diambil kira oleh baginda dalam mentadbirkan dasar kerajaan Islam. Tidak ketinggalan Kerajaan Barisan Nasional di dalam negara yang berbilang kaum dengan konsep toleransinya terpaksa mengambil kira untuk menunjukkan satu pentadbiran Islam Hadhari yang tidak jumud dan tidak fanatik.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagaimana pula mengikut rekod statistik Kerajaan Kelantan di bawah pemerintahan PAS terbukti di kawasan Pengkalan Chepa sahaja telah dimaklumkan dan telah dikenalkan sebagai Colombia Small iaitu pusat pengedaran dadah yang terkenal, apatah lagi Yang Amat Berhormat Dato' Nik Aziz sendiri yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negerinya.

Yang kedua, mengikut statistik di Negeri Kelantan adalah negeri yang tertinggi dari segi penyakit HIV dan di Negeri Kelantan sendiri juga berlakunya jumlah penceraian yang amat tinggi. Apakah di Negeri Kelantan tidak berlaku kemungkaran atau apakah kerana ada konsert-konsert ini menjurus kepada kemungkaran. Sila beri pandangan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yaakob. Apa yang saya hendak sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, dan seluruh Ahli Yang Berhormat sekalian ialah kita sebagai kerajaan yang memerintah, tanggungjawab kita ialah melaksanakan perkara-perkara yang memberi kebaikan kepada rakyat. Tanggungjawab pemerintah bukan sahaja membuat pembangunan fizikal kepada rakyat dan negara. Bukan sahaja membina sekolah dan segala keperluan infrastruktur untuk rakyat tetapi tanggungjawab yang besar ialah tanggungjawab bagaimana hendak menyelamatkan rakyat itu sendiri. Tidak ada erti satu pembangunan itu sekiranya moral rakyat itu terus luntur.

Di sini ialah saya hendak bertanya pihak kerajaan di mana prinsip nahi mungkar. Apa yang saya sebutkan tadi ialah berkenaan dengan program-program yang diberi permit oleh kerajaan yang memerintah, sama ada kelab malam yang disebutkan tadi ada 263 yang diberi lesen di sekitar Lembah Kelang sahaja dan begitu juga dengan permit-permit persembahan dan hiburan yang memang jelas, perkara itu membawa kepada perkara yang negatif.

Saya tidak nafikan dalam negara kita adalah masyarakat majmuk, malah semasa Rasulullah S.A.W. memegang pentadbiran di Kota Madinah, masyarakat ketika itu bukan tiga, empat jenis kaum ada 13 jenis kaum etnik yang menghuni masyarakat Madinah ketika itu, maknanya lebih majmuk daripada Malaysia. Tetapi apabila kita laksanakan pemerintahan dengan cara Islam, Alhamdulillah, suasana masyarakat cukup aman dan cukup stabil yang mana hendak dijatuhkan hukuman dan terlibat dengan

hukuman yang disebut dalam al-Quran tentang hukum orang yang berzina, yang hudud ini, saya difahamkan hanya ada dua kes sepanjang semasa pemerintah Rasulullah S.A.W. Maknanya tidak macam kita sekarang ini. Saya hendak sebut di sini ,Tuan Yang di-Pertua

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta maaf, saya hendak habiskan dahulu apa yang disebutkan oleh Dato' Yaakob. Jadi, sekarang saya hendak mempersoalkan pihak kerajaan dalam 10 prinsip Islam Hadhari yang saya juga memang baca buku itu. Tidak ada satu pun prinsip yang menyatakan tentang mencegah kemungkaran. Walaupun kita lihat kemungkaran yang ada sekarang ini memang semua tempat pun ada. Di Kelantan pun ada tetapi kita menggunakan kuasa yang ada pada kita untuk membatalkan segala perkara yang memang menjadi sarang kepada tempat maksiat.

Contohnya, sebelum PAS memerintah Kelantan, di Kelantan lebih kurang ada 40 tempat judi, yang mana apabila kita mentadbir kepimpinan di Kelantan, kita hapus semua tempat-tempat judi mengikut kuasa premis di bawah bidang kerajaan. Ada pun kuasa lesen judi di bawah Kementerian Kewangan. Begitu juga di kelab-kelab malam, premis tempat yang membawa kepada membiaknya gejala yang tidak baik, semua kita tutup. Kita lihat masalah ini tidak selaras dengan apa yang berlaku di pusat.

Kita lihat sekarang ini bukan sahaja kelab malam yang jumlahnya beratus-ratus malahan ribuan di seluruh negara. Saya diberitahu di dalam Parlimen di dalam soalan Dewan, bagaimana jumlah lesen judi yang telah diluluskan oleh kerajaan Barisan Nasional hari ini berjumlah 1,833 buah tempat judi. Saya hendak bertanya bukannya ini adalah satu perkara yang menyuburkan kepada perkara yang tidak baik. Saya ingat dalam Dewan ini Yang Berhormat Datuk Ratnam pernah membahaskan bagaimana isu judi di kalangan masyarakat kaum India.

Datuk M. Ratnam: Boleh beri sedikit keterangan. Dari pandangan saya, itu bukanlah judi, itu ramalan nombor, ramalan ekor, dia nak jadi kaya. Bukan judilah itu, dari pandangan sayalah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Yalah nama itu macam-macam, macam arak juga, namanya macam-macam. *[Ketawa]* Tetapi

hakikatnya, ia adalah satu perjudian. Jadi sekarang ini persoalannya ialah di manakah tanggungjawab kita sebagai kerajaan untuk menentukan masyarakat, masa depan anak-anak bila remaja, generasi kita supaya tidak terlibat dengan perkara-perkara mungkar selagi mana kita menternak ataupun memberi lesen kepada tempat-tempat begini, seolah-olah kita menternak perkara-perkara yang membawa kepada maksiat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Jadi saya kira perkara ini cukup tidak sesuai dalam pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam ataupun diwar-warkan Malaysia sebagai prinsip Islam Hadhari.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin membangkitkan balik perkara yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya minta penjelasan sebenarnya, iaitu soal konsert dan sebagainya, pemberian lesen dan sebagainya. Saya pun sebenarnya tidaklah berminat dengan konsert-konsert seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu "*Inul Menggerudi*" dan sebagainya, sampai orang naik minyak dan minyak pun naik harga.

Tetapi yang ingin saya perkatkan di sini, saya fikir yang penting ialah kita mencari apa yang salah dan bukan siapa yang salah. Kalau kita hendak cari siapa yang salah, kita boleh tuduh-menuduh, kita boleh kata pembangkang pun banyak kesilapan dan sebagainya. Tetapi tidakkah ini berlaku berpunca bahawa kualiti dakwah di negara kita pun sebenarnya pun jauh ketinggalan. Saya pernah membaca buku, sudah lama saya membaca buku ini yang tajuknya ialah "*Islam, Kejahilan Ummah dan juga Kelesuan Ulama*", kerana ulama dan pendakwah ini kerjanya hanya hendak menghukum saja, menjatuhkan hukuman dan macam-macam lagi, sampai akhirnya orang tidak berminat dan generasi muda pun tidak dapat dipengaruhi supaya mereka ini kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

Saya fikir penyakit ini berlaku hingga ke hari ini, kita suka menghukum, menjatuhkan hukuman....dakwah kita, ceramah kita, macam-macam kita lakukan sehingga akhirnya tidak menarik golongan generasi muda dan akhirnya mereka terus pergi ke konsert dan sebagainya. Ini yang menyebabkan masalah ini berterusan. Saya

fikir tidak wajar kalau kita hanya menyalahkan kerajaan semata-mata, perlukan penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, saya kira persoalan ini bukan kita hendak mencari siapa yang salah, yang penting ialah yang salah itu kita kena sama-sama banteras. Kerajaan tanggungjawabnya sebagai pemerintah ada tanggungjawabnya, ahli ulama pun ada tanggungjawab dia. Persoalannya, sekarang kuasa berada di tangan kerajaan, kenapa kerajaan membenarkan perkara-perkara yang jelas terang membawa perkara-perkara yang tidak baik kepada rakyat terus menjadi hidangan kepada rakyat. Kenapa? Persoalannya di mana? Di mana prinsip nahi mungkar? Kalau seorang ayah yang terang melihat anaknya melakukan kemungkaran tetapi tidak menyekat ataupun tidak mengambil tindakan maka saya kira itu seorang ayah yang dayus, yang gagal dalam mendidik anak-anak dia.

Begitu juga dalam sebuah kerajaan, pemerintah adalah sebagai pemimpin yang bertanggungjawab terhadap rakyat. Sekarang ini kita lihat bagaimana dalam suasana kita hari ini, orang-orang, ulama-ulama, Jabatan Agama yang cuba mencegah maksiat tidak diberi pembelaan oleh kerajaan. Jelas apabila kes Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), apabila menyerbu sebuah kelab malam yang kita semua tahu heboh di seluruh negara kita, berkenaan dengan kes JAWI dan Jeslina Hashim. Tetapi di mana kerajaan memihak? Kenapa kerajaan membidas pihak Jabatan Agama yang menjalankan tugasnya menyekat perkara mungkar?

Begitu juga kes sebelum ini apabila kes berkenaan dengan teguran seorang Mufti Selangor iaitu Datuk Ishak Baharom berkenaan dengan apabila penglibatan wanita Islam dalam pertandingan Ratu Cantik. Apakah dan di mana tindakan yang dibuat oleh kerajaan? Akhirnya mufti dikenakan tindakan diberhentikan daripada jawatan. Apa tindakan yang telah diberi kepada orang-orang yang menjadi penggerak kepada perkara-perkara mungkar ini.

Persoalannya di sini ialah ikhlas ataupun tidak kerajaan yang ada hari ini hendak mencegah kemungkaran. Kalau betul-betul ikhlas kenapa kita masih bersama dengan orang-orang memberi sokongan kepada orang-orang yang memang jelas melakukan perkara mungkar, perkara yang maksiat, membidas pihak Jabatan Agama yang hendak

melaksanakan tugasnya. Di sini saya kira kerajaan yang melaungkan Islam Hadhari ini bertanggungjawab terhadap isu ini. Ini bukan persoalan hendak mencari salah siapa tetapi tanggungjawab kita sebagai pemerintah.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, permasalahan dadah yang ada dalam negara kita pada hari ini. Permasalahan dadah tidak ada penyelesaian dan kita lihat Kuala Lumpur di antara bandar yang paling tinggi mempunyai kes penagihan dadah dalam negara. Kita lihat di Kuala Lumpur jugalah tempat berhimpunnya sarang-sarang tempat untuk memudahkan mereka mengedar dadah seperti kelab malam dan sebagainya.

Persoalannya kenapa perkara ini tidak ditutup? Saya kira Yang Berhormat semua telah mendengar ucapan daripada Ketua Kelab Senator kita, Datuk Hamzah, bagaimana seorang wanita merasa gerun anaknya balik ke Malaysia, dia rasa anaknya lebih selamat di London daripada berada di negara sendiri. Sebab dia lihat suasana di sini di waktu malam anaknya nak keluar terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik, kelab malam yang tutup lewat malam dan sebagainya. Di mana ukuran kita sebagai sebuah negara Islam, di mana? Kalau perkara ini terus kita bela dan membiak dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Haji Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bercakap tanpa mikrofon]* Baru-baru ini telah disiarkan dalam akhbar bahawa ada bahan-bahan dadah yang menjadi barang kes di mahkamah kemudian hilang daripada simpanan. Persoalannya sekarang rakyat bertanya iaitu bahan-bahan yang mengandungi dadah ini yang sudah luput daripada menjadi barang bukti. Adakah ia telah dibinasakan atau dihapuskan?

Jika sekiranya ia telah dihapuskan, kenapa tidak ditayangkan dalam TV kerana satu hari dulu saya tanya katanya ada waktu menghapuskan, polis dengan.....Setuju atau tidak Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya apabila ada upacara nak menghapuskan ataupun nak membakar bahan-bahan dadah ini supaya ada wakil daripada Dewan Negara dua orang, wakil daripada Dewan Rakyat dua orang selain itu hakim dan polis. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dan kalau boleh kita perbanyakkan lagi wakil-wakil daripada golongan rakyat untuk kita memberi penjelasan, membuktikan

ketelusan kerajaan yang ada pada hari ini. Hari ini masalah penyalahgunaan kuasa banyak berlaku apabila kita membincangkan isu rasuah, saya kira telah banyak disebut oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini. Dan kita lihat bagaimana dalam janji Perdana Menteri kita yang baru di antara visinya yang paling besar ialah membanteras rasuah tetapi kita lihat dalam indeks rasuah yang ada sekarang ini di negara kita.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sekejap, saya kena habiskan ayat saya. Daripada tahun 2003, negara kita berada di tahap nombor 37 dan sekarang 2004 negara kita menjunam lagi ke angka ke 39. Sedangkan kita lihat di Singapura, Singapura berada di tahap yang kelima, beberapa kali ganda kedudukan indeks rasuah berbanding antara kita dengan Singapura, sedangkan Singapura tidak pernah mengisytiharkan Islam Hadhari di negaranya. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Berhormat telah bercakap tentang maksiat, dadah dan rasuah. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah negeri yang digelar Serambi Makkah tidak ada dadah, tidak ada maksiat dan tidak ada rasuah? Dan di manakah banyaknya berlaku pembalakan haram yang diperkatakan hari ini? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan. Saya ingin bertanya juga kepada Yang Berhormat, siapakah yang menjaga keselamatan di dalam negara? Adakah Kerajaan Negeri Kelantan yang menjaga sempadan-sempadan yang mana kita tahu di situlah tempat bolosnya ataupun masuknya dadah-dadah daripada negara Thailand? Adakah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri? Siapakah yang mendidik anak-anak? Adakah semua anak-anak di negeri Kelantan belajar di sekolah agama kerajaan negeri Kelantan? Adakah mereka juga melihat siaran televisyen Kerajaan Negeri Kelantan? Adakah mereka membaca majalah-majalah yang dibuat khusus oleh kerajaan negeri Kelantan? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Rakyat sudah jelas, sudah tahu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di bawah Kerajaan Barisan Nasional, Kementerian Penerangan pun Kerajaan Barisan

Nasional, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi pun di bawah Kerajaan Barisan Nasional, jadi kenapa kita hendak salahkan orang lain?

Kerajaan PAS memerintah Kelantan hanya baru 15 tahun. Maknanya remaja-remaja yang berumur 30-an dan 20-an sekarang, mereka ini dilahirkan semasa zaman kepimpinan Barisan Nasional di Kelantan. Saya kira perkara ini sepatutnya kita bukan menyalahkan parti politik. Saya berada di sini bukan membela soal parti politik, saya berada di sini untuk membina masa depan rakyat, membina masa depan rakyat dan negara yang semakin hancur walaupun kita berbangga dengan negara kita dengan pembangunan dan teknologi, tetapi tidak ada erti pembangunan kalau masyarakat kita terus runtuh moral dan akhlakunya.

Kita dapat tahu bagaimana penghidap HIV sekarang di negara kita lebih daripada 60,000 orang, satu angka yang cukup mendukacitakan semua ibu, semua wanita dan juga semua kaum bapa. Bagaimana kita lihat dalam keadaan masalah ragut, tahun lepas sahaja lebih daripada 11,000 kes. Masalah penglibatan dadah lebih daripada 1 juta yang penagihan keseluruhannya. Masalah zina yang berleluasa. Saya diberitahu dalam tahun lepas, anak zina yang dilahirkan, soalan ini saya tanya dalam Dewan, 60,000 orang. Itu soalan tahun 2004. Saya tidak tahu statistik yang terkini berapa jumlah anak zina yang dilahirkan.

Masalah yang begini teruk ini di mana penyelesaiannya? Sepatutnya dalam keadaan ini kita kena kembali kepada agama. Saya cukup sedih apabila ada cadangan daripada pemimpin parti komponen dalam Barisan Nasional yang mencadangkan supaya pelajaran agama dihapuskan daripada sekolah kebangsaan. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku dalam saat kerajaan mewarwarkan Islam Hadhari dalam pentadbiran negara, dalam saat masyarakat semakin tenat.

Sepatutnya pendidikan agama diberi keutamaan, diberi pembelaan tetapi apa yang telah dibuat oleh kerajaan hari ini, peruntukan per kapita untuk sekolah agama rakyat sampai sekarang pun tidak diberi peruntukan. Saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah bantuan yang telah diberi kepada pelajar-pelajar sekolah agama ini. Dalam negeri, kita sudah tahu dan saya dapat maklumat daripada banyak ustaz dan daripada pelajar-pelajar, orang yang belajar di sekolah agama, banyak sekolah yang ditutup kerana tidak cukup orang.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah. Nampaknya kalau ada penjelasan daripada Dato' Hamzah, cepat betul Yang Berhormat Puan Siti Zailah beri laluan. *[Ketawa]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ini berjiran. Berjiran, dia kena jaga hati masing-masing kerana hidup berjiran, hiduplah kita, hidup kita, hiduplah jiran. Tetapi kalau jiran merosakkan jiran yang lain, dua-dua rosak. Sebab itu saya hendak tekankan dan hendak menjelaskan sedikit.

Tadi saya di luar Dewan, nama saya dikaitkan dalam perbahasan yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah ini, saya hendak menjelaskan pertama, apa yang saya cerita minggu lepas adalah cerita yang dibuat oleh Dato' Ismail Ibrahim tentang satu cerita mengenai seorang orang Malaysia yang belajar di universiti di United Kingdom, ambil Ph.D balik, di sana dia bawa anak dia dan di sini balik bercuti dan dia risau kerana anak dia boleh keluar malam, bukan kerana pergi ke disko atau pusat-pusat hiburan, tidak. Kerana dia kata, macam mana restoran-restoran yang ada dalam negara hari ini boleh buka 24 jam.

Saya persoalkan kepada kerajaan, cuba melihat ini kembali, tengok bagaimana kalau di United Kingdom, kedai-kedai dan restoran-restoran boleh dihadkan supaya mereka tutup sampai pukul 12.00 malam, mengapa kita tidak buat dalam negara kita. Itu saya hendak jelaskan, nanti silap faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi penjelasan yang Yang Berhormat hendak daripada Yang Berhormat Puan Siti Zailah?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey, yang kedua, tentang masalah Yang Berhormat cakap pasal agama di sekolah-sekolah ini. Sebab itu kerajaan hari ini, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional cuba untuk membawa pengajaran agama di sekolah-sekolah kebangsaan kerana dapat disusun dari segi mata pelajaran yang benar-benar dapat disamakan di seluruh negara.

Masalah sekolah agama rakyat tidak timbul kerana itu adalah satu sekolah yang di luar daripada sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan adalah merupakan sekolah yang mampu untuk kerajaan menyelaraskan semua mata pelajaran melalui agama

supaya rakyat, anak-anak kecil yang masuk yang masuk ke sekolah kebangsaan dapat diajar secara yang lebih mengikut penekanan-penekanan tertentu, supaya seluruh rakyat dapat menjadi rakyat mengikut konsep Islam Hadhari, pembinaan insan yang lebih baik di masa hadapan.

Itu bermakna kerajaan bertanggungjawab untuk menentukan bahawa sudah ada perancangan-perancangan pada masa depan supaya perkara ini matlamatnya mewujudkan sebuah negara yang berperadaban tinggi dan bertamadun tinggi. Insya-Allah apa yang kita perbincangkan ini adalah perbincangan tentang masalah yang ada sekarang yang pada masa depan, insya-Allah Kerajaan Barisan Nasional akan cuba membetulkan kalau ada perkara-perkara yang saya rasa kita boleh bahaskan dalam Dewan hari ini. Sebab itulah saya minta jangan marah tentang seolah-olah Kerajaan Kelantan baru, kalau sudah lama tidak akan jadi.

Sebenarnya bukan Kerajaan Kelantan baru ataupun lama, soalnya kalau kita sama-sama bertanggungjawab, insya-Allah kita boleh selesaikan kerana kita berjiran. Tetapi kalau kita hanya menuduh satu pihak yang tidak betul, satu pihak lagi menuduh yang satu pihak tidak betul, maka tidak akan selesai masalah ini. Sebab itu PAS kena berjiwa sama seperti kita yang bertanggungjawab untuk rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih jiran saya, Yang Berhormat Dato' Hamzah. Sebenarnya kita tidak menuduh. Apa yang kita bawa adalah satu teguran sebab kita sebagai rakyat Malaysia, kita sayangkan negara kita, kita sayangkan rakyat negara kita. Janganlah anggap semua teguran kita untuk memfitnah. Sebab itu saya bangkang apabila ada pihak kerajaan mengatakan pembangkang hendak bangkang semua perkara, tidak. Kami hanya membangkang perkara yang tidak betul, perkara yang tidak elok, itu sahaja. Persoalan ataupun cadangan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi, saya minta maaf sekiranya apa yang saya sebut tadi silap daripada apa yang Yang Berhormat Dato' sebut.

Cumanya saya amat setuju sekiranya restoran dalam negara kita tutup pukul 12.00 malam. Kalau boleh semua kedai makan kecuali yang penting, yang kena ada kepentingan tertentu seperti hospital dan sebagainya. Maknanya perlu kalau boleh kita jangan panjatkan sampai larut pagi sebab ini mendorong anak-anak keluar malam.

Begitu juga kelab-kelab malam, kalau boleh memang hapuskanlah. Kami di Kelantan tidak ada satu pun kelab malam di Kelantan. Itu pun hanya bidang kuasa kami, sebuah kerajaan yang kecil. Tetapi kami tidak lihat perkara ini berada yang dilaksanakan dalam Kerajaan Pusat yang memerintah.

Kalau betul-betul kita hendak semangat kesefahaman jiran dan sebagainya, sokonglah apa yang jiran baik buat. Kalau jiran buat yang baik, kita kena sokong, bagi sokongan. Itulah sepatutnya sifat jiran yang baik.

Jadi maknanya dalam persoalan ini, kita tidak menyalahkan mana-mana parti politik tetapi yang penting ialah kita sekarang sebuah kerajaan, bagaimana kita hendak membina sebuah kerajaan yang baik?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ingin menyentuh beberapa perkara yang perlukan sedikit lagi penjelasan daripada Yang Berhormat. Sebenarnya, dalam perkara-perkara yang dibangkitkan ini, kadang-kadang kita memerlukan fakta yang betul sebab tanpa fakta yang betul, akhirnya inilah yang menimbulkan salah faham. Saya fikir kita mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mencari satu pendekatan bagaimanakah kita ingin membangunkan negara kita dan menyelesaikan beberapa masalah *sosial decadent*, dengan izin, yang sedang kita hadapi sekarang ini. Tetapi Yang Berhormat tadi menyentuh tentang sekolah agama.

Saya ingin memberi penjelasan di sini bahawa kalau di Johor itu sendiri, sebagai contohnya kebanyakan sekolah agama rakyat, bukan kebanyakan lagi, seluruh sekolah agama rakyat di Johor itu mendapat bantuan penuh daripada kerajaan negeri. Tidak ada, maksudnya unsur kita hendak tarik balik bantuan per kapita dan sebagainya. Yang berlaku di Federal itu saya tahu tujuannya ialah kerana hendak menyelaraskan balik pelaksanaan sekolah agama rakyat yang kadang-kadang terkeluar daripada tujuan asal penubuhannya. Sebab itulah kerajaan tarik balik dan hendak tengok balik sama ada sekolah-sekolah agama rakyat ini boleh patuh kepada peraturan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk kebaikan pelajar itu sendiri.

Kalau di Johor memang tidak ada tarik balik dan kita pun sebenarnya, contohnya sekolah agama rakyat yang dikunjungi oleh Yusof Kala baru-baru ini. Itu memang mendapat bantuan penuh kerajaan negeri dan sekolah agama yang baru-baru ini kita arahkan tutup ialah kerana sekolah agama menengah itu, dia juga buat sekolah agama rendah. Di Johor ini, semua sudah ada sekolah agama rendah yang mendapat bantuan penuh kerajaan negeri. Jadi bila yang rendah pun dia buat, guru pun tidak cukup, sekolahnya terbengkalai, maka kerajaan kata, tutup. Pelajar itu masuklah sekolah agama rendah yang disediakan oleh kerajaan negeri, itu sahaja. Bukan maksudnya yang menengah pun kita tutup.

Yang ini saya ingat perlukan penjelasan sebab Yang Berhormat...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sedikit lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan? Hendak beri laluan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Kadang-kadang kita merasakan, ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kita kata kerajaan yang zalim. Saya fikir, ini keadaan saya perlukan penjelasan. Zalim ini saya rasa dalam Islam maksudnya luas. Memberikan fakta yang tidak betul pun zalim. Penceramah mengata orang, mencaci orang, mencela orang, menjatuhkan maruah orang dengan fakta yang tidak betul pun, bagi saya zalim sebenarnya. Jadi janganlah zalim itu hanya dilihat kepada kerajaan tetapi tidak dilihat kepada diri kita sendiri yang kadang-kadang membawa hujah-hujah yang tidak tepat dan yang tidak betul. Perlukan penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya hendak jaga masa sebab saya hendak bagi peluang orang lain bercakap juga. Persoalan yang disebutkan tentang sekolah agama rakyat tadi, sebenarnya kita semua tahu bagaimana semua kerajaan negeri memang ada peruntukan untuk sekolah agama. Di Kelantan pun kita bagi peruntukan untuk sekolah agama tetapi yang saya persoalkan di sini, bukan persoalan Kerajaan Negeri Johor.

Kita bercakap di Dewan Negara ini mempersoalkan Kerajaan Persekutuan. Kalau sebelum ini bantuan per kapita, bantuan modal kepada sekolah-sekolah agama

diberi, kenapa ditarik balik? Itu persoalan saya tuju kepada Kerajaan Persekutuan yang memerintah kerajaan hari ini, bukan Kerajaan Negeri Johor.

Sekarang ini kita lihat, bukan sahaja peruntukan untuk sekolah agama rakyat tetapi apa yang kita tidak puas hati ialah kenapa sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kita boleh teruskan bantuan? Ini persoalan kami. Jadi bukan persoalan saya hendak mengacu pedang, saya bercakap atas fakta. Kalau Yang Berhormat hendak bukti, semua saya ada bukti, saya bercakap atas fakta dan tidak ada satu pun yang saya bercakap dengan sewenang-wenangnya sebab saya tahu, kita bersumpah di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan guru tidak cukup, masalah ditutup dan sebagainya, sepatutnya inilah ruang kerajaan membantu. Sekolah untuk membina insan, membina manusia menjadi manusia yang baik, kita kena bantu sekiranya guru tidak cukup. Kalau guru Matematik tidak cukup, kita boleh bantu, guru bahasa Inggeris tidak cukup, kita boleh bantu, kenapa guru agama ini kita tidak boleh bantu? Jadi saya kira itu alasan yang cukup tidak rasional saya rasa dalam kita memberi alasan kenapa kita tidak terus memberi bantuan kepada sekolah agama rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan di bawah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi yang berkaitan dengan pendidikan, berkaitan dengan isu pelajar-pelajar agama di luar negara. Saya mendapat makluman banyak daripada universiti di luar negara tidak diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai contoh ialah di Yaman walaupun dari segi sistem universitinya, tarafnya sama dengan Universiti Azhar tetapi masih tidak diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia.

Jadi saya ingin tanya, apakah ciri-ciri yang sepatutnya ada dan apakah strategi kerajaan di masa hadapan dalam kita meramaikan lagi, meluaskan lagi peluang anak-anak kita belajar daripada bidang agama di luar negara dan apakah satu kajian pemantauan telah dibuat terhadap pelajar-pelajar kita di luar negara yang mana saya telah menerima satu makluman daripada ibu bapa yang anaknya belajar di Mesir ketika ini iaitu suatu masalah yang berlaku kepada pelajar Malaysia yang berasal daripada Selangor yang kita cukup-cukup menyayat hati dan saya ada fakta, saya ada CD dan

sekiranya pihak kementerian hendak, saya boleh bagi, selengkap saya ada bukti. Saya tahu ada Ahli Yang Berhormat mempertikaikan saya.

Jadi yang mana kita dimaklumkan bagaimana pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar Selangor yang di bawah Pusat Zakat Selangor telah membuat ugutan kepada pelajar Selangor yang belajar di Mesir supaya mereka ini membatalkan persatuan kebajikan anak-anak Selangor di Mesir. Sekiranya mereka ini tidak membatalkan pertubuhan itu, mereka dikehendaki supaya mereka akan diberhentikan bayaran wang zakat dan saya diberitahu bagaimana tahun ini, memang banyak pelajar yang tidak menerima wang zakat. Mereka juga diminta supaya membayar balik sejumlah dermasiswa zakat tersebut yang telah diberi sebagai pinjaman.

Saya hendak soalkan di sini, kenapa wang zakat dijadikan barang pinjaman? Sepatutnya pelajar-pelajar agama terutama kebanyakan pelajar agama yang belajar di luar negara adalah daripada keluarga yang miskin. Kebanyakan mereka pergi belajar dengan belanja sendiri dan memang mereka ini termasuk dalam salah satu lapan asnaf yang dibolehkan dalam Islam menerima zakat. Jadi, kenapa mereka dinafikan hak mereka? Saya difahamkan mereka bukan sahaja diugut dengan wang zakat, mereka tidak dibenarkan berpakaian jubah, ini bagi pelajar lelaki. Kenapa? Sedangkan ini adalah satu budaya, pakaian pelajar di luar terutamanya di Mesir, di negara Arab. Yang perempuan tidak dibenarkan memakai tutup muka tetapi ini budaya di sana. Maka malah lebih selamat dengan suasana masyarakat di sana. Jadi sepatutnya saya kira perkara ini tidak menjadi satu perkara yang disyaratkan kepada pelajar, lainlah dia belajar dalam negara kita.

Begitu juga mereka tidak dibenarkan memasuki atau melibatkan diri dengan semua mana-mana persatuan kecuali Kelab UMNO di Mesir. Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, lama sangat saya hendak jelas. Dari segi akta, semua pelajar tidak dibenarkan terlibat dengan parti politik tetapi kenapa kerajaan menubuhkan Kelab UMNO di luar negara? Saya difahamkan seluruh, bukan sahaja di Mesir, di negara-negara lain memang ada Kelab UMNO di sana. Jadi ini undang-undang mana? Kalau kena kepada pembangkang, dia hentam habis-habisan tetapi kalau dibuat oleh kerajaan, tidak ada masalah. Di mana prinsip keadilan? Di mana? Inilah apa yang saya tanya ini...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya cukup tidak puas hati, saya bukan hendak menggalakkan pelajar terlibat dengan politik, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tetapi kenapa dalam satu pihak, maknanya dibenarkan tetapi di satu pihak yang lain, tidak dibenarkan sama sekali.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Okay, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebenarnya rasa gentar juga di sebelah Yang Berhormat ini, sudah agak garang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada gegaran ya?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya. Rasa tempias-tempias itu macam tsunami. Tetapi subjek yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu agak kontroversi dan saya tidak boleh membiarkan perkara-perkara yang dihujahkan di dalam Dewan Yang Mulia ini boleh mengelirukan kita semua, mengelirukan pegawai-pegawai kerajaan. Izinkan saya dua perkara membuat penjelasan. Yang pertama, tentang anggapan kerajaan menggalakkan pelajar terlibat dalam politik di luar negara ataupun dalam negara dari segi undang-undang.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan Kelab UMNO adalah merupakan berlandaskan kebajikan. Kelab UMNO di luar negara bukan parti politik, ia adalah merupakan satu landasan untuk dijadikan oleh pelajar-pelajar yang tidak ada landasan untuk mereka bergerak dari segi kebajikan masing-masing, dari segi interaksi pelajaran. Kita juga tidak menghalang kalau ada parti PAS parti pembangkang ingin menubuhkan kelab-kelab PAS yang sememangnya telah pun begitu bermaharajalela di Timur Tengah dan ini juga ada kaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tentang Pusat Zakat Negeri Selangor yang seolah-olah menunjukkan unsur-unsur ugutan.

Pada pandangan saya daripada laporan, kemungkinan pihak Kementerian Pengajian Tinggi boleh menunjukkan bukti-bukti di mana ada unsur-unsur pelajar-pelajar

tidak kira bukan hanya PAS sahaja, malah mana-mana pelajar yang berada di luar negara yang cuba menghasut, yang cuba menghina negara, yang cuba memutarbelitkan fakta-fakta tentang keistimewaan negara kita dan ada juga unsur-unsur yang mengatakan mereka kelas dua.

Jadi, inilah yang telah dipantau oleh pihak kerajaan. Kita mahu masyarakat di dalam negara ataupun di luar negara yang menimba ilmu pengetahuan mempunyai satu persepsi yang mulia, persepsi yang jernih, yang tahu berterima kasih kepada mereka yang memberi bantuan dan saya percaya kemungkinan dan boleh dibuktikan oleh pihak Zakat Negeri Selangor tentang kegiatan mereka ini sudah pasti ada unsur-unsur yang menikam dari belakang. Terima kasih, Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan masalah Pusat Zakat Selangor yang mengugut pelajar. Kebetulan baru-baru ini saya berjumpa dengan keluarga mereka sendiri dan kebetulan anak mereka ada balik ke Malaysia, saya diberitahu bagaimana anaknya sudah tiga hari sebelum itulah tidak dapat hadir ke kelas wajib kerana apabila mereka pergi ke kelas mereka diugut supaya semua pelajar yang berada di Rumah Selangor itu, pelajar-pelajar tahun dua, tiga dan tahun akhir supaya jangan tinggal di Rumah Selangor, hanya pelajar tahun satu sahaja dibenarkan tinggal.

Jadi, sesiapa yang tidak mematuhi peraturan, mereka akan mengambil tindakan dan ada pelajar perempuan ini dia berada tahun tiga pada ketika itu, dia kata dia tidak pergi kelas sudah tiga hari sebelum ini, sebab dia takut apabila dia keluar daripada rumah, rumahnya akan dirampas oleh pihak yang berkenaan. Jadi, saya kata perkara ini mengganggu pelajaran. Ini bukan fitnah, saya ada bukti dan saya boleh bagi kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob dan semua Yang Berhormat yang hendak dan saya siap sedia dengan semua fakta. Ini bukan fitnah.

Berkenaan dengan apa yang disebut oleh Datuk Yaakob tadi berkenaan dengan penubuhan Kelab UMNO sebagai satu badan kebajikan, saya tidak, maknanya mengatakan bahawa perkara ini tidak boleh tetapi persoalannya kenapa dinamakan Kelab UMNO. Bukankah UMNO itu satu pertubuhan parti politik? Kalau betul-betul ia sebagai satu badan kebajikan kenapa tidak diletakkan nama lain? Persoalannya di sana. Jadi, saya kira.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:semua kita sudah faham. Jadi, tidak payah cerita panjang, sudah faham.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak minta penjelasan sedikit berbalik tentang Kelab UMNO tadilah. Cuma di luar negara pun kita dapati ada juga pertubuhan-pertubuhan yang sebenarnya di belakangnya adalah parti pembangkang seperti PAS, seperti Hizbi Islami. Cuma tidak disebut parti Islam, gunakan nama Arab iaitu Hizbi Islami, maksudnya parti Islam juga dan memang di dokong oleh pelajar-pelajar yang pro kepada parti PAS.

Saya dapati, boleh dikatakan setiap malam saya membaca internet *Harakah* ini dan saya dapati boleh dikatakan setiap bulan pemimpin PAS sering ke luar negara berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di sana. Tanpa halangan berjumpa dengan pelajar dan juga barangkali mempengaruhi pelajar dan saya juga selalu dahulu saya tengok pemimpin PAS datang mengadakan seperti *summer training camp*, *winter training camp*, semuanya ini adalah yang berunsurkan kepada parti pembangkang. Jadi, apa bezanya dengan adanya Kelab UMNO. Sebenarnya PAS pun ada membawa unsur-unsur pembangkang di sana iaitu Hizbi Islami. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat perkatakan tadi, itu terserahlah kepada Yang Berhormat. Cumanya apa yang saya dapat tahu, ini saya dapat daripada maklumat pelajar-pelajar di luar negara, kalau mereka hendak mendapatkan mana-mana bantuan sama ada bantuan pelajaran bagi mereka yang tidak ada pinjaman, biasiswa dan sebagainya, mereka disyaratkan mendaftarkan diri bersama dengan kelab UMNO. Kalau mereka tidak bersama dalam Kelab UMNO, memang amat susah untuk mendapat bantuan. Ini yang diberitahu oleh pelajar. Jadi, saya kira inilah penyalahgunaan kemungkinan saluran-saluran yang digunakan ini, inilah ruang-ruang yang mereka gunakan untuk menyalurkan bantuan melalui pertubuhan yang ditubuhkan semata-mata berselindung di sebalik kebajikan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tadi, saya sudah bagi banyak kali kepada Yang Berhormat. Saya banyak lagi hendak cakap ini. Minta maaf Yang Berhormat. Selain daripada persoalan masalah pelajar di luar negara, baru-baru ini kita terdengar bagaimana kes pelajar di universiti tempatan yang telah dikenakan tindakan oleh pihak universiti walaupun mereka dibuktikan tidak bersalah. Kita amat bersimpati mereka yang tidak dapat menduduki peperiksaan, menduduki kelas kerana dengan tuduhan tertentu tetapi mahkamah telah membuktikan mereka tidak bersalah.

Saya kira pihak kerajaan dan pihak universiti bertanggungjawab terhadap persoalan ini. Kenapa pelajar-pelajar ini dikenakan tindakan seperti ini sedangkan mahkamah tidak membuktikan mereka bersalah. Jadi, saya harap perkara-perkara ini supaya tidak berlaku dalam negara kita kalau kita tidak mahu mengongkong, kita tidak mahu mengurung pelajar-pelajar kita dengan pelbagai akta seperti AUPO dan sebagainya sebab kita hendak melahirkan seorang pelajar.....

Datuk Jins Shamsudin: Assalamualaikum, Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:yang menghayati realiti kehidupan masyarakat semasa.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, assalamualaikum. Minta laluan. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Silakan.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik apabila Yang Berhormat menyatakan berhubung dengan Kelab UMNO kerana saya adalah orang yang pertama menubuhkan Kelab UMNO di London dan London adalah kelab yang pertama ditubuhkan di dunia. Jadi, saya terlibat secara langsung. Maka itu saya tersentuh untuk menjawabnya. Saya bersama-sama dengan teman-teman yang lain termasuk Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir adalah menjadi presidennya, saya menjadi Setiausaha dan Ketua Penerangan Kelab UMNO.

Tujuan kita menubuhkan Kelab UMNO di luar negara yang pertama ialah di London dan tujuannya ialah untuk menyatupadukan *student*, dengan izin, untuk penuntut di London. Pada ketika itu banyak kelab-kelab yang lain seperti Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK), kita ada juga satu kelab lain yang diberi nama London Student (LAM). Jadi, mereka ini di antaranya ialah menentang kerajaan.

Jadi, di antara kelab-kelab ini, menentang kerajaan oleh kerana itu kita berpendapat bahawa dengan adanya kita membawa mereka duduk di bawah Kelab UMNO kita dapat mengawal daripada mereka menentang kerajaan. Sedangkan mereka pergi belajar ke luar negara, di England, terutama sekali di Europe, adalah di atas biasiswa kerajaan tetapi dia menentang kerajaan. Itu tujuannya. Maka itu saya hendak memberikan penjelasan ini kerana saya terlibat secara langsung. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin dan jelaslah maknanya memang orang yang memang menubuhkan kelab pertama di UK. Kalau ini berlaku saya kira sepatutnya tidak ada halanganlah daripada parti-parti lain seperti MCA hendak tubuhkan Kelab MCA di sana atau MIC, saya rasa tidak salahlah. Boleh ya? Begitu juga kami daripada pembangkang pun saya kira selepas ini tidak boleh timbul lagi cerita. Kenapa tidak boleh tubuhkan Kelab PAS di sana sebab memang kita jelas, sebab kita janji tadi, maknanya, keadilan dan sama rata. Jadi, persoalannya.....

Datin Paduka Jaya Partiban: Minta laluan. Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat, MIC London telah pun lama ditubuhkan dan mereka hanya melibatkan diri dalam kegiatan amal dan bukan kegiatan politik. Saya rasa kalau ditubuhkan semasa kita di negara asing memang adalah penting untuk kita dari satu negara bergaul antara satu sama lain, bermesyuarat berdialog dan kelab-kelab seperti inilah memberi peluang. Saya rasa mungkin PAS pun boleh buat juga. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih tetapi sebenarnya tidak kelab PAS di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu rasuah. Sebagai mana yang disebutkan tadi bagaimana indeks rasuah di negara kita cukup tinggi. Pada tahun 2004 kita telah menjunam kepada angka 39 daripada 2003 tempat yang ke 37. Dan kalau kita banding dengan Singapore kita maknanya berkali-kali ganda dari segi kedudukannya. Persoalannya kenapa rasuah semakin berleluasa di saat pemimpin negara kita beria-ia untuk membanteras rasuah sehingga ke akar umbi.

Jadi kita lihat bagaimana kes-kes tangkapan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah memang cukup banyak tetapi pendakwaannya masih belum cukup berpuas hati. Banyak kes rasuah yang melibatkan orang-orang atasan. Maaf saya sebut, ada yang

melibatkan golongan menteri, saya tidak sebut nama yang memang dibuktikan dengan bukti yang sah oleh BPR tetapi sehingga sekarang tidak dibuat pendakwaan. Persoalannya kenapa kes-kes terpilih sahaja yang di bawa ke mahkamah. Kalau kita betul-betul hendak membanteras rasuah kenapa kita tidak dedahkan ke akar umbinya, daripada pemimpin sampai kepada rakyat bawahan. Saya kira orang Cina ada satu pepatah '*ikan kalau buruk ia mula daripada kepala*'. Mungkin itu orang Cina lebih tahulah. Kalau kita hendak tengok ikan itu buruk atau baik mula daripada kepala, kalau kepala buruk maka ekornya insya-Allah buruk. Itu adalah pepatah orang bukan Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Saya hendak minta satu Yang Berhormat, sebab soal rasuah saya yang jaga. Menteri ni banyak. Kalau boleh Yang Berhormat sebut nama supaya saya boleh jawab dalam penggulungan nanti.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya sebutkan nama disebabkan Menteri yang minta saya sebutkan nama, Datin Seri Rafidah Aziz. Saya minta siasat kes ini. Dan saya minta perkara ini dibawa ke mahkamah. Rakyat semua sudah tahu dan ini bukan cerita baru. Banyak lagi perkara yang telah didedahkan. Semalam saya telah sebut bagaimana Datuk Seri Rais Yatim telah menyebutkan ada 18 kes yang melibatkan fail tinggi yang terlibat dengan rasuah sehingga sekarang kita rakyat tidak didedahkan. Dan kalau boleh saya cadangkan pihak kerajaan BPR ini

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abd. Ghani: Yang Berhormat, kes Rafidah Aziz terus teranglah apa kesnya, kenapa

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya bukan orang yang layak saya kira pihak kementerian

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abd. Ghani: Ada bukti-bukti yang nyata?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: BPR lebih layak, saya bukan orang yang menyiasat, saya sebagai Ahli Dewan dan sebagai Ahli Parlimen saya berhak menyatakan bagi pihak rakyat. Saya berada di sini bukan sebagai pegawai BPR. Biar mahkamah yang menentukan. Saya mendapat maklumat ini daripada BPR.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat sebut nama menteri berkenaan seolah-olah Yang Berhormat sendiri merupakan pegawai penyiasat tetapi bila ditanya oleh rakan kita Yang Berhormat, Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak tahu ini adalah masalah BPR. Bila sudah berani menyebut nama maknanya mesti ada bukti-bukti yang kukuh kalau tidak mengapa kita berani mengaitkan nama orang lain? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini adalah kebal dari segi undang-undang. Kita berhak sebagai Ahli Parlimen tertera dari segi undang-undang kita boleh bercakap dan tidak ada undang-undang yang boleh membatasi kita sebab kita adalah di antara orang-orang yang menggubal undang-undang yang berkaitan dan saya berbincang di dalam Dewan bukan saya sebut di luar Dewan. Saya kira orang yang faham tentang undang-undang lebih faham perkara ini. Saya tidak berhak sebab saya bukan orang yang dipertanggungjawabkan cuma saya mendapat maklumat daripada pihak yang berkenaan, bukan saya seorang tetapi ramai yang dapat maklumat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Dan perkara ini telah didedahkan kepada pihak umum sejak dahulu lagi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan, laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Jadi rakyat sedang ... minta maaf saya tidak...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Laluan bila ada keizinan, kita ada peraturan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak tanya sikit sahaja Yang Berhormat. Boleh minta laluan? Sekali.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya tidak beri laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sila teruskan.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Maknanya tidak beranilah nak jawab tu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tidak, saya tidak berani saya serah kepada pihak kerajaan pihak BPR.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak ada fakta jangan buat zalim. Ini satu kezaliman menuduh orang. Bercakap soal Islam tetapi dia tidak ada bukti bagaimana mahkamah hendak bawa. Jadi ini satu kezaliman, fitnah.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tadi Yang Berhormat cakap ramai tetapi sebut seorang. Sebutlah nama menteri-menteri itu tidak adil kalau seorang sahaja disebutkan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya diminta oleh pihak Menteri supaya sebut orang yang berkenaan. Saya hanya menyebut nama satu orang sahaja sementara yang lain itu semua telah ada dalam pengetahuan kementerian. Saya kira tidak perlu saya sebut di sini sebab orang yang berhak adalah pihak kerajaan sebab dasar kerajaan untuk membanteras rasuah. Kita hendak supaya perkara ini dibuktikan kepada masyarakat, bukti sungguh-sungguh. Sekiranya perkara itu terlibat maka betul-betul buktikan sebab rakyat ingin melihat di mana sebenarnya yang dikatakan tetapi tidak ada pendakwaan macam yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kalau ikan bilis didakwa tetapi ikan jerung tidak didakwa. Saya kata saya kira di dalam Dewan ini kami pembangkang sahaja yang berani menyebut nama ini. Mungkin kalau orang kerajaan upah bagi pun tak mahu....

Dato' Hajah Sharifah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: ... sebab mereka ada kepentingan dalam politik dan kerajaan.

Dato' Hajah Sharifah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Hajah Sharifah Aminah.

Dato' Hajah Sharifah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kepada Yang Berhormat yang telah mengeluarkan nama

Dato' Seri Rafidah Aziz. Nama telah dikeluarkan kita minta apakah bentuk rasuah dan apakah bentuk bukti oleh kerana kalau nama sudah berani disebut maka kita hendak juga pertuduhan dan bukti-buktinya dikeluarkan sekali. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya tegaskan bahawa saya serahkan kepada pihak kerajaan dan BPR sebab saya dapat tahu perkara ini telah diserahkan Pejabat Peguam Negara tetapi pendakwaan tidak dibuat dengan bukti yang cukup lengkap. Jadi silalah rujuk kepada pihak kerajaan dan pihak Peguam Negara. Jadi saya tidak ada masa untuk berhujah dalam isu ini sebab di sini bukan ruang yang sesuai.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya sudah cukup sebab saya ada banyak lagi perkara yang hendak saya ...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya hormat keputusan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya, saya sebenarnya tidak hendak menimbulkan kegawatan Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila ada permintaan daripada Menteri saya menghormati kehadirannya. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya isu rasuah ini dibanteras dengan ikhlas oleh pihak kerajaan dan kalau boleh kita timbulkan satu suasana yang jijik di kalangan masyarakat kepada rasuah ini. Kalau dadah kita sebut sebagai najis dadah kerana kita jijik atas perbuatan penagihan dadah sekarang kalau boleh kita sebut dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya cadangkan rasuah ini kita gelar sebagai tahi rasuah. Orang yang memberi rasuah ialah orang yang memberi tahi dan orang yang menerima rasuah pula ialah orang yang menerima tahi. Orang yang memakan wang rasuah ialah orang yang memakan tahi. Saya kira perkataan inilah yang selayaknya yang diberi kepada orang yang melaksanakan rasuah sebab ia adalah satu perkara yang cukup besar.

Kita lihat dalam sejarah sama ada pemerintah dahulu atau pun zaman sekarang banyak sudah kerajaan dan pemimpin negara yang hancur dan jatuh kerana rasuah.

Saya tidak perlu menceritakan satu-satu mana kerajaan yang runtuh kerana rasuah. Dan kita lihat akibat daripada rasuah ini cukup banyak. Kesannya kita lihat bagaimana akibat daripada rasuah kerajaan terpaksa berbelanja cukup besar kalau hendak membina sebuah jalan raya contohnya jalan raya yang kosnya mungkin 1 juta mungkin disebabkan kerana adanya rasuah kemungkinan kosnya melebihi daripada 1 juta. Silakan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Yang Berhormat bolehkah terangkan bagaimana cara untuk menghapuskan rasuah yang sebenarnya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Hendak menghapuskan rasuah Yang Berhormat, caranya ialah kena tanamkan dalam diri manusia itu rasa takutkan Allah. Kalau manusia itu ditanamkan dalam dirinya hanya rasa takut kepada undang-undang, masa ada polis di depan yalah tetapi apabila polis tidak ada dia akan buat kegiatan rasuah. Sebab itulah kena tanam dalam diri manusia, sebab manusia itu ada roh, ada akal dan ada jasad. Pembinaan yang kita laksanakan dalam pendidikan dalam negara kita ini ialah pembinaan akal dan jasad tetapi penekanan pembinaan roh itu cukup lemah. Ini menyebabkan pertahanan akidah dan iman yang ada pada generasi hari ini sama ada di peringkat muda atau orang tua mudah mereka melakukan perkara-perkara maksiat, perkara-perkara dosa, perkara-perkara seperti rasuah dan sebagainya sebab mereka tidak ada rasa gerun kepada Allah, mereka tidak ada merasa takut kepada Allah. Kita lihat bagaimana kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Takut kepada Allah ke atau kepada Tuhan? Kita ini multi racial.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat kerana membetulkan saya. Takut kepada Tuhan sebab kita semua bangsa mempunyai agama dan pegangan dan kita semua ada Tuhan yang kita takut kepada Tuhan. Jadi sekiranya perkara ini ada ditanamkan dalam jiwa kita maka kita tidak akan takut kepada Allah. Bagaimana kisah berlaku pada zaman

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ismail Kasim, laluan diberi.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ambil masa lama jugalah.... saya bagi rakan-rakan untuk

bertanya. Saya dengan Puan Siti ini selalunya tidak... kalau di tahun-tahun yang lalu memang hebat tetapi tahun ini saya bagi peluang kepada rakan-rakan. Saya bertanya kepada Puan Siti dari segi perbandingan, sebab kalau mengikut *ranking* indeks bersih ini nombor satu ianya negara Finland dan *within East countries*. jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini? Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Pada pandangan saya Yang Berhormat, kemungkinan gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai mereka tinggi berbanding dengan negara kita. Kita tahu bagaimana rasuah banyak berlaku di kalangan kakitangan kerajaan sama ada pihak polis, kastam, imigresen... kita tahu banyak. Dan kemungkinan mereka ini disebabkan tekanan hidup tambahan pula sekarang ini dengan barang naik dan sebagainya, dengan tanpa bekal iman yang kuat mereka perlu kepada kemewahan dan sebagainya mereka mudah untuk menerima perkara-perkara seperti ini.

Mungkin perkara ini perlu difikirkan oleh kerajaan juga. Sebab itulah di antara kenapa negara-negara maju mereka meletakkan tahap gaji tinggi sebab mereka hendak memastikan bagaimana pegawai mereka tidak terlibat dengan rasuah. Tetapi apa yang berlaku dalam negara kita ini memang kita faham sudah gaji kita sebagaimana dan kita lihat bagaimana tekanan hidup yang semakin tinggi, dengan kos semakin tinggi, dengan tol yang semakin tinggi, dengan minyak semakin tinggi. Jadi.....

Tuan Ismail bin Kasim: Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: pegawai-pegawai yang rendah.....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta penjelasan sedikit. Sebagai contoh Yang Berhormat, ketika saya membawa barang kemanusiaan ke Aceh yang lebih kurang 86 tan susu, dan ketika saya mendarat di Pelabuhan Malahayati, Aceh saya terpaksa melalui imigrasinya, jabatan lautnya, ABRInya, dan termasuk GAMnya gerakan Aceh mereka. Suku daripada bantuan yang saya perlu sampaikan kepada anak-anak yatim di Aceh itu saya kena melalui nama-nama yang saya sebutkan tadi.

Sedangkan Aceh ini terkenal dengan Serambi Mekah, di mana kata ulamak yang lahir di Aceh ini bukan calang-calang ulama seperti Sheikh Nuruddin Ar-Raniri, Iskandar Thani, Iskandar Muda Mahkota Alam yang cukup hebat yang bermula daripada Aceh agama Islam dikembangkan ke Nusantara yang lain. Jadi suku daripada beras dan susu yang saya bawa untuk diberi kepada mangsa Tsunami ini saya terpaksa

habiskan kepada nama-nama yang saya sebutkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Saya tidak nafikan memang perkara ini berlaku walaupun bergelar Serambi Mekah tetapi kalau tidak menghayati Islam tidak ada....serupa juga kita isytihar Malaysia sebagai sebuah negara Islam, kita membawakan Islam Hadhari tetapi lesen judi sahaja ada 1,833, kilang arak sahaja kalau tidak silap saya di negara kita ada 27 buah. Jadi, tidak hairanlah kalau apa yang berlaku di sana, maknanya taqwa itu bukan terletak kepada nama kerajaan tetapi yang penting ialah penghayatan individu itu sendiri mengamalkan penghayatan.

Sebab itulah kalau kita lihat dari segi 10 prinsip, saya baca 10 prinsip Islam Hadhari yang diwar-warkan oleh kerajaan kita hari ini, tidak ada satu pun prinsip yang menyebut secara jelas tentang pokok iaitu mencegah kemungkaran, mencegah nahi mungkar. Sedangkan perkara ini, perkara yang besar, jadi disebabkan kita membiarkan perkara-perkara maksiat inilah yang kita lihat masalah tidak dapat diselesaikan.

Jadi, saya cukup sedih apabila kita lihat banyak kes-kes yang berlaku dalam negara kita dan apabila kita dapat tahu, saya dapat tahu bagaimana ada yang melibatkan anak-anak menteri - kes rasuah. Yang mana ada anak menteri yang umur masih muda tetapi menjadi orang kaya. Kalau kita kira gaji yang dia dapat daripada pendapatan dia, kemungkinan dia tidak dapat.....

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Jadi maknanya bagaimana ada anak menteri, minta maaf saya belum habiskan ayat saya

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Saya, saya sebenarnya hendak menyokong Yang Berhormat sebenarnya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya memang bersetuju, setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa yang penting ialah soal dalaman kita ini dalam membanteras rasuah. Sebab itu saya setuju kita ini membina negara Islam tetapi negara Islam ini mesti bermula dalam diri kita

sendiri, dalam keluarga kita, rumah tangga kita, jiran kita sebelum negara Islam ini tertegak dalam negara kita sendiri.

Maksudnya saya bersetuju tetapi ialah... itu saya kata tadi Yang Berhormat tidak jawab soal... masalahnya ialah gerakan dakwah kita di Malaysia ini kualitinya masih jauh yang kadang-kadang tidak dapat mempengaruhi orang lain supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya sebab itu saya kecewa apabila ahli PAS ini, seperti bekas Ahli Parlimen bagi Jeli pun didakwa kerana membuat tuntutan yang berlebihan, tuntutan Ahli Parlimennya. Yang ini juga boleh dikaitkan rasuah dan sedang didakwa pun. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terlupa hendak sebut tentang gerakan dakwah, sebab itulah dalam kerja ini Allah s.w.t menciptakan kita [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] sebagai khalifah di muka bumi ini supaya kita menggunakan kuasa yang ada untuk melaksanakan kerja dakwah. Jadi sekarang ini kuasa ada di tangan kerajaan yang memerintah, kerajaan sepatutnya bersama dengan ulamak bersama dengan gerakan dakwah untuk sama-sama membanteras perkara maksiat.

Jangan pula kita membidas gerakan Islam, jangan pula kita melabelkan orang yang hendak ke Islam ini sebagai pengganas, melampau, militan dan sebagainya. Inilah yang kita lihat bagaimana berlaku juga dalam kes JAWI. Apabila JAWI hendak mengambil tindakan kita bidas pihak Jabatan Agama Wilayah. Jadi di mana kebersamaan kerajaan di dalam untuk sama-sama kita membina keadilan, sama-sama kita hendak membanteras kepada yang mungkar. Jadi sekarang perkara ini sudah terjawab, semua kita tahu dan persoalan ini bukan persoalan peribadi

Dato' Yaakob bin Haji Muhammad: Yang Berhormat minta laluan juga.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Bagaimana Rasulullah s.a.w pun dia kata, sekiranya Fatimah anakku mencuri pun aku akan potong tangan. Jadi persoalan sama ada dia Ahli PAS tidak timbul, siapa sahaja melakukan kemungkar walaupun saya sendiri pun kena ambil tindakan sekiranya perkara itu dilakukan dengan tidak Saya membela ini bukan atas nama parti politik tetapi ini adalah keadilan Islam yang Allah S.W.T turunkan itu untuk keadilan semua manusia. Sila Yang Berhormat.

Dato' Yaakob bin Haji Muhammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Puan Siti Zailah. Hari ini adalah hari ibu, saya menghormati hari ibu. Cakap-cakap Yang Berhormat merupakan seorang ibu dan berulang-ulang kali Yang Berhormat menyentuh dua perkara tentang prinsip-prinsip asas Islam Hadhari - sepuluh. Sepatutnya tidak terdapat unsur-unsur mencegah kemungkaran. Saya ingin membaca dua prinsip yang ada kaitan dengan mencegah kemungkaran.

Yang pertama, keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T, takut kepada Allah s.w.t. Jadi bagi umat Islam atau umat-umat yang lain apa-apa agama sekalipun soal adanya perasaan takut sudah menjurus ke arah mencegah kemungkaran. Yang kedua, juga disentuh di dalam prinsip Islam Hadhari iaitu keutuhan budaya dan moral. Jadi, dua perkara ini juga akan menjurus ke arah mencegah kemungkaran, dan satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat berulang kali tentang kerajaan cuba menghalang tindakan JAWI Wilayah Persekutuan.

Saya ingin memperbetulkan salah tafsir apa yang telah dan cuba diambil tindakan oleh pihak kerajaan ialah bukan menghalang pihak JAWI malah prinsip perjuangan kerajaan Barisan Nasional senantiasa menegak keadilan dan memperbetulkan keimanan melalui berbagai pendekatan yang tidak perlu saya sebut terlalu banyak, terlalu banyak kalau dibandingkan dengan kerajaan PAS di Kelantan. Jadi JAWI yang salahnya dari segi pendekatan, di dalam mana-mana agama sekalipun sudah pasti cara kita bertindak hendaklah bercara bertatasusila, bercara kemanusiaan.

Tidak mengelakkan atau pun menidakkan soal perasaan kerana kita harus berjaga-jaga dan berhati-hati apabila masyarakat kita berbilang kaum kerana bertindak akan senantiasa tempasnya terkena kepada masyarakat lain. Jadi soal menghalang tindakan JAWI itu adalah tidak betul sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih dan saya minta tolong Tuan Yang di-Pertua bagilah masa banyak sedikit sebab isu-isu yang memutar belitkan ini kita kena perbetulkan *on the spot*. Terima kasih Yang Berhormat. *[Dewan riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuma hendak dapat penjelasan sedikit, ucapan Yang Berhormat ini banyak lagi?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sedikit lagi ya? Kerana majlis mesyuarat hari ini ada terima satu usul untuk dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Walau bagaimanapun saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk habiskan ucapan dahulu, kemudian Yang Berhormat Menteri akan kemukakan usul.

Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad: Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya cuba meringkaskan disebabkan kita menghormati masa dan menghormati Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Yaakob tentang penerangan mengenai prinsip Islam Hadhari dan saya juga ada prinsip Islam Hadhari di hadapan saya, yang pertama iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T dan saya harap perkara ini betul-betul dilaksanakan.

Ketakwaan dan keimanan bukan bermaksud hanya kita takut kepada Allah S.W.T dan di masa yang sama kita membiarkan kemungkaran. Sebab Rasulullah s.a.w telah bersabda "Barang siapa yang melihat kemungkaran wajib dicegah. Wajib dicegah dengan tangan iaitu lambang kepada kuasa, sekiranya kamu ada kuasa cegah kemungkaran itu dengan tangan, sekiranya kamu tidak mampu cegah dengan lisan, dengan mulut kamu dan sekiranya kamu tidak mampu cegah dengan hati."

Rasulullah s.a.w kata, cegah dengan hati itu adalah selemah-lemah iman. Bermakna kalau kita tidak rasa benci dengan hati terhadap kemungkaran yang ada di depan kita tidak ada sedikit pun iman di dalam dada kita. Itu mengikut Sabda Rasulullah s.a.w.

Jadi saya harap perkara ini jelas kepada Yang Berhormat bahawa keimanan tidak semata-mata takut kepada Allah yang selain daripada itu, kesempurnaan takwa itu diiringi dengan ketaatan dan menjauhi segala maksiat kepada Allah S.W.T.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Saya amat tertarik dengan perkataan Yang Berhormat, 'kita percaya kepada Allah S.W.T. , kita takut kepada Allah S.W.T. Saya hendak menyentuh, saya amat terkilan dan sedih pada hari ini, dalam saat kita sambut Hari Ibu semalam dan juga hari ini di persidangan NAM, merata-rata kita hendak naikkan martabat seorang wanita, tetapi malangnya hari ini nama Dato' Seri Rafidah

disebut. Saya mohon maaf Yang Berhormat sekiranya salah. Kalau tidak silap saya, saya dengar Yang Berhormat mendapat laporan-laporan daripada pihak BPR yang mengatakan kes Dato' Seri Rafidah ini terbukti tetapi tidak diambil tindakan. Adakah pasti Yang Berhormat bahawa yang dilaporkan oleh pihak BPR itu benar. Kalau tidak Yang Berhormat sudah berdosa, fitnah terhadap Dato' Seri Rafidah dan apa hukumnya fitnah dari segi agama iaitu lebih teruk daripada hukum berzina, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, sudah saya katakan saya serah kepada pihak Kementerian. Sebab perkara ini adalah di bawah kuasa bidang Kementerian, bukan di bawah bidang kuasa saya dan saya dimaklumkan bahawa perkara ini telah dibawa kepada pejabat Peguam Negara. Jadi bukan saya sengaja membuka fitnah di sini, tetapi kerana saya menghormati permintaan daripada pihak Menteri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah rasuah ini saya mengharapkan supaya tindakan akan diambil.....

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Macam mana saya hendak... banyak sangat gangguan Yang Berhormat, saya menghormati masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh memilih untuk memberi laluan ataupun tidak.

Seorang Ahli: Ramai peminat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ok, saya beri dua sekali gus.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Saya tidak hendak ambil masa yang panjang, Cuma Yang Berhormat ada sebut tadi anak seorang Menteri yang kaya-raya, semua isu yang sama. Boleh nyatakan siapakah orang itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Kita mendengar apa soalan daripada Dato' Dr. S. Vijayarajam.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Siti Zailah. Pada dua atau tiga hari yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah buat satu kenyataan di dalam surat khabar di

mana beliau berkata ada tekanan daripada rakyat, orang-orang tertentu mengapa tindakan tidak diambil di atas rasuah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun memberi jawapan. Jawapannya ialah kita tidak boleh suka-suka mengambil tindakan di atas kes-kes rasuah. Ikut pandangan orang mendakwa sesuatu kes rasuah bukan senang. Mesti ada buktinya yang cukup. Pihak Peguam Negara mesti ada semua peraturannya, baru boleh menjalankan pendakwaan tersebut. So, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tidak berapa adil kalau kita sebut nama orang sesuka-suka, sebut nama anak Menteri sesuka-suka. Kita mesti mempunyai bukti dan selalu kita kata terpulang kepada pihak Peguam Negara, ini pun saya kira dalam bahasa Inggeris *the easy way out*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya kira saya sudah berulang kali sebut tadi, maknanya perkara ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, di bawah pihak kementerian yang meneruskan. Saya hanya menerangkan apa yang telah diberitahu dan apa yang umum rakyat tahu. Jadi sebagai seorang untuk kita menuntut keadilan untuk keseluruhannya supaya pendakwaan ini tidak memilih kes, itu sahaja yang awalnya saya beritahu. Saya memang peringkat awal tidak berhajat untuk menyebut nama-nama. Tetapi kerana diminta oleh Menteri, dan Menteri pun ada di dalam Dewan ini. Saya berharap Yang Berhormat faham perkara ini, bukan saya sengaja hendak sebut dan saya memang tidak suka, maknanya membuka aib orang, tetapi ini kepentingan negara. Kalau kita lihat dalam al-Quran sendiri bagaimana Allah turunkan surah berkenaan dengan tabiat terburuk yang dibuat oleh Abu Lahab. Kenapa disebutkan, bukan kata maknanya kita hendak mengumpat dia tetapi kerana sebab dia adalah pemimpin, kita bimbang pengaruh dia mempengaruhi orang lain. Jadi perkara ini saya kira tidak salah sebab demi keadilan, kesejahteraan keseluruhan, bukan kerana kita hendak menjatuhkan maruah wanita...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Minta laluan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta maaf Yang Berhormat saya faham, saya tidak hendak menjatuhkan maruah wanita. Kalau dia lelaki pun, sekiranya saya tahu, sebab saya hanya menyebut apa yang dimaklumkan kepada umum, semua orang tahu. Jadi saya tidak tahulah cerita sebenarnya. Kalau dia tidak bersalah, kita

Alhamdulillah, kita cuba bersihkan dan saya pun sanggup buat ceramah memberitahu orang dia tidak bersalah. Tetapi sekarang ini kita tertanya-tanya betul tidak kes berlaku, sebab pendakwaan tidak dibuat. Itulah persoalannya sekarang. Sebab itulah kita hendak supaya masalah ini tidak ada perlindungan kepada mana-mana pihak. Contohnya kita tidak mahu ada pihak yang berlindung di belakang Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya sebab perkara ini menyebabkan tertutupnya kes-kes yang sepatutnya diberi pengetahuan kepada rakyat.

Begitu juga saya cadangkan supaya BPR ini berada di bawah Parlimen sebab di sini kita boleh mendapat laporan di atas meja ini. Laporan daripada pihak Kementerian keadaan kes-kes yang melibatkan rasuah. Tetapi sekarang ini apabila BPR berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, semua kes itu kita tidak dapat laporan. Jadi inilah menyebabkan timbul macam-macam, jadi mungkin ini satu cadangan. Ini mungkin boleh dipertimbangkan. Begitu juga tentang laporan PETRONAS. Saya cukup sedih dalam sesi Dewan yang lalu apabila saya tanya tentang PETRONAS, pihak kerajaan memberitahu setakat ini pihak PETRONAS belum mengeluarkan zakat. Daripada untung berpuluh-puluh bilion, RM1 zakat pun belum keluar, macam mana ini? Sedangkan kita takut, bagaimana peristiwa sejarah membuktikan di antara golongan yang terdahulu yang dilaknat oleh Allah kerana mereka enggan membayar zakat.

Yang terkini kita dapat tahu bagaimana PETRONAS yang telah melabur lebih kurang 30 buah negara di seluruh dunia, kita dapat tahu didedahkan dalam Dewan ini 28 buah negara PETRONAS sekarang menghadapi kerugian. Betul atau tidak, itu saya dapat maklumat daripada Dewan ini. Jadi sekiranya perkara ini perlu dibawa laporan, kenapa laporan PETRONAS tidak dibawa kepada Parlimen. Kenapa? Kita hendak tahu mana untung rugi, di mana ini hak rakyat, harta rakyat. Sudahlah isu PTRONAS yang saya sebagai Rakyat Kelantan cukup terkilan. Apabila isu pendarat gas sepatutnya mendarat di Pantai Timur dialih ke Songkhla kerana mungkin ada strategi bagi pihak kerajaan, mungkin kerana kami negeri Kelantan di bawah pemerintahan Parti Islam se-Malaysia. Mungkin inilah penghalangnya, saya tidak tahu. Tetapi perkara ini sepatutnya diberi penjelasan laporan terperinci kepada rakyat supaya dapat menilai, kenapa, mengapa baru tidak timbul isu-isu yang kita bincangkan pada ...

Jadi Insya-Allah kalau kerajaan betul-betul telus, kerajaan betul menghayati prinsip Islam, kami sebenarnya sangat-sangat sokong. Kami sanggup... tidak payah wujud Parti Islam Se-Malaysia. Kalau betul-betul kerajaan hari ini melaksanakan Islam, saya akan bersama dengan Barisan Nasional, kalau betul-betul turut Islam.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Yang Berhormat,..

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tetapi sekiranya selagi kerajaan ada pada hari ini tidak berpandukan kepada al-Quran dan Hadis kami tidak akan bersama, sebab kami lihat di sana ada perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Yang Berhormat, setakat manakah kerajaan PAS Kelantan melaksanakan pencegahan rasuah negeri Kelantan pada masa ini?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Kerajaan Kelantan sentiasa terbuka, membuka ruang, sekiranya ada laporan tentang rasuah, kerajaan akan memberi kerjasama dan kami tidak pernah menghalang sebab bidang kuasa rasuah ini bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sila, kalau ada aduan rasuah ini sila.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Cara minta bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan menyampai kepada rakyat supaya jangan makan rasuah, dakwah kepada rakyat Kelantan ada melaksana ataupun tidak. Itu maksud saya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Kita memang sentiasa memberi peringatan. Malah sebagaimana yang saya sebut tadi, Kelantan ini kita sebut rasuah ini sebagai tahi. Maaf saya sebut dalam Dewan ini. Ini Bahasa Kelantan. Maknanya sebab kita hendak menanamkan rasa jijik kepada rakyat Kelantan, bagaimana jijik rasuah orang yang beri rasuah seolah-olah orang bagi tahi, orang yang terima rasuah seorang terima tahi, orang yang makan rasuah sebagai makan tahi.

Begitulah maknanya bagaimana kita berusaha selain daripada dakwah dan sebagainya kita laksanakan supaya rakyat Kelantan menjauhi daripada perkara yang begini jijik di sisi agama. Saya kira perkara ini tidak timbul pertikai, tidak ada pertikaian...

Timbalan yang di-Pertua: Yang Berhormat nampaknya ucapan Yang Berhormat itu panjang lagi...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya, okey,okey. Saya hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua:Oleh kerana kita perlu teruskan perjalanan mesyuarat kita sehingga habis selesai.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:Saya gulung Tuan Yang di-Pertua , saya gulung ya. Saya kira saya setakat ini sahaja, saya menyokong perbahasan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah binti Mohd. Yusoff. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat majlis mesyuarat hari ini ada menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1) saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.51 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.

Setiausaha Parlimen Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah untuk berucap.

3.52 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta berucap menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin, menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah bertitah pada 21 Mac 2005 merasmikan Sidang Parlimen yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya rasa kita bertuah kerana dapat bernaung di bawah seorang Raja Berperlembagaan yang bukan sahaja adil, prihatin tetapi kepada saya, seorang yang *sporting*. Bila saya sebut ini saya teringat kepada peristiwa yang telah digambarkan oleh Yang Berhormat sahabat kita Dato' Haji Shamsudin dalam satu peristiwa yang saya rasa tidak sepatutnya berlaku. Itu dipandang daripada segi tata tertib, budi bahasa, sopan santun kita orang-orang Malaysia dan lebih-lebihnya tidak patut kalau kita hubungkan pula dengan masalah keselamatan.

Mungkin pihak-pihak tertentu termasuklah pihak penganjur mengatakan apa yang saya timbulkan ini adalah perkara yang terlalu jauh, perkara yang sengaja yang dicari-cari, dengan izin, *far fledge*, dengan kepercayaan kita, keyakinan kita bahawa daripada segi keselamatan mungkin tidak akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Tetapi kalau dalam majlis yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi orang boleh dengan mudah meletakkan topi ke atas kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, maka tidak ada kemungkinan orang boleh menggunakan sesuatu untuk mencederakan Baginda. Siapa boleh beri jaminan.

Hari ini saya nampak boleh katakan rata-rata oleh kerana kita terlalu percaya kepada keadaan keselamatan dalam negara kita dan kita mendakwa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan pemimpin-pemimpin lain termasuk Menteri Luar mendakwa bahawa Malaysia bukanlah pangkalan pengganas-pengganas. Kita merasa Alhamdulillah selamat kerana perkara-perkara yang seumpama itu tidak akan berlaku. Tetapi sepatah ingatan orang tua-tua berkata kita tidak boleh tidur di dalam perut

musuh. Kita tidak boleh tidur di dalam perut orang jahat. Ini pun barangkali patut kita mengambil ingatan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah perkara pertama disentuh dan yang disebut dengan jelas oleh Duli Yang Maha Mulia dalam masalah Islam Hadhari seperti yang diterangkan kepada kita bahawa Islam Hadhari itu suatu pendekatan, pembangunan, bukan agama baru, bukan mazhab baru dan tidak ada sebab orang-orang bukan Islam merasa takut bila disebut Islam Hadhari dan tidak ada sebab pula orang-orang Islam sendiri yang merasa kecewa barangkali dengan ungkapan Islam Hadhari ataupun yang merasakan bahawa oleh kerana diketengahkan konsep Islam Hadhari dan diterima dengan baik, maka peluang untuk membuat sesuatu yang bertentangan dengannya sudah tidak ada lagi.

Dengan itu mereka merasakan perlulah diberi penentangan yang sejelas-jelasnya, yang sehebat-hebatnya di atas konsep Islam Hadhari ini seperti yang disebut oleh Yang di-Pertua Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang tidak mahu menerima Islam Hadhari yang rata-rata pengikut-pengikutnya juga tidak dapat menerima tetapi dalam Dewan kita ini saya tidak tahu, sama ada sahabat kita Yang Berhormat Senator Siti Zailah boleh menerima Islam Hadhari ini.

Kalau boleh menerima saya salah seorang daripada orang yang menyokong mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Memang kalau mengikut apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi ialah orang yang akan meninggalkan PAS dan masuk UMNO, kalau betul-betul Malaysia ini mengamalkan Islam Hadhari. Perkataan betul-betul itu menimbulkan satu pertanyaan, sejauh mana betulnya perkataan 'betul, betul' itu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak betulkan ya. Yang saya maksudkan tadi sekiranya apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini mengikut Al-Quran dan Sunah ya. Mengikut apa yang termaktub dalam Al-Quran dan Sunah insya-Allah saya akan bersama tetapi selagi tidak melaksanakan sebagaimana apa yang termaktub dalam Al-Quran, saya tidak akan menyokong. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu berbeza pula dengan ungkapan yang pertama tadi, saya bersedia kalau kita hendak

rujuk kepada *Hansard* insya-Allah tetapi di Kelantan pun juga sebenarnya tidak 100% mengikut Al-Quran dan Hadis mengikut sunah, tidak tetapi Yang Berhormat boleh terima kalau dibandingkan apa yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan ambillah kerajaan yang paling dekat Kerajaan Negeri Terengganu sekarang dengan apa yang diamalkan di Kelantan, jauh Terengganu lebih baik. Sudah sampai masanya Yang Berhormat meninggalkan Kelantan pergi ke Terengganu keluar dari bulatan masuk ke Barisan.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun Yang Berhormat, langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin kita yang lain yang mahu menerangkan konsep Islam Hadhari kepada sahabat-sahabat kita. Orang bukan Islam, pemimpin-pemimpin bukan Islam terutama sekali di dalam parti komponen merupakan satu langkah yang baik.

Mudah-mudahan mereka akan menyokong segala kegiatan-kegiatan yang kita lakukan di bawah panji-panji Islam Hadhari ini, mudah-mudahan. Saya ingin mengambil sedikit faedah daripada menyebut Islam Hadhari ini dalam ucapan saya yang pendek, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya sepatutnya boleh menyebut bila peraturan ataupun Rang Undang-Undang Penerbangan dibahaskan tetapi saya takut saya tidak ada peluang dan saya hendak mengambil peluang ini untuk menyebut supaya jangan orang sebut pula inilah ...

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat, cuma saya hendak.....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Tan Sri...

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa, Yang Berhormat, sila teruskan. Cuma saya hairan mengapa perkara baik seperti Islam Hadhari itu timbul banyak sangat perasaan marah-marah ini?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ia tidak timbul marah-marah, cuma kelantangan suara itu stress itu yang mana perlukan dan tidak.....

Tuan Yang di-Pertua: Bila benda baik timbul banyak orang marah ini, pasal apa?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya, ya. Tidak marah, kesungguhan yang ditunjukkan di situ Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil

kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, dua malam yang lalu dan memang selepas-selepas itu pun saya perhatikan tempat sembahyang di lapangan terbang di dalam, bukan di luar, terlalu sempit ketika kita menunaikan waktu Maghrib, terutama sekali bila sembahyang berjemaah kita terasa benar, tempat sembahyang itu tidak boleh memuatkan lebih daripada 12 orang. Jadi, saya rasa molek kalau boleh diberi perhatian diperluaskan kawasan itu supaya orang akan sebut, inilah tindakan di bawah Islam Hadhari cepat, berkesan dan munasabah. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, ya sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya minta laluan bukan hendak panaskan suasana sebab terlalu banyak disebutkan tentang Islam Hadhari ini. Penggunaan istilah, saya hendak bertanya kalau boleh Yang Berhormat terangkan kepada saya. Sebab saya mengaji begini, saya pun tidak tahu sebenarnya yang mana sifat, Islam itukah yang sifat atau hadhari itu yang sifat? Kerana dalam pengajian saya, dalam Bahasa Arablah, kalau kita baca *[Sambil menyebut dalam Bahasa Arab]* Islam itu menjadi subjek hadharah jadi predikat. Islam itu adalah tamadun tetapi kalau Islam Hadhari, bermakna Islam jadi yang disifatkan hadhari itu disifatkan kepada Islam.

Jadi, saya hendak memohon penjelasan dari segi istilah yang dipergunakan. Kenapa tidak dipergunakan seperti yang digunakan oleh orang Arab di sana kerana kita ambil bahasa Arab? Islam itu pun asalnya daripada Bahasa Arab dan hadhari pun daripada bahasa Arab. Sedangkan orang Arab mereka menyebutkan, misal kata, Hadharah Al-Islamiah, tamadun Islam sebab ianya dan di hadapannya akan berlawanan misalnya Hadharah Al-Firauniah (Tamadun Firaun), Hadharah Al-Yunaniah (Tamadun Yunan), Al-Hadharah Al-Farafiah, Al-Hadharah Al-Barbariah (Babylon).

Barbariah itu sifat kepada hadharah itu, ini yang saya hendak kalau boleh jelaskan biar saya boleh faham sedikit dan Yang Berhormat lain pun saya rasa keliru macam saya juga. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh memberikan pemahaman yang cukup jelas, bagaimana pengambilan istilah ini dijadikan sebagai suatu tajuk. Mungkin kita tidak bahaskan isinya, macam iman dan takwa itu, kita tidak faham itu pendekatan tetapi tajuk yang ringkas ini. Kenapa sampai kita berkeras, maknanya tidak boleh diubah

Islam Hadhari itu kerana Hadharah Islamiah, kenapa? Saya berterima kasihlah, kalau boleh jelaskan mudah-mudahan kami akan jelaskan semua ini, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hendak tahu juga, Islam Hadhari ini benda baikkah atau benda yang tidak baikkah?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Bahasa Melayu saya jauh lebih baik daripada Bahasa Arab, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya faham Hadharah Islamiah itu Bahasa Arab, Islam Hadhari itu Bahasa Melayu. Islam itu nama, hadhari itu subjek ataupun sifat. Jadi, lazimlah, bahawa sifat biasanya mengikut nama, Muhammad tinggi itu sifat yang menerangkan Muhammad dan juga perbuatan. Itu apabila disebut perkataan Islam Hadhari, jadi Islam Hadhari itu digunakan dalam *grammar* Melayu bukan Bahasa Arab. Bahasa Arab memang tidak betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan itu, memang betul. Saya ingat dia boleh terima penerangan saya....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, macam rasuah, benda yang tidak baik? Wangi benda baik, lazat benda baik, Islam Hadhari ini benda baikkah atau benda tidak baik?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Benda baik, hadhari itu ertinya tamadun, Islam yang bertamadun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sahaja. Hadhari itu bahasa Melayu asalkah atau bahasa Arab? Kita hendak ambil juga, istilah itukan. Jadi, kalau kita ambil kalau kata, rumah itu besar, besar itu dia tidak boleh dijadikan sifat, besar itu adalah subjek kepada rumah, ceritanya rumah kita hendak ceritakan besar tetapi kalau ia sifat, rumah yang besar, ia lain dalam kaedah bahasa Arab, kalau kita hendak kata rumah Al-Baitulkabir. Kalau kita hendak kata, rumah itu adalah besar, kita kata Al-Baitulkabirun, beza itu, itu yang saya nak minta tolong jelaskan, sebab ia boleh membawa makna yang lain. Itu sahaja yang saya hendak mohon penjelasan, kalau boleh jelaskan kepada kami. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, memang betul kalau dikaji daripada segi susunan Bahasa Arab tetapi bila saya sebut dalam susunan Bahasa Melayu, maka apa yang saya sebutkan itu betul. Mestilah sifat itu mengikut nama atau mengikut perbuatan, lari perbuatan kencang, itu sifat lari.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, bermakna kita ini bukan bahas mengenai benda baik atau tidak baik, bahas mengenai tatabahasa atau *grammar* sahajalah. [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Itu satu daripadanya, Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada itu ialah tentang prinsip-prinsip Islam Hadhari dan sebagainya tetapi oleh kerana dunia politik seperti Yang Berhormat sedia maklum belum apa-apa lagi kita sudah berbahas di pintu pagar belum masuk lagi ke dalam. Istilah dahulu yang kita sebutkan tetapi hal-hal lain belum kita sentuh, jadi saya rasa tidak betul juga dan tidak molek kalau kerana istilah itu, maka kita berkelahi dan kita lupa perkara-perkara yang lebih penting daripada itu. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, konsep atau pendekatan Islam Hadhari itulah yang lebih mustahak daripada istilah Islam Hadhari itu sendiri untuk kita sama-sama menghayati.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada perkara lain iaitu berhubung dengan martabat Dewan ini. Saya cukup bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut pada hari yang pertama kita bersidang iaitu tentang relevan dan dihormati di dalam Dewan ini. Saya sangat berharap jadi kebetulan saya menjadi ahli, biarlah Dewan ini menjadi sebuah Dewan yang relevan dan dihormati seperti Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua harap-harapkan. Tetapi untuk menjadi sebuah Dewan yang relevan dan dihormati mestilah Ahli-ahlinya cukup relevan dan dihormati, ertinya buah tuturnya, pandangannya relevan walaupun barangkali sejumlah besar orangnya terdiri daripada orang yang agak berumur tetapi tidak bermakna apa yang dikemukakan itu juga berumur kerana yang disentuh itu adalah perkara-perkara yang baru dalam kehidupan yang sekarang disentuh juga oleh orang muda-muda dan kerana sentuhan itulah, maka menjadi relevan walaupun orangnya barangkali tidak lagi relevan.

Dan kerana itulah kerana kerelevanan pokok-pokok perkara yang disentuh, mudah-mudahan Dewan ini akan diberi penghormatan, Tuan Yang di-Pertua. Dan dalam hal ini kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada media massa kita seperti surat khabar, TV, dan sebagainya yang terus menerus memberikan liputan yang agak meluas seperti yang diberikan kepada persidangan Dewan Rakyat. Cuma yang saya agak musykil sikit kadang-kadang perkara yang disebut itu adalah pada *rating* saya, pada pemeringkatan saya ada perkara lain yang lebih mustahak tapi disebut

perkara yang lain. Ini barangkali seperti kata orang putih, *'is a method of opinion'*, kepada orang-orang yang mengolah ataupun menyiarkan berita itu.

Tapi walau bagaimanapun alhamdulillah liputan itu agak baik. Saya berharap oleh sebab kita nak memberikan dewan ini satu penghormatan biarlah layanan-layanan yang diberikan kepada Dewan ini juga tidak jauh, tidak berapa jauh daripada apa yang diberikan oleh Dewan Rakyat. Saya sedar bezanya kita ahli-ahli dalam Dewan Negara ini dengan ahli Dewan Rakyat, di sana ahli-ahli yang dipilih dalam pilihan raya sedangkan kita ini dilantik oleh kerajaan ataupun dipilih mewakili Dewan-dewan Undangan Negeri.

Dan alhamdulillah, kerana pandangan berat itu dalam pembahagian rezeki misalnya kenaikan elaun, Dewan Undangan Dewan kita ini pun tidak dilupakan, alhamdulillah. Cuma ada satu jawatankuasa yang dalam bahasa Inggerisnya disebut *Select Committee* yang baru-baru ini kita lulus Tuan Yang di-Pertua ialah Jawatankuasa Pemilih, saya rasa bukan itu, maksud saya ada satu jawatankuasa *Select Committee* yang sekarang ini sudah mula menjelajah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawatankuasa Pilihan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Jawatankuasa Pilihan berhubung dengan EIN saya rasa. Saya perhatikan di dalam Jawatankuasa Pilihan ini tidak terdapat ahli-ahli dari Dewan Negara, saya tidak tahulah sama ada *Select Committee* ini mesti hanya daripada orang-orang yang terpilih sahaja, *selected members* saja dengan izin ataupun boleh juga seorang atau dua daripada Dewan kita untuk duduk di dalam *Select Committee* ini. Tujuannya tidak lain tidak bukan untuk memberikan sedikit lagi imej yang baik kepada Dewan ini seperti yang diharap-harapkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, dewan kita akan menjadi lebih baik.

Hendak mengharapkan Dewan ini seperti yang diharap-harapkan oleh orang surat khabar mungkin, satu Dewan yang riuh, yang gamat saya rasa tidak boleh diharap kerana di dalam Dewan kita ini tidak ramai pembangkang, ada seorang dua pun tidak begitu lantang. Jadi tidak boleh mengharapkan kegamatan begitu tapi walau bagaimanapun melihat kepada perbahasan alhamdulillah tidak kurang nyaring, gamat dan riuh juga di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan setidak-

tidaknya untuk sidang ini apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua yang diharapkan supaya menjadi sebuah Dewan yang relevan dan dihormati, insya-Allah akan tercapai.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan. Saya minta maaf kerana menyebut hal pendidikan ini sedangkan seperti yang selalu diberi ingatan oleh Tuan Yang di-Pertua kalau perkara itu telah disebut oleh banyak orang, sebaik-baiknya janganlah disebut lagi tapi tujuan saya menyebutnya Tuan Yang di-Pertua bukan apa tapi untuk menunjukkan bahawa perkara ini adalah perkara yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebut relevan tadi, saya sebutkan relevan dalam konteks mendukung prinsip '*check and balance*', serta *accountability* pemerintah. Menyemak dan mengulang kaji perundangan, meneliti isu-isu nasional sambil mewakili kepentingan-kepentingan negeri-negeri, minoriti dan sektor.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menyebut hal itu. Jadi saya rasa berdasarkan apa yang disebut dalam Dewan ini selama dua tiga hari kita berbincang memenuhi apa yang diharapkan oleh Tuan Yang di-Pertua termasuklah apa yang saya nak sebut hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan pendidikan Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong langkah kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Dalam satu soalan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri Pelajaran tapi ada dia bagi jawapan bertulis kepada saya. Oleh sebab saya rasa jawapan bertulis ini hanya diberikan kepada saya jadi saya bolehlah membaca untuk makluman sahabat-sahabat kita di sini.

Di antara langkah-langkah yang telah dijalankan untuk menggalakkan penyertaan murid ke sekolah-sekolah kebangsaan tersebut adalah memperkukuhkan kokurikulum semua mata pelajaran yang diajar dengan membuat semakan semula silibus. Melaksanakan Program Rintis J-QAF di sekolah kebangsaan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid berkaitan dengan mata pelajaran Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain. Semua sekali yang sebenarnya bukan apa, itu pelajaran agama Islam. Memperluaskan pelaksanaan pengajaran bahasa ibunda dan bahasa tambahan seperti yang disebut oleh Menteri Pendidikan baru-baru ini.

Yang keempat, memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, akan diikuti oleh semua kaum mulai tahun 2005. Menyemak semula silibus mata

pelajaran pendidikan moral, melantik guru besar yang boleh membuat perubahan dan membina kecemerlangan, membina budaya sekolah kebangsaan, mengadakan *benchmark* terhadap sekolah cemerlang, meningkatkan tahap keselamatan sekolah, meningkatkan kualiti pengajaran pembelajaran guru di sekolah, pembestarian sekolah-sekolah kebangsaan, menerbitkan bahan-bahan bantu mengajar yang berkualiti, mendapatkan sokongan dan kerjasama masyarakat dan persatuan guru-guru, memberi bantuan kepada sekolah-sekolah.

Selain daripada apa yang dipertikaikan sedikit sebanyak iaitu mengajar mata-mata pelajaran Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris. Saya rasa cukup lengkap untuk kita memperkasakan sekolah kebangsaan dan selama ini kita dengar ada persatuan apa yang disebut "*Dong Jiao Zhong*" yang kurang percaya bahawa dengan mengajar bahasa Tamil dan bahasa Mandarin di sekolah boleh menarik murid-murid bukan Melayu masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan.

Begitu juga dengan keraguan seorang pemimpin parti komponen Barisan Nasional tentang pelajaran agama, memang sepintas lalu Tuan Yang di-Pertua, kita dapati komponen-komponen pelajaran Islam itu banyak sebenarnya. Tapi saya yakin ini satu kaedah yang sangat baik untuk memperkuatkan diri murid-murid di dalam bidang ini dan membentuk sahsiah diri murid-murid itu sendiri. Sebagai contoh, dua tiga hari yang lalu, saya dapat melihat sebuah buku laporan tentang pelaksanaan J-QAF ini, rekod solat, rekod sembahyang murid-murid ada ditandakan oleh ibu bapa, ibu bapa terpaksa tandatangan di satu ruang menandakan Subuh anak ini sembahyang atau tidak, Zuhur, Asar dan sebagainya.

Sepintas lalu saya rasa secara tidak langsung mengingatkan ibu bapa yang tidak sembahyang yang menandatangani borang itu untuk menunjukkan anak dia sembahyang atau tidak, pun bertanya kepada diri dia sendiri sembahyang ataupun tidak. Itu satu daripada rekod untuk pelaksanaan ini.

Cuma saya kalau boleh mencadangkan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah lebih menarik sekolah kebangsaan ini, apa kata kalau kita ubah sekolah ini kepada sekolah nasional mengikut Barisan Nasional. Jadi orang pun tidak boleh timbulkan lagi sekolah kebangsaan, rata-rata sesiapa dia pun, anak Melayu, anak India, anak Cina akan tertarik hati kepada sekolah ini dan saya percaya, insya-Allah,

berdasarkan kepada apa yang disebutkan tadi boleh menjadi satu tempat di mana kita boleh membentuk perpaduan dan kita boleh membentuk anak-anak Malaysia untuk masa yang akan datang.

Mungkin barangkali selama daripada kita merdeka sehingga sekarang, kita belum berjaya untuk melihat wujudnya satu bangsa Malaysia yang bersatu. Tetapi kita tidak boleh menafikan keharmonian hidup sekarang, kerukunan damai yang ada sekarang yang dinikmati oleh semua kaum oleh seluruh rakyat negara ini merupakan perkara-perkara yang sedikit-sebanyak kejayaan ini disumbangkan oleh pendidikan di antara faktor-faktor lain. Jadi kalau itulah yang dapat disumbangkan oleh pendidikan, maka tidak ada sebab pendidikan tidak boleh memainkan peranan pada masa-masa yang akan datang.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat menyentuh tentang sekolah nasional. Saya minta penjelasan apa yang membezakan sebenarnya antara sekolah kebangsaan dengan sekolah nasional, apakah tukar nama sahaja ataupun dari segi isinya itu berbeza? Saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sendiri mempunyai kefahaman yang lain, apa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai memperkasakan sekolah kebangsaan ini.

Saya takut ada di kalangan kita ini keliru tentang apa yang dimaksudkan sebagai memperkasakan sekolah kebangsaan dan yang lebih kita bimbangkan ialah jangan nanti kita memahami sesuatu perkara itu secara salah, kemudian berfikir cara salah dan mencari jalan penyelesaian yang juga salah dan akhirnya menimbulkan lebih banyak masalah. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Puad. Tentang nama, dalam banyak hal kita tidak begitu rasional, Tuan Yang di-Pertua. Kita kadang-kadang lebih dipengaruhi oleh emosi dan untuk sedikit bermain dengan emosi saya rasa tidak ada masalah kalau kebangsaan itu ditukarkan kepada nasional walaupun pokok perkara kegiatan-kegiatan *syllabusnya* dan sebagainya itu tidak berubah. Cuma mendekatkan hati orang sahaja daripada kebangsaan yang saya rasa jauh dan boleh menimbulkan sedikit rasa takut kepada perkataan nasional yang kita biasa.

Kebetulan pula kerajaan kita ini kerajaan Barisan Nasional. Tentulah orang akan bertanya apabila kerajaan Barisan Nasional sudah tidak memerintah lagi, kerajaan lain, adakah nama sekolah juga akan berubah? Itu terpulang kepada kerajaan baru, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak bercadang hendak bercakap...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun mengikuti hujah Yang Berhormat. Cuma saya mengingati perkataan Inggeris "*nuance*". Apakah Yang Berhormat ingat istilah Melayu yang sama dengan "*nuance*"?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tidak ingat saya, Tuan Yang di-Pertua, maksudnya itu. Dan saya minta Yang Berhormat Dr. Puad tentang selebihnya tadi saya tidak bercadang memberi penerangan. Cuma saya hendak beri sedikit pandangan saya tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Puad juga dalam ucapannya dahulu, dia ada bertanya satu soalan dan saya rasa kita boleh jawab, tetapi biarlah saya beri sedikit pandangan-pandangan untuk kita lebih jelas menjawabnya.

Bagaimanakah trend pendidikan sekarang? Saya lebih banyak hendak menunjukkan aliran ataupun trend pendidikan kita ini dari segi penggunaan bahasa. Saya kebetulan menjadi salah seorang daripada Pengerusi PIBG sebuah sekolah. Jadi kelmarin Tuan Yang di-Pertua, saya ada mesyuarat, saya pun kebetulan timbul hendak tanya, saya tanya dari segi pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris sampai ke tahap mana.

Katanya di sekolah rendah, sudah sampai Tahun 3 dan sekolah menengah sudah sampai Tingkatan 3 yang tahun ini pelajar-pelajar atau murid-murid yang diajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris akan mengambil pelajaran ini. Soalan dibuat dalam dwibahasa dan jawapan juga mungkin diterima dalam dwibahasa tetapi mengikut penerangan guru, murid-murid lebih senang menjawab dalam bahasa Inggeris kerana mungkin barangkali selama tiga tahun mereka sudah biasa dengan penggunaan istilah dan sebagainya.

Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi trendnya tahun 2006 bila pelajar-pelajar Tingkatan Tiga sekarang selepas mengambil Peperiksaan PMR, masuk Tingkatan 4, aliran Sainsnya mereka akan belajar Matematik dalam bahasa Inggeris, Sains dipecahkan kepada Biologi dalam bahasa Inggeris, Fizik dalam bahasa Inggeris, Kimia

dalam bahasa Inggeris, Matematik Tambahan dalam bahasa Inggeris, English untuk Matematik dan Teknologi dalam bahasa Inggeris. Kalau saya tidak salah, Tingkatan 4 mereka belajar tujuh mata pelajaran dalam bahasa Inggeris. Cuma Sejarah di dalam bahasa Melayu dan Pengajian Islam di dalam bahasa Melayu.

Tetapi mungkin barangkali ada di antara guru-guru yang merasakan bahawa belum berpuas hati dengan pencapaian bahasa Inggeris murid-murid lalu mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa akan ada, supaya mata pelajaran Sejarah juga diajar dalam bahasa Inggeris supaya murid-murid ini lebih berketerampilan menggunakan bahasa Inggeris. Jadi ertinya untuk Tingkatan 4 murid-murid aliran Sains khususnya, akan hanya belajar menggunakan bahasa Melayu dalam bahasa Melayu dan di dalam Pengajian Islam sahaja dan yang lain-lain semuanya di dalam bahasa Inggeris.

Pagi tadi dalam satu jawapan kepada soalan saya, mulai tahun ini murid-murid yang dahulu telah mengikuti matriks akan belajar tahun satu di universiti, mata pelajaran-mata pelajaran tertentu di dalam bahasa Inggeris. Ada orang bertanya apa telah jadi kepada sekian banyak belanja yang telah kita buat untuk menyiapkan buku-buku teks dan sebagainya dalam bahasa Melayu. Saya jawab kata, tidak ada gunanya sebab tentulah tidak munasabah untuk memaksa mahasiswa, mahasiswi bila masuk tahun satu belajar Matematik dan subjek-subjek Sains yang lain di dalam bahasa Melayu, sedangkan mereka telah pun mempelajari mata pelajaran-mata pelajaran ini sekian lama di dalam bahasa Inggeris.

Tapi bila kita sampai kepada apa yang disebut *cross road* ataupun di persimpangan jalan, kita bertanya apa akan jadi kepada rakyat negara kita terutamanya orang Melayu. Saya minta maaf, sebut Melayu ini kepada sahabat-sahabat kita orang India dan orang Cina, bukan perkauman. Bila kita dilanda oleh tsunami globalisasi ini, adakah kita hanya boleh bertahan? Adakah kita akan menjadi trampil? Adakah kita akan menjadi cemerlang, gemilang dan sebagainya hanya belajar dengan menggunakan bahasa Melayu sahaja. Ke mana kita akan pergi? Jadi di sinilah saya rasa Tuan Yang di-Pertua dapat kita sebut sama ada kita suka atau tidak suka trend ataupun arah pendidikan kita. Paling tidak dalam penggunaan bahasa dan lain-lain ini, biasalah kita sebut ada hubungannya dengan bahasa. Cuma bezanya dengan apa yang

dilakukan oleh orang lama, mungkin barangkali semasa Tuan Yang di-Pertua mengaji di sekolah dahulu, bezanya dahulu kita isytiharkan sekolah ini sekolah Inggeris, cuma sekarang kita tidak isytiharkan, sekolahnya sekolah yang ada sekarang tetapi penggunaannya bahasa Inggeris, itu sahaja.

Saya teringat bila saya sebut ini dalam satu lawatan pemimpin kita...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan....

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato', saya sangat tertarik dengan cadangan Dato' supaya semua rakyat kita belajar bahasa Inggeris untuk menjadikan negara kita sebuah negara maju. Jadi persoalan saya ialah, adakah negara-negara maju seperti Jepun...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak betulkan sedikit demi ketepatan, Yang Berhormat tidak ada cadangan sehingga detik Yang Berhormat duduk tadi, Yang Berhormat hanya menceritakan narrated atau describe proses trend pendidikan, belum lagi membuat cadangan, jadi bukan cadangan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas pembedaan itu. Cuma saya ingin meminta pandangan, adakah negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan sebagainya menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan mereka yang menyebabkan mereka tersenarai sebagai negara-negara maju? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat bertanya soalan Yang Berhormat sedia maklum saya rasa. Tidaklah, jawabnya Yang Berhormat. Tetapi kita tidak seharusnya tiru orang lain bila kita yakin apa yang kita buat ini adalah betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah saya sentuh berhubung dengan bidang pendidikan ini dan saya hendak berpindah ke tajuk lain berhubung dengan rasuah. Saya cukup tertarik hati kepada apa yang ditimbulkan oleh sahabat kita, Yang Berhormat Puan Siti Zailah berhubung dengan rasuah. Memang kita di sini menyokong langkah kerajaan memerangi rasuah habis-habisan tetapi pelaksanaan itu tidaklah boleh kita mengharap hasilnya dalam jangka waktu yang pendek. Saya percaya, walaupun dari segi ratingnya, seperti yang disebut tadi, kita menurun dari tempat ke 35 dua tahun yang lalu kepada 37, tetapi jelas sekarang ada kesediaan di kalangan

pemimpin-pemimpin kita di peringkat tinggi, pertengahan dan di bawah untuk melihat penyakit rasuah ini terkawal dan tidak menular sampai kepada peringkat yang menghancurkan negara kita.

Saya menyokong kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa elok kalau kita boleh bersetuju bahawa rasuah, ertinya kalau dadah untuk menunjukkan tidak suka kita, sebagai satu cara kita berperang kita sebut najis, maka rasuah bolehlah kita sebut sebagai tahi ertinya orang yang memberi rasuah, memberi tahi, orang yang menerima rasuah, menerima tahi tetapi orang yang mengatakan orang yang menerima rasuah sedangkan pada hakikatnya dia tidak terima, bagaimana pula jadinya? Bukan ini menunjukkan bahawa kita melemparkan tahi kepada orang yang tidak bersalah yang sepatutnya tidak terima tahi. Kita kena fikir begitu juga Tuan Yang di-Pertua, barulah adil.

Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat supaya perkara yang ada hubungan dengan seorang yang disebut, tadi saya tidak bercadang hendak menyebut namanya, diambil tindakan dan diserahkan kepada pihak berwajib. Cuma saya mengharapkan dalam Dewan ini, kalau Yang Berhormat Puan Siti bersetuju dan bersedia menyerahkan hal ini kepada pertimbangan kerajaan, maka dia hendaklah juga bersedia menerima keputusan kerajaan. Kalau kerajaan kata no case, dia kena menerima keadaan ini, jangan mengatakan ini tidak betul. Kebetulan orang dia, kenapa tidak timbul masalah apabila diserahkan kepada pertimbangan kerajaan. Kalau tidak kita sekali lagi akan mengatakan bahawa kerajaan tidak bertanggungjawab dan sampai ke mana keadaan sebenarnya akan berlaku? Itulah yang saya minta dalam ini Tuan Yang di-Pertua tetapi walau bagaimanapun saya yakin, insya-Allah, perkara yang seumpama ini akan dapat ditangani sebaik-baiknya sebab rasuah dan dadah merupakan dua perkara yang setiap orang tidak menyukainya tapi dalam banyak hal ada orang yang terlibat, yang terperangkap di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut secara khusus satu perkara berhubung dengan daerah saya, daerah Kuala Terengganu. Saya sudah sebut dalam Dewan ini pada tahun lalu tetapi saya rasa molek juga kalau boleh saya sebut iaitu projek memperelokkan muara Kuala Terengganu. Saya berharap supaya dapat diberikan perhatian oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani. Dua tahun yang lalu, muara Kuala Terengganu ini telah pun didalamkan, dikorek dan kita mengharapkan supaya sebuah *breakwater* ataupun benteng pemecah ombak dibina tetapi kenyataannya tidak begitu dan tahun ini, sekarang sedang berjalan, muara itu dikorek lagi kerana kontraktor yang mengorek hanya pada waktu-waktu yang tertentu sahaja sedangkan air laut seperti yang kita sedia maklum mengorek 24 jam, tujuh hari seminggu dan seterusnya dikorek lagi.

Jadi apa yang dilakukan oleh kontraktor itu tidak ada manfaatnya sekarang kerana *breakwater* tidak didirikan sedangkan saya dimaklumkan bahawa belanja mengorek itu lebih kurang RM40 juta. Jadi kita mempersoalkan adakah kita akan berbelanja sebanyak RM40 juta tiap-tiap tahun atau tiap-tiap dua tahun sekali untuk mengorek sungai ini sedangkan apa yang kita harapkan sebuah *breakwater* ataupun pemecah ombak dibina untuk menyelesaikan masalah tidak juga menjadi kenyataan. Inilah saya harap mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan.

Satu perkara ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, tetapi dia tidak ada di sini berhubung dengan kakitangan Kemas yang perempuan, yang akan diberhentikan bila dia melahirkan kelahiran yang ketiga. Yang pertama dan yang kedua diizinkan oleh kontrak tetapi yang ketiga tidak. Pada mulanya saya tidak percaya Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya kepada orang Terengganu, betulkah apa yang ditimbulkan oleh sahabat kita daripada Pulau Pinang ini? Dia minta masa dengan saya dalam masa sejam beritahu saya bahawa sebenarnya ada satu pekeliling daripada JPA yang mensyaratkan begitu. Oleh kerana pegawai itu pegawai kontrak, jadi timbul masalah begitu.

Cuma sahabat-sahabat saya di Terengganu ini bertanya kenapa Yang Berhormat Dato', orang Pulau Pinang sibuk. Adakah ini tidak kena *planning* sedangkan tidak timbul di Terengganu. Pandai orang Terengganu *planning* Yang Berhormat. Saya kata saya pun tidak tahu macam mana. Tapi keadaannya begitulah. Jadi saya rasa kalau begitu kedudukannya Tuan Yang di-Pertua, moleklah kita perbetulkan kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua sendiri sedia maklum peranan yang dimainkan oleh sahabat-sahabat kita orang Kemas dalam beberapa kegiatan terutama kegiatan-kegiatan yang ada hubungannya dengan kerajaan dan UMNO Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sepatutnya sudah sebut satu perkara. Tetapi oleh kerana saya tertinggal masih di bawah bidang pendidikan, iaitu berhubung dengan Sekolah Agama Rakyat. Sebenarnya saya rasa masalah Sekolah Agama Rakyat ini telah pun selesai. Memang betul. Kerajaan Persekutuan telah menarik bantuan per kapita kepada sekolah ini kerana kita dapati kalau tidak semua, tetapi sebahagian besar pada sekolah-sekolah ini telah menyalahgunakan sekolah itu sendiri. Ini telah kita timbulkan di dalam pilihan raya yang lalu seperti Yang Berhormat dan sahabat-sahabat lain sedia maklum.

Ertinya kita telah memberi penerangan yang sejelas-jelasnya, mengapa kerajaan terpaksa tidak menyambung atau meneruskan bantuan per kapita ini dan kita juga menawarkan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah menengah agama ini yang tidak mendapat pembelaan yang secukupnya, dengan gajinya tidak sepadan dengan kelulusannya untuk diserapkan masuk ke sekolah-sekolah kerajaan. Alhamdulillah sebahagiannya menerima dan sebahagiannya tidak menerima. Jadi saya rasa tidak ada sebab kenapa kita hendak mengungkitkan lagi perkara-perkara yang telah saya rasa selesai dan diberi perhatian yang secukupnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit lagi berhubung dengan pendidikan iaitu kelakuan anak-anak kita yang mengaji di beberapa institusi pendidikan agama di luar negara, misalnya di Mesir dan di Jordan. Saya tidak hendak mempertikaikan fakta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, tetapi melalui pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, malanglah bagi kita anak-anak kita di luar ini tidak mahu mengikuti peraturan-peraturan tertentu misalnya kita ambil satu contoh pelajar-pelajar di Mesir kita mengharap, kerajaan mengharap akan menjadi ahli kepada 'persatuan pemerang' yang biasa disebut di Mesir. Tetapi sesetengahnya dia suka menubuhkan persatuan-persatuan lain berdasarkan negeri dan sebagainya. Ini menimbulkan masalah.

Pengalaman saya sendiri pernah satu masa mewakili Kerajaan Terengganu berjumpa dengan pelajar-pelajar dari negeri Terengganu di Mesir. Dalam perjumpaan itu kita cuba menerangkan keadaan sebenarnya, tapi sebenarnya sekali lagi saya sebut malang tidak ada perkara yang baik yang dilakukan oleh kerajaan pada pandangan mereka, kecuali Tuan Yang di-Pertua memberikan biasiswa kepada mereka, yang lain

semua tidak baik belaka. Apa yang dilakukan di Mesir tidak baik bagi mereka, apa yang dilakukan di Malaysia tidak baik pada mereka.

Jadi saya tidak hairanlah kalau keadaan yang serupa berlaku juga kepada anak-anak kita dari Selangor yang ada di Mesir sekarang. Saya rasa dalam hal ini Kerajaan Selangor tidak mudah boleh dipersalahkan. Ada hal-hal yang munasabah untuk pihak negeri Selangor memperketatkan pemberian zakat dan sebagainya kepada mereka. Kita berharap insya-Allah mudah-mudahan dengan duta baru kita ke Mesir yang juga pernah mengaji di Mesir insya-Allahlah duta ini dapat mengkaji masalah ini dan keadaan boleh diperbaiki sedikit-sebanyak Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang hendak saya sebutkan di sini. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, mudah-mudahan apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini menjadi sebuah Dewan yang relevan dan dihormati tercapai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk M. Ratnam. Selepas ini Tuan Osman bin Bungsu.
4.47 ptg.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa merasmikan Parlimen Yang Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi segala pujian kepada pucuk pimpinan negara ini yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin dari Barisan Nasional. Pujian khas harus diberi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri kita kerana beliau dapat meneruskan tradisi kecemerlangan yang telah ditonjolkan oleh bekas Perdana Menteri Yang Amat berbahagia Tun Dr Mahathir bin Mohamed.

Genap sudah satu tahun dengan Perdana Menteri yang baru memimpin negara ini. Pembangunan yang pesat yang dinikmati selama ini tidak diperlambatkan dengan datangnya Perdana Menteri yang baru. Satu perkara yang harus diberi perhatian ialah segala janji-janji yang ditaburkan semasa pilihan raya yang lepas tidak dibiarkan begitu sahaja. Satu persatu apa yang dijanjikan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini dikotakan.

Tuan Yang di-Pertua, warga Malaysia harus bersyukur untuk digelar warga Malaysia kerana tidak ada banyak negara di dunia yang menikmati kestabilan politik dan pembangunan ekonomi seperti yang dialami oleh Malaysia. Pada tahun 2004, kadar pertumbuhan ekonomi negara adalah melebihi 7%. *Reserve* negara kita telah mencatatkan satu rekod baru iaitu sebanyak RM273 bilion.

Di samping statistik yang memberangsangkan itu kadar inflasi negara juga adalah rendah dan guna tenaga penuh dapat dicapai. Untuk tahun 2005, unjuran pertumbuhan ekonomi adalah sebanyak 6%. Oleh kerana pencapaian-pencapaian seperti inilah negara Malaysia sentiasa dicemburui oleh banyak negara sedang membangun yang lain.

Namun demikian segala pertumbuhan dan kemajuan akan hilang sekelip mata jika perpaduan antara kaum-kaum utama tidak lagi wujud di negara ini. Menyedari hakikat inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet beliau tidak pernah membelakangkan agenda perpaduan dalam perancangan pembangunan negara ini. Kerajaan menyedari perpaduan harus bermula di peringkat sekolah lagi. Dengan bermatlamatkan inilah kerajaan ingin memperkasakan sekolah kebangsaan supaya ia menjadi sekolah terbaik dan menjadi pilihan ibu bapa semua kaum. Maka pengumuman oleh Perdana Menteri baru-baru ini bahawa bahasa Mandarin dan Tamil akan ditawarkan di sekolah-sekolah kebangsaan sebagai pilihan elektif merupakan antara untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Parti-parti komponen Barisan Nasional telah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi atas cadangan ini. MIC juga telah memberi sokongan yang penuh kepada cadangan Perdana Menteri ini. Dasar kerajaan ialah supaya sekolah kebangsaan tidak dimonopolikan oleh satu kaum yang utama yang kini pelajar-pelajar Melayu sahaja kerana perpaduan akan dapat dicapai dengan lebih mudah sekiranya Ali, Ah Chong dan Muthu belajar di bawah satu bumbung yang sama. Interaksi di antara mereka pada tahap umur 7 hingga 12 tahun itulah yang banyak mempengaruhi perhubungan dan sosialis antara kaum di peringkat dewasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya ialah jangan ada kecacatan dari aspek pelaksanaan kelak kerana di negara ini ada kala niat murni kerajaan melalui dasar gagal menjadi kenyataan kerana kecacatan dari segi pelaksanaan. Oleh itu saya syorkan pemantauan yang penuh dari pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dalam

pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan. Secara nyata ternampak seolah-olah tidak wujud polarisasi perkauman di negara ini namun perhatian di sekolah-sekolah menengah dan universiti jelas menunjukkan pelajar-pelajar bergaul dalam kelompok masing-masing sahaja. Jadi apa yang dikhuatiri ialah perhubungan kaum jangan jadi seperti bom jangka yang hanya menunggu masa untuk meletup. Pemimpin-pemimpin negara ini harus sedar kita tidak ingin berulang lagi peristiwa 13 Mei 1969 di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa pentingnya perhubungan kaum segala dasar yang diperkenalkan di negara ini tidak harus berbentuk diskriminasi. Dalam usaha kerajaan menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan keikhlasan kerajaan harus kelihatan bahawa tidak ada satu-satu kaum yang miskin dan memerlukan bantuan itu dipinggirkan. Ini adalah kerana kemiskinan bukan fenomena satu-satu kaum sahaja malah di Malaysia boleh dikatakan ada orang Melayu yang miskin, ada orang Cina yang miskin dan ada juga orang India yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, secara relatif boleh dikatakan ramai lagi keluarga-keluarga miskin dari masyarakat India. Apa ertinya ekonomi negara dan taraf hidup dikatakan meningkat walhal terdapat satu golongan besar di ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang menerima pendapatan di bawah garis kemiskinan. Kita semua sedia maklum sektor komoditi merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara dan korporat-korporat besar seperti Sime Darby dan Guthrie meraih keuntungan berbilion-bilion ringgit tetapi pekerja ladang masih tidak berjaya untuk meningkatkan upah harian mereka kerana pelbagai alasan yang diberi oleh pihak MAPA.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus disedari ialah masyarakat India telah banyak menyumbang dalam sektor perladangan sejak negara mencapai kemerdekaan. Rata-rata boleh dikatakan taraf hidup mereka rendah, tidak cukup dengan itu ada juga satu fenomena baru di sektor perladangan sekarang di mana pengurus-pengurus ladang sanggup mengambil pekerja asing untuk menggantikan pekerja tempatan. Pengurus-pengurus ladang terdorong untuk berbuat demikian kerana upah harian yang lebih rendah iaitu RM15 sehari dapat dibayar untuk pekerja asing manakala pekerja tempatan harus dibayar RM18 sehari. Jadi untuk masyarakat India yang tidak mempunyai apa-apa kemahiran yang lain satu-satunya tempat pergantungan

mereka untuk bekerja selama ini pun dirampas oleh pekerja asing. Ini akan menyukarkan mereka untuk mendapat pekerjaan mereka di sektor lain kerana tidak mempunyai apa-apa kemahiran yang lain. Dengan berlatar belakangkan senario seperti ini sudah tentu masyarakat India memerlukan bantuan-bantuan khas daripada kerajaan supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembangunan ekonomi negara. Ini boleh dilakukan dengan penglibatan yang lebih aktif oleh masyarakat India dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa pembangunan sektor pertanian merupakan penjana pertumbuhan ekonomi negara. Pandangan sebahagian besar masyarakat India adalah masyarakat *agraria* adalah amat tepat dan wajar, masyarakat India digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang pertanian khususnya penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Satu kekangan besar kepada masyarakat India ialah mereka tidak mempunyai tanah untuk mengusahakan pertanian secara komersial.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan ialah pihak Kerajaan Persekutuan berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri bagaimana tanah ini di sesebuah negeri dapat dikurniakan kepada pemohon-pemohon tanah yang ingin melibatkan diri secara aktif dalam sektor pertanian. Satu penyelesaian kepada masalah ini harus dicari dalam tempoh masa yang terdekat. Mungkin Kerajaan Persekutuan dapat membuka ladang-ladang buah-buahan dan pertanian ala FELDA. Kalau dahulu tumpuannya adalah penanaman kelapa sawit kini fokusnya haruslah kepada penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Pada masa yang sama tanah-tanah dari setiap negeri juga harus diagihkan untuk penternakan lembu, kambing dan binatang lain secara komersial.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bil import bahan-bahan makanan untuk negara Malaysia adalah RM16.5 bilion pada tahun 2004. Sudah tentu ini tidak menggalakkan bagi sebuah negara yang mempunyai iklim dan sumber tanah yang sesuai untuk menyesuaikan pertanian secara komersial.

Sekiranya kita berjaya menggalakkan rakyat Malaysia secara amnya dan masyarakat India secara khususnya untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian secara komersial, sudah tentu bill import yang begitu tinggi untuk barang-barang dan ternakan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang ialah ramai juga warga Malaysia yang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian secara komersial, tetapi permohonan mereka untuk tanah kerajaan dari Kerajaan Negeri untuk tujuan ini tidak tercapai kerana proses permohonan tanah untuk tujuan ini memakan masa yang lama dan biasanya permohonan itu gagal. Saya syorkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membawa perkara ini dalam perjumpaan mesyuarat bersama Menteri- Besar-Menteri Besar negeri supaya kelulusan pihak berkuasa negeri lebih cepat bagi membangunkan sektor pertanian dengan lebih pesat di negara ini.

Berhubung kait dengan ini juga, bidang bio-teknologi pertanian boleh difokuskan sejajar dengan perkembangan semasa. Sekiranya negara Malaysia ingin bertanding dengan negara-negara yang sudah maju di sektor pertanian, peruntukan yang lebih besar harus diberi kepada bidang penyelidikan dan pembangunan, pertanian dan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di bawah pucuk pimpinan Barisan Nasional kerana telah berjaya meningkatkan hak milik ekuiti bumiputera dari 4% kepada 18% melalui pelancaran dasar ekonomi baru pada tahun 1970. Kerajaan ini telah mensasarkan pencapaian 30% dari ekuiti negara untuk golongan bumiputera. Namun, selepas 35 tahun, sasaran 30% tidak dapat dicapai. Seluruh jentera kerajaan telah membuat rancangan rapi untuk mencapai 30% dari ekuiti negara.

Namun, sasaran awal tidak dapat dicapai. Tujuan saya untuk memfokuskan kepada perkara ini ialah untuk menunjukkan betapa sukarnya untuk masyarakat India mencapai sasaran mereka iaitu 3% dari ekuiti negara menjelang tahun 2010 secara bersendirian. Kita semua sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan beliau pada prinsipnya telah bersetuju untuk meningkatkan hak milik ekuiti masyarakat India dari 1.5% ke 3%. Namun setakat ini tidak nampak apakah bantuan-bantuan khas dari pihak kerajaan bagi membantu masyarakat India mencapai sasaran 3% itu. Kalau hanya menyatakan kerajaan setuju, tetapi tidak mewujudkan jawatankuasa khas untuk membantu masyarakat India, saya yakin sasaran 3% akan tinggal sebagai sasaran kerana keturunan orang India dengan sendirinya tidak mungkin mencapai sasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh pada 5 Mei soalan saya....

Tuan Lee Sing Chooi: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Dengan menaikkan ekuiti orang India, adakah Yang Berhormat satu cadangan bahawa kerajaan menubuhkan Amanah Saham untuk kaum-kaum minoriti seperti orang India, kaum Beduran Siam dan juga orang asli. Adakah itu boleh dicadangkan atau tidak, macam mana Yang Berhormat?

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Yang Berhormat. Itu satu cadangan yang baik. Pada masa dahulu dalam Dewan yang mulia ini, saya juga telah cadang supaya menubuhkan satu bahagian khas di PNP supaya dia orang boleh adakan satu bahagian di mana saham-saham untuk kumpulan minoriti boleh disimpan di sana dan diagihkan di satu masa yang akan datang apabila dia orang sudah siap sedia untuk menerimanya. Terima kasih atas cadangan yang diutarakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 Mei, soalan saya ialah soalan No 22 yang tidak dapat dijawab dalam Dewan ini oleh sebab waktu terhad. Soalan No 22 yang ditujukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna. Soalannya ialah menyatakan berapa banyakkah lesen pengendalian stesen minyak yang telah dikeluarkan di antara tahun 2003 dan 2004 dan apakah pecahan mengikut kaum?

Jawapan bertulis yang saya telah terima ialah pada tahun 2003, Kementerian telah mengeluarkan 129 lesen, 110 untuk kaum bumiputera, 12 kepada kaum Cina dan bakinya pemohon perkongsian antara bumiputera dan bukan bumiputera. Pada tahun 2004, 67 lesen dikeluarkan. 59 kepada bumiputera, 4 kepada kaum Cina dan 1 lesen kepada pemohon perkongsian antara bumiputera dan bukan bumiputera. Jumlah yang telah dikeluarkan tidak sama dengan pecahan iaitu 59+4+1 ialah 64 sahaja. Kurang tiga kerana dia kata 70 telah keluar. Jadi apabila menyiapkan jawapan adalah perlu bagi pegawai-pegawai yang menyiapkan jawapan itu untuk semak betul-betul. Adalah diharapkan bahawa perkara ini diambil perhatian oleh wakil di Kementerian itu bahawa jawapan perlu tepat dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh dua tahun, sejumlah 196 lesen baru telah dikeluarkan dan didapati dari jawapan,. satu lesen pun tidak keluar kepada orang keturunan India. Ini amat mengecewakan.

Kementerian mesti adakan syarat atau polisi bahawa beberapa peratus permohonan-permohonan yang diluluskan perlu dikhaskan untuk semua kaum. Khaskannya untuk kaum minoriti seperti India, kalau syarikat minyak tidak mematuhi syarat itu, atau polisi kerajaan itu Kementerian ada kuasa untuk jangan memberi kelulusan lesen baru yang disyorkan kepada individu oleh syarikat itu sehingga ia dipatuhi. Dahulu saya ada tanya mengapa tidak kasi, dia kata Kementerian punya jawapan, ini disokong oleh syarikat. Apa yang disokong oleh syarikat, kita lulus. Orang India juga ada pernah mohon, saya sendiri ada mohon. Apa kurang, wang ada, wang pertaruhan ada, semua ada, kelayakan ada, tetapi tolak juga, bukan saya seorang, ramai orang ada memohon dan saya punya kawan pun ada mohon tetapi mengapa tidak boleh dapat?

Tuan Yang Di-Pertua, kelemahan inilah perlu diatasi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat ada atau tidak dia mempunyai kawasan tanah kerana stesen-stesen minyak ini biasanya kalau mohon stesen dia mesti ada kawasan tanah, kalau dia tidak ada tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebagai stesen minyak, memang dia tidak luluskan. Setahu sayalah. Jadi, itu yang pertama saya hendak tanya dan yang kedua saya hendak tahu, berapa banyak permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh kaum India yang tidak diluluskan, pada tahun 2004, 2003 dan 2005? Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang pertama ada dua macam. Satu ialah kalau you ada tanah yang sesuai, syarikat itu mari tengok you punya tanah, boleh berniaga, dia akan timbang you punya permohonan. Dia akan syorkan nama you kepada kementerian dan kementerian akan keluarkan lesen. Cara yang kedua, syarikat sendiri pergi cari tempat-tempat yang cantik, yang mana mereka boleh mengadakan stesen dan dia sendiri keluarkan kepada orang yang dia suka. Dia pilihlah. Soalan yang kedua yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri memang saya tidak dapat menjawab dengan tepatnya kerana permohonan-permohonan itu tidak melalui saya, itu terus kepada syarikat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan ini perlulah diatasi sekiranya ada satu mekanisme pemantauan sudah tentu keadaan seperti ini tidak akan wujud. Inilah

sebabnya kami berulang-ulang kali meminta ICU mengadakan unit khas untuk membuat kajian dan merangka strategi yang sesuai. Kalau ditetapkan beberapa lesen akan diperuntukkan untuk kaum India, maka ia akan sedikit sebanyak mempertingkatkan kenyataan ekuiti masyarakat India. Seperti yang saya katakan tadi, ini satu contoh sahaja, ada banyak macam ini tetapi saya tidak dapat sebut pada masa ini. Tuan Yang Di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Usul Menjunjung Titah Di-Raja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya Yang Berhormat menekankan soal *accountability* pemerintah dan Yang Berhormat mewakili kepentingan minoriti dengan begitu lantang dan bersemangat. Bermakna Dewan Negara melalui Yang Berhormat menunjukkan Dewan Negara masih relevan kepada orang India.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih, terima kasih, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Tuan Osman Bungsu. Banyak masa lagi Yang Berhormat, sampai pukul 7 hari ini, esok lagi sampai pukul 1.

5.13 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut serta sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Baginda Tuanku yang banyak menyentuh berbagai isu yang akhirnya menjurus kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan sekali lagi saya merakamkan tahniah di atas usaha kerajaan dan media massa kerana dapat membentuk rakyat yang prihatin, dermawan dalam masa negara ditimpa bencana *tsunami* yang berlaku pada 26 Disember 2004. Secara tidak langsung usaha-usaha kerajaan ini telah menampakkan bahawa Malaysia telah membuktikan satu-satu negara yang dapat menyumbang untuk membangunkan negara Malaysia malah dapat menunjukkan kepada dunia, Malaysia prihatin kepada dunia untuk membantu apa sahaja yang terjadi kepada semua masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha keprihatinan dan semangat yang begitu hebat, saya masih mengulangi ucapan saya pada 19 Januari 2005 pada persidangan yang lepas bahawa saya telah membangkitkan satu isu yang boleh dikatakan besar maknanya dalam kehidupan masyarakat Orang Asli yang ditimpa kemalangan yang

mengakibatkan harta benda, pertanian dan juga perkara-perkara yang melibatkan hampir antara RM3.5 hingga RM4 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, setelah begini lama peristiwa ini berlaku saya difahamkan oleh pegawai yang berkenaan kerana saya tidak sempat hendak melawat di situ, hanya bantuan RM500 dan juga perkara-perkara kecil bantuan yang telah disampaikan sedangkan jambatan yang begitu mustahak yang runtuh untuk membina perhubungan masyarakat tidak dibina segera. Rumah-rumah yang dilanda, *bahnumi*, saya kata *Bahnumi* lah kerana ia air sungai, bah, jadi kalau ombak besar, *tsunami*. Jadi, hari ini kita panggil *Bahnumi* yang berlaku di kampung RTS Tasek Gua Musang pada tarikh 10 Disember 2004, yang mana berita ini telah ditenggelami oleh peristiwa yang amat tragedi sekali di mata dunia.

Maka, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya agak kecewa juga apabila saya dengar rumah yang patutnya dibuat dengan peruntukan, duit bantuan *tsunami* ini banyak, apalah salahnya hantar RM1 juta atau RM60 juta kepada yang ada, *balance*, saya ingat rakyat Malaysia pun kalau diberitahu kalau tidak diberitahu pun kalau hantar duit itu, untuk kesejahteraan rakyat di situ tidak timbul masalah. Kita tidak hendak pepatah Melayu kata, kera di hutan di susukan anak dibuaian mati kelaparan.

Jadi, inilah keprihatinan ini juga saya berharap kepada kementerian yang terlibat, terutama Jabatan Perdana Menteri ataupun jabatan-jabatan pertanian yang mana ini melibatkan pertanian dan juga prasarana rumah, jalan yang mana kita tahu sekolah, bila hendak sekolah budak-budak tidak ada jalan. Agak-agaknya bagaimanalah kita, kalau anak kita terjadi sedemikian, kalau terjadi di kampung kita, jambatan penghubung tidak dibaiki hingga ke hari ini.

Saya serahkan kepada tuan-tuan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk fikir sama-sama, kalau ada tangan Yang Berhormat lebih-lebih sumbanglah kepada orang kita, tidak banyak. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban kerana menderma kepada Orang Asli RM2,000 untuk bantuan buku-buku bacaan, dia minta pada saya. Jadi, saya salurkan untuk bacaan kerana bacaan ini penting dalam mengubah minda Orang Asli yang rata-rata hanya untuk mengubah kehidupan bukan hendak menuntut ilmu tetapi hendak mengubah kehidupan agar sukar.

Jadi, tuan-tuan yang dihormati sekalian, saya rasa kepentingan ini terutama sekali jalan yang perlu untuk kampung dan juga jalan yang digunakan oleh perhubungan oleh agensi-agensi kerajaan yang perlu dibuat segera. Kalau ikut jalan balak sampai 45 kilometer dengan kalau kita membina jalan tidak sampai pun 15 kilometer jalan yang direntasi dengan jalan raya besar. Ini juga akan mendekatkan masyarakat, terutama kaum pendidik di dalam pendalaman untuk berkhidmat dan juga hubungan antara kerajaan agensi-agensi luar untuk berhubung dengan masyarakat yang penduduknya ramai.

Jadi saya berharap kementerian-kementerian yang berwajib dapat mengambil iktibar, memenuhi kehendak zaman yang ada sekarang ini supaya kita dapat bukanlah *win win situation* tetapi dapatlah menyelamatkan keadaan dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada isu pendidikan yang mana saya telah diperdengarkan oleh Dato' Hamzah Zainudin, Datuk Jins Shamsudin, Datuk Hazizah dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dalam usaha memperkasakan sekolah ini. Tuan Yang di-Pertua, kita telah maklum bahawa kerajaan sedar bahawa untuk menjadi sekolah yang berjaya maju, tenaga pengajar mestilah diberi satu kualiti, taraf kualiti untuk mendidik anak menjadi cemerlang seperti mana Nur Amalina. Kita tidak percaya bahawa seorang pelajar Nur Amalina boleh mencipta sejarah 17A1. sedangkan kalau kita tidak memberi kemudahan-kemudahan asas yang betul, yang benar, yang tepat maka perkara ini tidak akan terjadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat jawapan lisan daripada pertanyaan tentang beban tugas cikgu ini. Di mana kementerian sedar, saya rasa dengan jawapan ini dalam soalnya, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya membaca sekali lagi walaupun tidak dijawab kerana keadaan masa yang begitu dan soalnya nombor 44 jadi tidak termasuk. Iaitu pelan tindakan yang dirancang dan akan dilaksanakan untuk mengatasi beban tugas guru. Dan yang kedua, apakah aspek baru yang diberi penekanan dan jumlah staf yang dijangka terlibat.

Jawapan yang diberikan ialah langkah-langkah sewajarnya telah dan akan diambil untuk memastikan para guru tidak terlalu terbeban sehingga menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara usaha-usaha yang telah dibuat ialah melaksanakan maklumat secara berpusat melalui sistem maklumat dan antaranya

menambah bilangan tenaga staf kakitangan di sekolah, mengurangkan waktu mengajar dan juga mengurangkan waktu mengajar jika mereka memegang jawatan-jawatan penting. Begitu juga menambah bilangan staf ini termasuk staf sokongan, pegawai perkeranian, pengasuh murid-murid, pembantu teknikal, pembantu perpustakaan dan mewujudkan guru-guru kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dan saya sedar bahawa kementerian juga sedar dalam perkara ini tetapi apakah langkah segera untuk membantu guru, bebanan guru terutama saya dah dengar 5 tahun yang lalu bahawa guru akan dibekalkan oleh staf untuk mengatasi bebanan guru tapi sehingga ke hari ini tidak terlaksana. Seinggalah kita lihat baru-baru ini dua orang guru sanggup menghantar pelajar dengan keretanya dan ditimpa kemalangan dan maut hanya untuk membawa beberapa orang pelajar.

Jadi kita kena lihat perkara ini serius dan usaha kita menimbangkan perkara-perkara penting untuk mengatasi keadaan guru di sekolah. Pertama, beban guru yang banyak ini kadang-kadang menyebabkan juga kekecewaan, satu hari kalau kita tengok, kokurikulum mesti berjalan selepas waktu sekolah sedangkan kokurikulum ini banyak. Malah kadang-kadang hari sekolah kita cuti hari minggu, hari Sabtu, guru tidak cuti. Bukan kerana diberi waktu cuti mesti cuti tetapi kerana tugas untuk menambat hati cikgu, hati guru besar, hati pengetua, guru-guru ini terpaksa juga kalau tidak mereka tidak cemerlang, gemilang. Tidak diberi anugerah cemerlang kerana anugerah cemerlang inilah anugerah kenaikan pangkat. Tak akan dia nak menunggu sampai pencen, baru nak naik pangkat. Jadi kadang-kadang terpaksa berkorban seminggu 7 hari bekerja. Hari Sabtu petang kokurikulum, hari minggu terpaksa kerja luar, mengadakan seminar, mengikuti seminar, bawa budak ikut kursus, bawak budak pergi lawatan, macam-macam.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi laluan. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang guru ini. Saya nak minta pandangan Yang Berhormat kerana kita tahu bagaimana peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

yang boleh bernilai yang dikenakan syarat untuk kenaikan pangkat kepada guru kerana apabila kita melihat PTK ini, guru-guru ini dia ada tugas di luar juga seperti guru disiplin, guru sukan yang mengadakan kokurikulum.

Adakah Yang Berhormat bersetuju PTK ini digunakan sebagai syarat untuk kenaikan pangkat kepada guru. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali. Jadi ini memang satu soalan yang kadang-kadang mengejutkan, dia tengok dulu, fikir, cikgu macam tidak berminat untuk menjawab soalan hingga keputusannya seramai 0.2% cikgu lulus dalam PTK. Jadi soalan ini syarat kenaikan pangkat telah diberitahu dalam soalan lisan yang lalu dan sudah dijawab oleh Setiausaha Parlimen bahagian Jabatan Perdana Menteri telah menjawab soalan ini dan memanglah syaratnya telah ditetapkan sesiapa yang lulus PTK boleh diajukan namanya untuk kenaikan pangkat tapi belum pasti naik pangkat. Kita tengok sehingga ke hari ini soalan saya yang lepas, calon-calon yang menduduki peperiksaan PTK sehingga ke hari ini pun keputusan tidak diumumkan sedangkan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM yang hampir setengah juta dengan ujian bertulis dah dapat jawapan. Jadi saya mencadangkan kepada pihak pemeriksa kertas PTK yang objektif saja, dia tidak ada subjektif kan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah saya mengganggu sebentar?

Tuan Osman bin Bungsu: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat, saya sedar banyak Yang Berhormat berminat untuk berucap. Sukacita saya maklumkan bahawa pada pengiraan saya, kita akan ada lebih kurang 200 minit lagi untuk dibahagi-bahagikan dan jika seorang ahli Yang Berhormat mengambil masa 20 minit, kita boleh layan 10 orang lagi.

Dan lagi saya telah tinjau perjalanan Mesyuarat kita akan terdapat Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang, Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan, Rang Undang-undang Angkatan Tentera, Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia dan khususnya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 yang juga akan mempunyai unsur-unsur kelonggaran dalam perbahasan.

Mungkin Yang Berhormat tidak begitu minat terhadap tajuk-tajuk khusus, namun apabila dibahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, inti sarinya adalah

lebih kurang perkara-perkara yang boleh ditimbulkan dan dibahaskan sekarang. Jadi yakinlah Yang Berhormat akan berpeluang dan untuk membantu rakan-rakan yang hendak berucap, kalau boleh janganlah berulang-ulang perkara-perkara yang sudah pun diketengahkan. Kalau hendak sebut sebagai menyokong, bolehlah tetapi demi sekali lagi supaya Dewan Negara terus relevan dan supaya Dewan Negara terus dihormati, kita jalankan perbahasan kita dengan mutu yang terbaik mungkin. Sila, Yang Berhormat teruskan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya dalam usaha membahaskan Usul Titah Diraja. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak ambil masa panjang dan saya hanya berfokus kepada dua atau tiga isu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran dapat mewujudkan segera tambahan staf untuk mengurangkan beban tugas cikgu. Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, untuk mula-mula hendak menjadi, masuk hari pertama tugas-tugas yang begini banyak untuk isi borang, Tuan Yang di-Pertua...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita melihat dengan tugas beban guru ini, untuk mengisi borang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, begini berat. Ini belum lagi untuk menggunakan komputer, buat soalan. Jadi kalau adalah pembantunya seperti mana di universiti-universiti, dia ada PA dia, tidak jadi masalah. Walaupun empat orang guru, satu PA untuk membantu, membuat kerja-kerja perkeranian ini, ia tidak jadi masalah.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya penyelarasan tentang elaun kritikal di kalangan guru-guru ini. Ada guru yang dapat 4%, ada yang dapat 5%, ada yang langsung tidak dapat walaupun mengajar dalam subjek yang sama juga. Cuma beratnya dalam bahasa Inggeris sahaja. Jadi untuk meringankan beban cikgu, menaruh keyakinan cikgu, apa salahnya saya mencadangkan supaya diselaraskan elaun mengajar ini, elaun kritikal di kalangan guru-guru. Kalau 5%, jadikan sama, 10% dan sebagainya.

Dan juga kepada guru-guru untuk menaikkan gaji seperti mana yang dicadangkan memang agak sukar kerana ini melibatkan kakitangan awam yang lain tetapi pada saya, saya mencadangkan supaya elaun-elaun khas perlu diwujudkan kepada cikgu ini supaya profesion perguruan ini bukanlah menjadi profesion yang terakhir bagi calon-calon yang akan datang. Saya juga masih teringat bahawa ura-ura untuk mengambil guru-guru secara segera. Ini perlu diberi perhatian kerana untuk menjadi seorang guru bukanlah satu perkara yang mudah kerana guru ini untuk mengajar anak-anak. Kalau calon-calonnya diambil secara semberono, dalam bahasa Jawa, saya pun tidak tahu, secara tanpa penelitian, maka akan berlaku kekecewaan kepada pelajar-pelajar yang sedang membesar.

Jadi beri perhatian kepada kementerian yang sedang mencari guru-guru untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Begitu juga saya berharap seperti mana yang disarankan semalam oleh kesatuan bahawa peluang kenaikan pangkat di kalangan guru perlu diperluaskan, kerana peluang di kalangan guru terlalu sedikit berbanding dengan kementerian-kementerian lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya kementerian menyediakan kenderaan terutamanya pacuan empat roda kepada sekolah-sekolah di luar bandar bagi sekolah-sekolah ini menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum, supaya dengan adanya perpindahan antara sekolah ke sekolah dengan cepat tanpa mengorbankan wang ringgit pihak ibu bapa, maka hubungan antara sekolah yang di luar bandar ini akan menjadi satu realiti untuk ia juga mencipta kejayaan.

Kadang-kadang kita tengok pelajar di luar bandar sahaja yang banyak mencipta kejayaan sedangkan pelajar-pelajar di luar bandar, bukan dia tidak mampu tetapi kemudahan-kemudahan yang disediakan di luar bandar. Seperti mana saya beritahu tempoh hari dalam sidang yang lepas, pemantauan di kalangan cikgu-cikgu yang mengajar di luar bandar ini perlulah diberi perhatian. Jadi ada cadangan kementerian untuk mewujudkan guru cemerlang untuk berkhidmat di dalam sekolah luar bandar amat disokong supaya guru yang cemerlang ini akan meningkatkan lagi mutu pelajaran di sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya cuti pihak guru ini dapat ditambah kepada 14 hari bagi membolehkan mereka menikmati cuti gantian rehat

kerana saya tengok cikgu bekerja 7 hari sepenuhnya. Ini merupakan satu daripada peluang cikgu dapat bekerja dengan lebih tekun dan berminat.

Satu lagi cadangan saya bagi meningkatkan minat untuk tugas perguruan, maka kementerian diharap dapat meningkatkan taraf kelayakan atau memberi peluang taraf kelayakan daripada guru yang telah mengikuti kursus daripada peringkat diploma kepada peringkat ijazah. Kadang-kadang sudah peringkat ijazah, memiliki pula sarjana dan akhirnya cikgu-cikgu ini memiliki Ph.D, tetapi peluang kenaikan pangkat kadang-kadang tidak ada. Perubahan dari segi skim gaji tidak ada. Itulah cikgu itu, kalau dia ada ijazah sampai dia dapat sarjana, itulah. Selagi tidak ditawarkan kenaikan pangkat, selagi itulah gaji hakikinya.

Jadi kalau ini dapat dirombak, kalau cikgu telah memberi kerjasama daripada dia meningkatkan ilmu pengetahuan daripada diploma dan dapat ijazah, dengan sendirinya tidak perlulah hendak ditawarkan, hendak tunggu jawatan kosong, baru hendak ditawarkan. Jadi berikanlah *priority*, keutamaan dalam memberi peluang kepada cikgu menuntut ilmu ini dan juga dengan cara ini cikgu-cikgu yang berpengalaman akan dapat terus berkhidmat dengan penuh cemerlang, gemilang dan akhirnya menjadi sekolah yang bestari.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin membahaskan isu kemiskinan di kalangan Orang Asli, saya fokuskan satu, saya tengok di antara kita, Datuk M. Ratnam tadi telah membincangkan tentang ekuiti masyarakat orang India daripada sudah dapat 1.5% hendak naik kepada 3%, nampaknya kaum minoriti ini belum dapat lagi dengan keadaan kemiskinan yang begitu ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bacakan sedikit statistik yang ada kemiskinan Orang Asli. Tahun 2000, keluarga Orang Asli ada 25,337 di mana kemiskinannya ialah pada kadar 9.6% purata, ini termasuk termiskin, miskin, mudah miskin. Kalau petrol naik, minyak naik, tepung naik, gula nanti mungkin naik, ini mudah miskin. Daripada dia sudah tidak miskin, kerana ini, termasuk dalam kumpulan ini, itu tahun 2000. Kita tengok daripada 91% tahun 2001, ada sedikit perkembangan keluarga – 26,198 keluarga yang miskinnya purata 89.5%. Kemudian tahun 2002 meningkat keluarga isi rumah 28,476, kemiskinannya 88.2% dan tahun 2003, keluarganya meningkat 29,873 kemiskinannya 87.8%.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat data ini, saya tidak tahulah apa silapnya? Kementerian kita ada untuk membantu supaya Orang Asli tahun 2010 bukan sahaja Orang Asli, masyarakat yang lain terlepas daripada cengkaman kemiskinan tegar. Jadi, dengan kata-kata ini saya berharap terutamanya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah prihatin tentang perkara ini supaya Orang Asli tahun 2010 ataupun sehingga 2020, Malaysia menempatkan negara maju agar sama-sama Orang Asli juga kaum minoriti lain dapat bersaing di arus perdana. Saya rasa kementerian dapat melihat dasar-dasar bagaimana dasar yang telah diwujudkan sekarang untuk membantu Orang Asli, sudah 47 tahun merdeka dengan keadaan infrastruktur di kawasan perkampungan yang masih belum lagi dapat diketengahkan, dapat dicontohi. Kalau negara-negara luar datang, kita sudah sebut negara maju tetapi bila dia tengok Orang Asli masih dalam keadaan rumahnya, dalam keadaan peralatan dalam rumahnya yang serba kekurangan, ini juga akan menjejaskan taraf negara maju tahun 2020.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji balik sistem ataupun dasar yang telah dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli, begitu juga Dasar Pembangunan Tanah yang dilaksanakan kepada Orang Asli, tanahnya banyak tetapi tidak ada satu pun yang dibuat secara konsisten, yang holistik, yang kita boleh contohi inilah kampung Orang Asli yang sama dengan masyarakat FELDA. 13 tahun yang lalu, saya mengajar di perkampungan FELDA, kehidupan masyarakat FELDA dahulu pun susah juga, memang susah. Saya pun tahu sebab saya pun macam masyarakat sana. Dia susah, saya pun susah. Keadaan jauh di pedalaman, 40 kilometer jalan yang berdebu dengan tanah merah untuk sampai sebelum tar dibekalkan tetapi di situ, walaupun belum tar dibekalkan dia telah ada prasarana di situ; kedai makannya ada, mini marketnya ada, sekolah ada, sekolah agama ada, api dan air ada, bangunan Dewan untuk pelajar-pelajar dan untuk belia pun ada, akhirnya kita melihat masyarakat FELDA yang sudah hampir setengah juta keluarga sekarang ini telah menikmati pembangunan. Apakah ini kalau dapat dibuat kepada Orang Asli juga, satu dasar yang baik yang dapat dicontohi dalam masa lima hingga sepuluh tahun ini akan dapat mengubah masyarakat Orang Asli supaya lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat oleh kerana kemiskinan ini merupakan punca di mana jabatan ini telah diwujudkan untuk melihat apa puncanya, mungkin juga pegawai-pegawainya yang kurang pengalaman ataupun ada kekurangan pegawai di situ, maka saya berharap kementerian mengkaji kalau ada kekurangan pegawai-pegawai di situ, perlulah dipenuhi supaya pegawai-pegawai di sini dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih sempurna. Saya yakin kalau ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan diwujudkan pegawai pertanian, saya melihat di sini tidak ada pegawai yang khusus kepakarannya atau *graduate* daripada pertanian. Sebab itu tanah banyak tetapi pertanian diserahkan kepada agensi lain. Saya bukan tidak percaya kepada agensi lain umpamanya FELCRA, RISDA tetapi saya ucapkan terima kasih atas bantuan-bantuan begitu untuk meningkatkan pendapatan tetapi bukan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kita lihat profesionalnya ada enam orang pegawai, sokongan 85 orang, sokongan yang kedua 93 orang dan juga kita melihat seorang sahaja di kalangan Orang Asli yang profesional menduduki Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya berharap berilah peluang kepada anak-anak Orang Asli yang berkemahiran, berkelulusan, berketerampilan untuk duduk di peringkat profesional ini agar dia dapat mengenali budaya bagaimana hendak meningkatkan tahap keadaan persekitaran, budaya orang mereka sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa hanya Orang Asli sahaja yang memahami masalah Orang Asli?

Tuan Osman bin Bungsu: Tidak Tuan Yang di-Pertua, pada saya kerana ini peristiwanya sudah lama – 47 tahun kita bagi peluang kepada masyarakat bukan Orang Asli yang memimpin Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kita lihat di sini seorang, ini pun baru dua tahun. Jadi kita tidak nampak benda ini kalau melihat perkembangan semasa, kalau boleh dicontohi kebanyakan pegawai PTD di situ supaya pegawai yang berkelayakan dapat mengubah satu cara untuk mengubah kehidupan masyarakat. Kita tidak hendak nanti keluar surat khabar berita Orang Asli tanah banyak tetapi malas, tidak hendak bekerja. Tetapi apakah usaha kita bagi memikirkan usaha-usaha supaya meningkatkan tahap pemikiran dia untuk melahirkan generasi yang gemilang dan

cemerlang. Pakar-pakar ramai, jadi saya rasa perlulah diwujudkan perkara ini begitu juga melibatkan mungkin juga pemangkin kepada masyarakat Orang Asli.

Di peringkat ini juga saya melihat pendidikan perlu diberi perhatian terutama Kementerian Pelajaran dapat memberi ruang kepada anak-anak Orang Asli. Saya tidak hendak walaupun anak Orang Asli yang tidak pandai kebanyakannya dari segi bahasa Inggeris, bercakap dalam bahasa Inggeris, bahawa saya anak Orang Asli, peluang yang pertama mendapat ijazah tetapi tidak dapat mengikuti kursus-kursus yang dipohon. Jadi saya berharap persepsi ini dapat mengubah masyarakat Orang Asli terhadap Kementerian Pendidikan.

Saya berharap kementerian dapat memberi ruang pendidikan terhadap kemasukan anak-anak orang asli dalam IPTA kerana kita lihat anak-anak orang asli di IPTA pada tahun 2000 seramai 105 orang, tahun 2001 seramai 116 orang, tahun 2002 seramai 81 orang dan tahun 2003 seramai 83 orang dan ini terlalu sedikit untuk memberi ruang kepada anak-anak Orang Asli yang telah tampil ke hadapan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga meningkatkan tahap pencapaian akademik.

Saya banyak memberi ceramah-ceramah di kawasan luar bandar terutama kampung Orang Asli untuk meningkatkan tahap kecemerlangan pendidikan di kalangan ibu bapa. Usaha inilah saya ingat peluang-peluang terutama kepada kementerian kalau ada perkara-perkara yang melibatkan kebajikan anak-anak Orang Asli dapat diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara [Sedang mencari teks ucapan]

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Osman bin Bungsu: Sedikit sahaja. Sedang dicari.

Tuan Yang di-Pertua, tentang elaun. Saya terbaca butiran tentang elaun batin-batin iaitu elaun yang dinaikkan kepada ketua kampung. Saya rasa elaun ketua kampung ini yang mana teras dalam mentadbir kampung kadang-kadang saya pun tidak tahu maklumat tentang orang-orang kampung tetapi ketua kampung dia lebih pengalamannya dan pengetahuannya dengan masyarakat.

Kita lihat dalam cadangan Yang Berhormat Menteri, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin bahawa ingin menaikkan elaun 100% ketua kampung saya amat menyokong di mana pendapatan elaun RM170 dan maksimum RM210 yang diterima

sekarang tidaklah sesuai di zaman ini. Dengan pentadbirannya mengurus perjalanan keluar masuk menghadiri mesyuarat, telefon kerana sekarang pun ketua kampung dah ada *handset* tidak macam dahulu. Sekarang ketua kampung kereta dan motor pun dah ada. Jadi inilah dengan surat-menyuratnya, dengan duit yang dapat ini saya amat bersyukur sekali dengan keprihatinan Dato' Seri dalam meningkatkan 100% pendapatan untuk elaun ketua kampung dinaikkan 100%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan tahap ini juga saya melihat cadangan untuk menaikkan 100% ini ada kaitan dengan kampung Orang Asli yang kita lihat elaunnya pula antara RM1,000 hingga RM1,800 setahun iaitu purata sebulan antara RM100 hingga RM120 atau RM150 mengikut kategori. Dengan keadaan semasa, dengan RM100 apalah yang boleh dibuat Tuan Yang di-Pertua.

Dalam keadaan begini saya mencadangkan supaya Orang Asli juga dalam cadangan ini dapat dinaikkan elaun ketua kampung, batin-batin ataupun penghulu-penghulu orang asli supaya sama dengan ketua-ketua kampung yang lain kerana dari segi perkhidmatan Orang Asli pun sama, sama ada untuk berurusan juga menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh kerajaan, kakitangan awam dan agensi kerajaan dalam usaha membantu kampung tersebut.

Ini bermakna sekiranya cadangan ini diterima, saya amat bersyukur agar tanggungjawab penghulu sama ada penghulu yang dilantik oleh kerajaan yang ada sekarang dan juga batin-batin yang dilantik oleh kerajaan juga dapat sama menikmati kenaikan elaun sebab dia tidak ada pencen walaupun dah berkhidmat sampai 30 tahun jadi ketua tidak ada pencen. Kalau boleh dikaji tentang pencen pun boleh juga supaya tidak dah jadi ketua kampung 20 atau 30 tahun pencen tidak ada susah juga. Kalau ini dapat dikaji saya berharap perkara ini mendapat perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ingin memberi peluang kepada rakan-rakan lain untuk sama-sama turut membahaskan perkara yang berbangkit. Dengan ini dengan pandangan-pandangan yang saya utarakan ini semoga mendapat perhatian yang jitu daripada kementerian-kementerian dalam usaha membangunkan masyarakat secara *holistic* agar sama-sama menikmati pembangunan negara yang ada. Dengan kata-kata ini saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan bercakap dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani untuk bersedia.

5.56 ptg.

Tuan Chua Kim Chuan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada orang baru seperti saya untuk membahas Usul menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Hari ini saya hanya menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama ialah isu pendidikan. Oleh kerana Rancangan Malaysia Kesembilan sedang dalam peringkat penyediaan maka saya mencadangkan agar Kementerian Pelajaran memberi perhatian khusus kepada sekolah-sekolah di luar bandar tanpa mengira aliran. Kita sedia maklum bahawa banyak SJKC dan SJKT yang diklasifikasikan sebagai Sekolah Bantuan Modal (SBM) sukar mendapatkan peruntukan pembangunan daripada Kementerian Pelajaran. Adalah dicadangkan bahawa peruntukan kepada SJKC dan SJKT di bawah kategori Sekolah Bantuan Modal ditambah lebih banyak agar banyak bangunan lama lebih dari 50 tahun dapat diganti dengan bangunan baru.

Selain daripada itu saya juga meminta Kementerian Pelajaran menambah pengambilan peserta Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) pada bulan Ogos ini daripada 700 orang kepada 2,000 bagi sekolah pelbagai aliran. Ini kerana daripada 700 tempat yang disediakan untuk LPBS hanya 240 tempat dikhaskan untuk melatih guru yang mengajar di SJKC. Ini ternyata tidak mencukupi kerana lebih daripada 2,500 guru sandaran tidak terlatih di SJKC sedang menunggu giliran mereka untuk dilatih.

Tambahan pula pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membuka kelas bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di semua sekolah kebangsaan akan menyebabkan lebih ramai guru bahasa Mandarin diperlukan. Oleh itu saya mencadangkan daripada 2,000 tempat LPBS yang dicadangkan 800 tempat dikhaskan untuk melatih guru bahas Mandarin.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah tempoh hayat rakyat Malaysia semakin meningkat disebabkan penjagaan kesihatan yang baik. Secara umumnya wanita lebih panjang umur berbanding dengan kaum lelaki di mana purata umur wanita

Malaysia ialah 75.5 tahun berbanding 73 tahun bagi kaum lelaki. Dengan erti kata yang lain secara puratanya rakyat hidup lebih dari 70 tahun. Akan tetapi apa yang membimbangkan ialah liputan insurans kesihatan hanya sehingga 70 tahun sahaja.

Ini bermakna memang tidak ada perlindungan insurans kemalangan atau perubatan kesihatan bagi warga tua yang melebihi 70 tahun dan mereka terpaksa menanggung kos perubatan selepas usia lebih daripada 70 tahun. Adakah mereka mampu?

Saya meminta kerajaan mengkaji satu data agar warga tua turut diberi perlindungan insurans perubatan selaras dengan matlamat membentuk masyarakat penyayang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang ringkas tetapi tujuan dan hasrat Yang Berhormat itu jelas. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abd. Ghani.

6.00 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abd. Ghani: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kesyukuran terhadap Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatnya dapat kita berbincang dan menghayati dan membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putera Jamalullail semasa pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesebelas pada 21 Mac 2005. Banyak isu dan perkara teras yang disebut oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan yang perlu kita beri perhatian dan tangani dengan cara serius yang berterusan.

Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengambil maklum membahaskan dan memberi pandangan dan cadangan ke atas dua perkara iaitu buruh asing dan subsidi produk petroleum. Jadi kali ini saya tidak bercakap hal tentera dan bekas tentera, kemungkinan saya akan bercakap dalam Akta Angkatan Tentera nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang prihatin kerana manifestonya adalah jelas menjurus bersifat langsung serta relevan dengan arus semasa. Maka kemakmuran dan kesejahteraan serta pembangunan rakyat dan negara perlu terus menjadi agenda tetap kerajaan dan juga perlu kita pelihara mengekalkan dan mengukuhkan agar kesemuanya menjadi warisan yang disenangi dan dihargai oleh generasi seterusnya apabila pimpinan negara diwarisi oleh generasi pelapis kita.

Keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang kita kecapai hari ini bukan suatu yang berlaku dengan sendirinya. Untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara ramai anggota tentera dan polis terkorban dan cedera semasa mempertahankan negara. Oleh yang demikian, kita mengalu-alukan penghargaan kerajaan dengan perkhidmatan Polis di-Raja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah menaikkan gaji dan elaun kepada polis dan tentera yang sedang berkhidmat. Lantaran penghargaan ini saya meminta kerajaan untuk memanjangkan ganjaran yang seumpama kepada pesara-pesara polis dan tentera yang telah lama berpencen.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara buruh asing yang jumlahnya sudah mencapai lebih 2 juta orang berada di negara kita sama ada secara sah atau pun tidak sah. Jumlah ini adalah hampir bersamaan 10% daripada jumlah rakyat negara kita. Jika dibandingkan dengan masyarakat kita yang bekerja jumlah ini mewakili 30% daripada pekerja tempatan. Saya mengandaikan jumlah warga pekerja asing di Malaysia pada sekitar 7 juta daripada jumlah keseluruhan warga negara seramai 26 juta orang. Jumlah pekerja asing yang sedemikian ramai boleh dan telah mendatangkan masalah sosial, ekonomi dan keselamatan kepada negara. Negara juga terpaksa menanggung kos perubatan dan pendidikan untuk anak-anak pendatang serta ruang dan makanan di penjara. Kita juga telah dituduh tidak mengikut piawaian antarabangsa dalam mengendalikan tahanan pendatang asing. Ini semua adalah beban kepada negara.

Semenjak tahun 2001 hingga 2004 seramai 13,939 orang pendatang tanpa izin lahir di Malaysia. Hantaran balik wang upahan kerja ke negara asal oleh pihak asing menyebabkan negara kerugian dan dalam tukaran wang asing sejumlah lebih RM2 bilion setahun. Ia juga menjejaskan aktiviti ekonomi dalaman negara bila mana wang

upah kerja tidak menambah kuasa beli di dalam ekonomi tempatan dan ia turut menjadikan Malaysia sebagai negara pengimport tenaga buruh yang membangun dan untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pekerja asing daripada pelbagai negara membawa satu kejutan budaya kepada pendatang dan juga masyarakat tempatan. Pendatang asing mempunyai mentaliti yang berbeza dengan rakyat tempatan kerana mereka melalui sistem pendidikan yang berbeza, budaya hidup berbeza dan undang-undang yang berlainan. Perangkaan menunjukkan penglibatan nyata pendatang asing dalam jenayah besar seperti rompak, bunuh dan rogol dan lain-lain jenayah. Setiap jenayah melibatkan kos kepada masyarakat dan kerajaan. Pasukan polis terpaksa membuat siasatan dan Jabatan Penjara terpaksa menyediakan tempat dan makanan dan penjagaan dengan kesemua kos ditanggung oleh kerajaan. Negara mencatat kerugian dan di dalam aspek yang tidak ketara di atas nama keperluan kepada perkhidmatan buruh asing.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak kehadiran buruh asing telah menjejaskan peluang pekerjaan kepada warga negara tempatan. Walaupun warga tempatan tidak begitu berminat untuk bekerja di sektor binaan dan beberapa sektor perkhidmatan lain namun masih ada rakyat tempatan yang sanggup mengambil tugas sedemikian. Pada tahun 2004 rakyat Malaysia yang menganggur ialah sebanyak 388,000 orang. Sebahagian daripada mereka tidak dapat pekerjaan kerana pekerjaan mereka telah diambil alih oleh buruh asing yang sanggup menerima bayaran upah yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah benar bila Seri Paduka Baginda masa menyampaikan titah ucapan pembukaan Parlimen pada 21 Mac 2005 telah menitahkan agar kerajaan mencari jalan bagi mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing. Seruan Seri Paduka Baginda amat perlu dianggap serius oleh kerajaan dan tindakan-tindakan susulan perlu diambil dengan segera. Sehubungan itu saya mohon mencadangkan langkah-langkah segera diambil oleh kerajaan bagi membangunkan tenaga kerja untuk sektor binaan daripada rakyat tempatan. Adalah terlalu daif bagi kita untuk mengatakan bahawa rakyat tempatan tidak mungkin dapat dibangunkan untuk memenuhi permintaan tenaga kerja asing dan sektor-sektor kolar biru. Saya

berpendapat rungutan bekalan tenaga buruh tempatan tidak mencukupi adalah alasan semata-mata kerana kita tidak berusaha secara serius bagi mengadakannya.

Sekiranya beberapa inisiatif kursus diambil bekalan tenaga tempatan boleh diwujudkan dengan secukupnya. Di Amerika Syarikat dan Britain pekerja binaan mereka terdiri daripada orang putih iaitu rakyat tempatan mereka sendiri. Mereka adalah pekerja binaan yang bangga dengan profesional mereka dan dihormati oleh masyarakat. Bagi membangunkan tenaga kerja tempatan beberapa langkah penting perlu diambil oleh kerajaan. Ini meliputi peperangan psikologi, pengurusan latihan dan kerjaya serta beberapa inisiatif khas bagi membantu membangunkan tenaga buruh tempatan. Beberapa langkah perlu diambil bagi menarik rakyat tempatan untuk menceburkan diri di dalam pekerjaan sektor binaan. Antara cadangan saya ialah membaiki pandangan masyarakat kepada status pekerja di sektor binaan. Pekerja buruh binaan telah sekian lama dikaitkan dengan perkataan kuli ataupun kuli rumah batu.

Pemikiran sedemikian telah berakar umbi di dalam masyarakat dan ia membawa pengiktirafan darjat yang rendah kepada pengamalannya di dalam dunia baru yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Siapakah yang mahu menjadi kuli rumah batu? Persepsi sedemikian sahaja sudah cukup untuk menjauhkan anak muda tempatan daripada pekerjaan di bidang binaan sebaliknya mereka dari Bangladesh atau Indonesia memandang tinggi kepada warga negara mereka yang keluar negara untuk bekerja di dalam apa bidang sekalipun.

Kerajaan, terutama Kementerian Sumber Manusia perlu menganjurkan program-program bagi memperbaiki persepsi dan penerimaan umum terhadap kuli rumah batu. Saya mencadangkan agar mereka dikenali dengan nama lain yang lebih wajar dengan kemahiran mereka. Mereka boleh dijadikan atau dikenali sebagai seorang profesional, ini boleh dilakukan melalui latihan ikhtisas yang boleh dikendalikan oleh CIDB, kini menjadi lebih benar lagi kerana kerja binaan di zaman ini telah menggunakan mesin-mesin baru termasuk pengguna komputer.

Mereka yang bekerja dengan kemahiran pengendalian peralatan moden ini yang telah melalui satu kursus khas tidak lagi boleh dipanggil kuli rumah batu. Golongan pekerja rumah batu Malaysia di zaman baru boleh dijadikan orang yang berilmu melalui

satu skim latihan yang bersepadu. Seorang pekerja binaan Malaysia memegang jawatan dengan sebab dia memiliki satu kelayakan dan kepakaran tersendiri yang diperolehnya melalui satu kursus khas bagi tidak terdapat pada orang lain.

Mereka menerima ganjaran melalui satu pelantikan bertulis dengan tema-tema yang jelas kerana mereka ada tatacara kerja yang jelas. Bekerja sedemikian dalam ahli mesyuarat yang menyumbangkan kepada ekonomi dan pembangunan negara, mereka ada tempat di dalam masyarakat dan dihormati, sebagaimana masyarakat menghormati sama ada yang guru, polis, tentera dan peniaga-peniaga. Seorang pekerja binaan di zaman baru ini yang memiliki sijil dan kemahiran boleh mencapai pendapatan RM1500 hingga ke RM3000 sebulan.

Jumlah pendapatan ini sama dengan seorang penolong pegawai daerah yang juga seorang graduan yang baru memegang jawatan. Saya percaya usaha memartabatkan pekerjaan binaan akan memberi banyak kesan positif kepada industri binaan dan masyarakat keseluruhan. Cadangan seterusnya adalah memberi keyakinan bahawa masa depan pekerja binaan adalah jelas dan cerah, satu aspek penting kejayaan beberapa kejayaan di dalam masyarakat ialah kemampuan bidang yang diceburi, menawarkan kenaikan pangkat dan pendapatan seiring dengan penambahan kepakaran dan pengalaman.

Demikianlah berlaku kepada kerjaya di dalam perkhidmatan awam Malaysia. Seseorang itu akan memegang jawatan pegawai ketika mereka berkhidmat atau mula-mula berkhidmat pada usia 24 tahun, seterusnya dia akan menjadi penolong pengarah pada usia 34 tahun. Berikutnya, dia akan memegang jawatan pengarah pada usia 48 tahun. Umumnya, pendapatan dan kedudukan mereka bertambah baik dari setahun ke setahun dan mereka tahu prospek ini semasa mereka memulakan kejayaan mereka. Tatacara yang sama hendaklah di rumus bagi pekerja sektor binaan.

Cadangan seterusnya adalah menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat. Di bawah program ini peserta digalakkan untuk maju di dalam mempelajari sehingga ke taraf diploma dan ijazah mengikut bidang yang mereka minati. Anak muda yang bermula sebagai pekerja binaan mempunyai peluang untuk menaikkan taraf hidup mereka sama ada dengan pendapatan kelulusan atau pun kemahiran baru atau pun kedua-duanya sekali. Peluang yang sedemikian bakal menarik pemuda-pemuda negara

untuk menyertai bidang binaan kerana mereka berpeluang untuk maju. Sebagai contoh, terutama belia-belia Amerika Syarikat menyertai pasukan sukarela, tentera dan sanggup berperang di Iraq demi mendapat peluang memasuki kolej yang ditawarkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Selepas mereka berkhidmat sebagai anggota marin, peluang demikian adalah insentif bagi menarik perhatian. Saya percaya insentif yang sesuai yang boleh menjamin masa depan, yang mampu menarik penyertaan rakyat tempatan untuk menyertai sektor binaan. Cadangan seterusnya adalah berkaitan dengan peranan CIDB dan Kementerian Sumber Manusia perlulah memikirkan dan merumuskan bagaimana pembangunan sumber pekerja tempatan ini dapat dilaksanakan.

CIDB dan Kementerian Sumber Manusia, perlu menyasarkan lebih kurang 5000 orang setahun bagi dibangunkan di dalam pelbagai jenis kerja binaan. Sekiranya 25 ribu warganegara boleh dibangunkan dalam masa 5 tahun, sudah tentu sekali menambah baik penyertaan rakyat tempatan di dalam industri binaan dan mengurangkan import buruh asing di dalam jumlah yang sama. Melalui satu program pengambilan berterusan pekerja binaan rakyat tempatan akan dapat dibangunkan sepenuhnya di dalam masa tempoh 20 tahun. Selepas 5 tahun pelaksanaan jumlah pengambilan tentu boleh disesuaikan dengan permintaan industri binaan.

Satu jangka keperluan industri boleh dibuat dengan agak mudah melalui pemerhatian kepada rancangan pembangunan 5 tahun kerajaan dan sektor pemaju harta tanah. Peserta kerja binaan negara ini bolehlah dipanggil skop bina negara. Berikanlah mereka insentif dan galakan saya percaya lepasan sekolah menengah dari Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur akan dihormati jika mereka diberi maklumat mengenai kebaikan-kebaikan penyertaan. Juga termasuk bekas-bekas angkatan tentera yang tamat perkhidmatannya, yang berumur 30 hingga 40 tahun seramai 5000 satu tahun juga dapat di serapkan bersama-sama dalam skop ini.

Begitu juga kepada penagih-penagih dadah, boleh kita serapkan kepada peserta-peserta di pusat serenti iaitu penagih dadah juga boleh kita di dedahkan kepada kerjaya ini. Mereka boleh diberi latihan dan sijil semasa di pusat serenti lagi bagi memendekkan tempoh menunggu selepas hukuman pemulihan. Penglibatan mereka di

dalam skop binaan negara dapatlah kita membuat sesuatu supaya dapat memulihkan martabat diri mereka, yang dengan sendirinya dapat membantu menjauhkan mereka daripada kembali kepada kancah penagihan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Budget 2005, kerajaan memperuntukkan RM150,000,000 juta bagi tujuan memulihkan dadah dan kos pengendalian bagi kos pengendalian 28 pusat serenti di seluruh negara. Saya percaya jika kerajaan membelanjakan sebahagian kecil sahaja dari jumlah ini kita dapat mampu membangun 5000 pekerja binaan tempatan baru setahun. Sektor keselamatan negara sahaja sudah cukup bagi kita untuk menentukan masa depan penagih-penagih dadah ini. Ini bermakna, daripada 5000 rakyat tempatan dapat menambahkan kemahiran ini untuk bekerja di sektor yang sangat tinggi permintaan tenaga kerja, sama ada di dalam atau pun di luar negara. Di suatu masa mungkin negara mampu menyediakan pekerja binaan yang mahir untuk pasaran luar negara.

Jadi, dari pokoknya seandainya insentif-insentif, tempat latihan, persijilan serta wang pinjaman yang mengikut kursus bagi menarik penyertaan, mulakanlah dari sekarang supaya dapat kita melahirkan sektor binaan dengan buruh kita sendiri. Saya amat berharap agar pandangan serta teguran Seri Paduka Baginda berkaitan dengan pengurangan pergantungan kepada buruh asing di dalam Titah Ucapan Seri Paduka semasa pembukaan Dewan baru-baru ini dihayati dengan melaksanakan sesungguhnya oleh pihak kerajaan.

Saya yakin dan percaya jika kita sesama memikirkan perubahan yang mana kita tahu fasal penagih-penagih dadah pada masa kini apabila sudah keluar penagih dadah, maka tiada tempat mereka bergantung. Dengan adanya sebegini, maka saya yakin dan percaya penagih-penagih dadah dapat kita serapkan ilmu pengetahuan, maka dapatlah kita mengubah nasib mereka apabila mereka balik ke kampung pun, mereka tidaklah di pandang hina oleh masyarakat kerana mereka boleh berdiri di atas kaki sendiri, tetapi kita hendaklah memantau dan menentukan penagih-penagih dadah ini dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna, insya-Allah, kita dapat mengurangkan penagih dadah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan, Seri Paduka Baginda ada disebut juga supaya langkah-langkah wajar diambil untuk mengurangkan sifat terlalu bergantung

kepada produk-produk petroleum dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga serta menggalakkan sumber-sumber tenaga alternatif.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan sedang menanggung beban subsidi yang berat, berkaitan penggunaan bahan api, diesel dan petrol. Sepanjang tahun 2002 hingga 2004 kerajaan menanggung subsidi RM27 bilion. Sebahagian besar penggunaan bahan ini adalah untuk kegunaan kenderaan. Subsidi sedemikian besar iaitu sebanyak RM13 bilion setahun dan kian meningkat dengan peningkatan harga petroleum boleh menjejaskan kewangan kerajaan. Sampai bilakah kerajaan mampu menanggung beban yang besar ini. Maka adalah wajar perkara subsidi kerajaan....

Tuan Ismail bin Kassim: Pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' atas laluan yang diberikan kepada saya. Apabila Yang Berhormat membangkitkan tentang subsidi diesel ini, saya merasakan ada sesuatu yang harus dikaji dengan terperinci oleh kerajaan hasil daripada pemberian subsidi ini. Kita lihat manfaatnya lebih banyak didapati ataupun dapat kepada golongan-golongan yang sepatutnya tidak mendapat taraf subsidi ini. Saya mengambil contoh seorang yang memiliki kereta Mercedes diesel yang menggunakan 1000 liter sebulan minyak diesel subsidi ini. Bermakna kata sebanyak RM800 telah diberikan oleh kerajaan secara tidak langsung hasil penggunaan minyak berkenaan. Sedangkan kita bagi kepada ibu tunggal, anak yatim, hanya sekitar RM120 ataupun RM 240. Adakah ini kita kira sesuatu yang cukup adil untuk dinilai. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memanglah kita merasai kerana kita sendiri menggunakan subsidi yang banyak. Bagi saya tidaklah begitu adil. Itu sebab saya ada memberi cadangan. Kalau boleh subsidi, tidak payah bagi pun tidak apa. Tetapi memanglah susah, tetapi kita mesti seimbangkan. Daripada hasil subsidi ini, kita bagi kepada masyarakat ataupun ke kampung-kampung. Kita membangunkan kampung. Sebab kalau begitu, kata setahun RM13 bilion digunakan untuk orang yang berada, jadi tidak wajarlah kita kata tidak sesuai kalau kita guna itu. Sedangkan rakyat di kampung lebih ramai lagi yang menderita. Jadi daripada duit itu, kita boleh salurkan kepada kampung membangunkan orang-orang miskin di kampung supaya merasai hasil dan nikmat daripada kemerdekaan kita ini bersama dengan masyarakat kampung.

Maka tidak wajarlah perkara subsidi ini ataupun perlu dikaji semula dan langkah-langkah perlu diambil bagi mengurangkan pergantungan kepada penggunaan petroleum terutamanya untuk kenderaan. Jadi kita sedang kaji. Sebab banyak perbezaannya. Satu langkah yang baik ialah dengan mempromosikan penggunaan gas asli. Jadi untuk kenderaan negara kita, kaya dengan gas asli dan harganya jauh lebih murah dibandingkan dengan petroleum. Harga gas asli ataupun NGV harganya RM0.56 seliter berbanding dengan petrol pada harga RM1.52 seliter, ia menjimatkan sehingga 70% berbanding dengan petrol. Gas juga mengurangkan pencemaran dan enjin dalam alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memberi inisiatif kepada pengguna gas kenderaan yang menggunakan dua jenis iaitu bahan api, iaitu petrol dan gas diberi potongan cukai jalan sebanyak 25%. Manakala kenderaan yang menggunakan gas sahaja, diberi potongan sebanyak 20%.

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan sekali lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani memberi peluang saya sekali lagi. Yang membangkit tentang soal penggunaan gas. Memang kerajaan cukup serius untuk kita ataupun pengguna-pengguna menggunakan gas ataupun menggunakan kedua-duanya dengan diberi beberapa insentif tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat, apabila kita lihat usaha kerajaan itu murni. Perancangan kerajaan dibuat dengan teliti. Tetapi kita lihat usaha di pihak Petronas seolah-olah tidak bersungguh-sungguh dan saya apabila Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, saya juga selalu menggunakan teksi yang memakai gas ini di bandar raya. Mereka merungut. Kadang-kadang masa yang sepatutnya mereka mendapat penumpang, mereka terpaksa menunggu sampai 2-3 jam untuk mengisi gas kerana tidak banyak stesen minyak ataupun stesen yang menjual gas ini. Sama ada di sekitar Lembah Klang dan di seluruh Malaysia pun hanya setakat Butterworth sahaja kalau tidak saya silap. Ini menunjukkan kata usaha kerajaan itu serius tetapi usaha di pihak Petronas menampakkan bahawa sebab benda ini murah, nampak macam dibuat dengan tidak begitu teliti ataupun sambil lewa sahaja. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memanglah benar kata Yang Berhormat itu dan saya pun akan terangkan, bagaimana keuntungan dari segi masalah kerana di Penang pun ada satu sahaja dan saya teruskan dan dalam ucapan saya sudah ada. Namun begitu, tidaklah banyak kenderaan persendirian menukar kepada penggunaan gas antara sebabnya:

- (i) kerana kos membeli peralatan tambahan yang tinggi untuk dipasang kepada kenderaan. Kos mengubah suai yang membolehkan enjin petrol menggunakan gas NGV ialah di antara RM2,500 kepada RM 2,800;
- (ii) tidak terdapat banyak stesen dan menyediakan gas di pam-pam mereka iaitu Petronas. Kita sering melihat di Kuala Lumpur bagaimana teksi terpaksa beratur kadang-kadang sehingga satu jam seperti kata Yang Berhormat tadi memang benar. Menunggu giliran mendapatkan bekalan gas di luar Kuala Lumpur, stesen-stesen yang menjual gas NGV seolah-olah tidak ada langsung,

Jadi boleh ada di Kedah tiada, semua tiada. Setakat ini 36 stesen minyak petrol PETRONAS menjual NGV, iaitu 28 di Lembah Kelang, 4 di Johor, dua di Negeri Sembilan dan satu di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar lebih banyak stesen gas dibina oleh syarikat-syarikat minyak. Janganlah oleh kerana untungnya lebih kecil seperti kata Yang Berhormat tadi ataupun kerana kos permulaan yang tinggi, maka syarikat minyak dengan sengaja tidak membekalkan gas untuk kepentingan negara. Permintaan pengguna hendaklah turut diambil berat dan diutamakan. Sebagai pilihan saya mencadangkan agar syarikat-syarikat baru diberi lesen oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi membekalkan gas kepada kenderaan-kenderaan. Saya percaya ada pengusaha yang sanggup menjalankan perniagaan ini. Selanjutnya inisiatif tambahan boleh ditimbang oleh kerajaan. Antara yang saya cadangkan ialah pemansuhan cukai jalan bagi kenderaan yang menggunakan gas 100%.

Bagi yang menggunakan kedua-dua bahan iaitu gas dan petrol ataupun diesel.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah ucapan?

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya kerajaan tidak akan rugi kerana kekurangan kutipan cukai jalan diimbangi dengan pengurusan subsidi yang terpaksa dipikul oleh kerajaan selama ini. Kerajaan juga mungkin boleh menimbangkan subsidi bagi memasang peralatan gas pada kenderaan. Jika harga memasang peralatan gas kurang daripada RM1,000 dan gas mudah diperolehi, saya percaya ramai pengguna kenderaan sendiri dan perdagangan akan menukarkan kepada gas, faktor penjimatan akan dengan sendirinya menarik penggunaan kepada gas dan meringankan kerajaan daripada beban subsidi.

Satu cara lagi ialah kerajaan mengurangkan subsidi petroleum dan memberi subsidi kepada gas kerana cara ini akan menaikkan harga petroleum dan merendahkan lagi harga gas, dengan adanya cara begini saya yakin dan percaya dengan adanya cukup tempat untuk membeli gas dan sebagainya, maka dapatlah pihak swasta menjual gas lebih banyak daripada semasa ke semasa berbanding dengan petroleum ataupun diesel lebih-lebih lagi jika harga petroleum naik dan harga gas diturunkan.

Jika pilihan diadakan dengan pengedaran gas NGV yang mencukupi di seluruh negara, rakyat tidak akan marah dengan kenaikan harga petrol dan diesel kerana mereka telah pun diberi pilihan untuk menukarkan kepada gas NGV.

Tuan Yang di-Pertua, dengan teknologi baru gas NGV ia boleh digunakan bagi menggantikan bukan sahaja petrol, tetapi juga diesel malahan bukan kereta Proton sahaja, lori dan semua boleh pakai, bahkan BMW pun boleh pakai juga kerana ia boleh guna gas ini dengan minyak petrol.

Sebagai menggulung ucapan ini saya merayu agar kerajaan berusaha bersama-sama pihak swasta bagi menyediakan lebih banyak pangkalan jualan gas NGV bagi kenderaan dan memikirkan inisiatif-inisiatif dan mengisytiharkan dengan segera. Kenaikan harga minyak pada peringkat antarabangsa akan memerangkapkan kita pada bila-bila masa. Pada bulan Mac 2005 harga minyak telah mencapai USD55 setong dan pihak meramalkan harga minyak boleh naik sehingga USD105 setong menjelang tahun 2006. Jika inilah benar berlaku maka kita dan rakyat kita akan diperangkap pada masa itu, kerajaan yang kaya pun tidak lagi mampu memberi subsidi supaya rakyat boleh berkenderaan. Saya menyokong penuh pengurangan subsidi dan wang subsidi

sebanyak RM13 bilion setahun itu, disalurkan kepada pembangunan negara seperti pendapat Yang Berhormat tadi.

Akhir sekali saya menyeru Ahli-ahli Dewan Negara supaya bersama-sama menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hii Tiong Kuoh.

6.35 ptg.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi izin saya turut serta untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin semasa Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pembangunan dalam sektor pertanian seperti yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya berpandangan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, negara kita akan menghadapi berbagai-bagai persaingan yang lebih global di bidang ekonomi mahupun teknologi-teknologi moden. Oleh kerana sektor pertanian merupakan salah satu daripada penjana utama ekonomi negara, maka saya berpendapat usaha yang lebih dinamik dan berterusan harus ditumpukan ke arah sektor tersebut dengan tidak mengabaikan sektor-sektor yang lain.

Penyelidikan terhadap bahan-bahan hasil tani perlu dijalankan dengan lebih aktif lagi dan seterusnya memperluaskan pasaran eksport berasaskan bahan makanan. Kita memerlukan lebih ramai pakar di dalam bidang tersebut untuk membantu di dalam meneroka kaedah-kaedah baru yang lebih efektif dan canggih. Ini memajukan lagi sektor tersebut. Pakar-pakar daripada negara luar yang telah maju di dalam bidang tersebut, contohnya negara jiran kita Thailand boleh dijemput untuk sama-sama dengan kita berkongsi pengalaman.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa kerajaan hendaklah sentiasa peka dan mampu berdaya saing pada setiap perubahan selaras dengan kehendak negara-negara maju di dalam usaha kita untuk mencapai wawasan 2020. Beliau menyarankan agar pihak swasta juga perlu menumpukan usaha yang

lebih gigih lagi terhadap sektor pertanian dengan harapan ianya nanti dapat menjadi satu daya penggerak terhadap pembangunan ekonomi negara. Dengan ini juga adalah diharap Jabatan Pertanian dapat memainkan peranan utama untuk memperkenalkan kaedah-kaedah moden kepada para petani kita ini untuk menambahkan hasil keluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak terdapat banyak kawasan tanah subur untuk dijadikan kawasan ladang mahupun tempat pertanian yang masih belum terusik. Pihak kerajaan negeri pada masa sekarang sedang berusaha untuk memajukan kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan pembangunan pertanian, untuk itu pihak kerajaan menggalakkan lebih ramai penyertaan petani-petani moden terutama para graduan yang belum mencebur diri di dalam mana-mana bidang pekerjaan ataupun yang belum mendapat sebarang pekerjaan untuk turut serta di dalam bidang tersebut. Kita berharap usaha ini akan menjadi satu peluang yang amat baik untuk faedah rakyat dan juga negara.

Di samping penerokaan kawasan-kawasan baru kita juga berharap agar para petani atau peladang tradisional yang mempunyai dana yang tidak cukup besar serta kurang pengeluaran dari segi hasilnya dapat bekerjasama untuk menyatukan kawasan-kawasan mereka supaya dibangunkan dengan lebih komersial lagi. Oleh yang demikian, penyertaan dari pihak swasta amatlah dialu-alukan untuk pembangunan pertanian biogenik. Kerajaan negeri telah mengenal pasti tiga kawasan yang berpotensi untuk dimajukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan utara, tengah dan selatan negeri Sarawak yang merangkumi kawasan seluas 600 juta hektar.

Kerajaan negeri amat memberi fokus kepada pembangunan pertanian biogenik ini disebabkan ianya mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan dapat membekalkan makanan yang berkhasiat kepada tubuh badan.

Di samping itu juga pembangunan di kawasan luar bandar ini dapat memberi pulangan yang lumayan kepada penduduk sekitarnya dan ini dapat menahan dari penghijrahan yang tidak terkawal masyarakat luar bandar ke kawasan bandar. Adalah difahamkan bahawa pihak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak atau SCDC, dengan kerjasama kerajaan negeri serta Jambatan Pertanian akan menganjurkan

persidangan pertanian antarabangsa ketujuh bagi rantau Asia bagi tahun 2007 yang akan datang dan merupakan yang pertama diadakan di Malaysia.

Amatlah diharapkan hasil daripada persidangan itu nanti akan dapat memberi input positif kepada kita dan menjadikan kita sentiasa peka akan peluang-peluang yang terdapat di dalam sektor pertanian. Ianya juga dapat memberi lebih banyak peluang bagi pembangunan sektor pertanian bio-organik untuk lebih maju dan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dan memastikan sektor bio-organik memainkan peranan penting di dalam ekonomi negara.

Pembangunan sektor pertanian merupakan satu yang penting di dalam menjana ekonomi negara. Di samping usaha gigih kerajaan negeri dan rakyatnya kerajaan pusat melalui menteri yang berkenaan juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu kerajaan negeri di dalam memantau perkembangan pembangunan sektor tersebut dan sentiasa berusaha untuk menyalurkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik demi menjayakan apa sahaja usaha yang telah dirancang dan seterusnya merealisasikan impian serta menjadikan sektor pertanian ini sebagai salah satu punca pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat. Pada tahun 1991, di negara kita telah mengumumkan rancangan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Untuk merealisasikan impian tersebut segenap lapisan rakyat dan juga kerajaan sendiri harus bekerja keras ke arah itu. Aspirasi Wawasan 2020 yang mempunyai matlamat-matlamat utama dari segi politik, ekonomi dan sosial ini telah menampakkan perkembangan yang begitu positif sekali dan ianya dapat diterima oleh pelbagai pihak termasuk para pengkritik sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Wawasan 2020 ini, bukan sahaja menjadi dan mendorong utama kepada rakyat untuk bekerja lebih gigih demi mencapai Wawasan tersebut, malah apa yang lebih penting sekali ialah menjadi pemangkin kepada semangat saing dan memberi keyakinan diri yang tinggi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya ganggu sebentar? Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membantu untuk saya menyusun giliran berucap bolehkah saya dapat tahu siapa lagi yang hendak berucap, bolehkah tolong berdiri.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat berdiri dan dikira]

Terima kasih. Jadi saya akan ambil maklum 12 orang esok kita ada lagi 100 minit, Yang Berhormat boleh beri masa kepada kawan-kawan. Teruskan, sila teruskan.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Terima kasih, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kita bergerak memajukan objektif tersebut pihak kerajaan juga perlu memberi perhatian taraf dan kualiti kehidupan rakyat terutama dari segi kebersihan persekitaran dan apa sahaja kemudahan dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat negara Jepun yang merupakan salah sebuah negara yang kalah teruk di dalam Perang Dunia Kedua. Ia telah bangkit semula dan muncul sebagai sebuah negara yang termaju dan mempunyai kuasa ekonomi yang hebat.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat, katakanlah saya tidak berkesempatan memberi peluang kepada semua yang berdiri tadi saya akan mengutamakan mereka dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan. Di mana intisari daripada ucapan adalah serupa jadi sesiapa yang ambil terlalu banyak masa, jangan harap hendak diberi peluang sekali lagi. Terima kasih, sila.

Tuan Hii Tiong Kuoh:...serta mempunyai taraf kehidupan yang begitu tinggi. Ini adalah disebabkan usaha gigih dan keyakinan itu rakyatnya yang tidak mahu melihat ke belakang di dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka sendiri. Di dalam langkah dan usaha kita mencapai Wawasan 2020, kita tidak seharusnya terus berpuas hati dengan pencapaian yang telah diperolehi. Ini akan membataskan persaingan kita terutama di peringkat global di mana setiap negara di dunia masing-masing berlumba-lumba untuk memajukan negara masing-masing.

Kejayaan kita untuk mencapai impian Wawasan 2020 adalah bergantung sepenuhnya kepada pandangan progresif rakyat sendiri dan juga pengurusan negara yang efektif. Kita telah ditanam dengan keyakinan yang tinggi bahawa dalam jangka masa 15 tahun yang akan datang negara kita mampu menjadi sebuah negara yang kuat di dalam segenap aspek. Kenyataan rakyat bersama dengan kerajaan di dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan memainkan peranan begitu penting sekali kerana ianya merupakan asas kepada kemajuan dan keutuhan negara dan dengan ini juga

tidak mampu untuk menyampai objektif sebagai sebuah negara maju yang cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang tahun 2000 yang akan datang, terima kasih.

Saya mohon menyokong di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua : Silakan Dato' Hajah Sharipah Aminah. Bolehkah habis hari ini atau hendak sambung esok?

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Datuk Mohamed: Terpaksa sambung lah Tuan Yang Di-Pertua.

6.48 ptg.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bagi menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa baginda merasmikan penggal kedua parlimen kesebelas pada 21 Mac 2005 yang lalu.

Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum malapetaka tsunami telah mencatatkan sejarah hitam kepada negara. Selama ini kita belum pernah lagi menerima musibah secara langsung daripada fenomena ini. Malapetaka ini menyedarkan kita semua bahawa Malaysia juga terdedah dengan ombak besar yang mendatangkan kesan yang amat dahsyat. Menurut pakar beberapa kawasan di utara semenanjung negara ini terdedah kepada lautan luas kemungkinan untuk malapetaka sebegini berlaku tidak boleh diketepikan sama sekali. Banyak pihak berpendapat bahawa tanpa sistem pengesan ombak di negara ini tidak ada jalan lain untuk menghadapi fenomena tsunami.

Pada masa ini tidak ada satu pun sistem amaran tsunami di Lautan Hindi ataupun di Selat Melaka sedangkan kita tahu daripada 4 bilion penduduk Asia hari ini, 7% tinggal di kawasan pesisiran pantai. Sebahagian besar daripada penduduk tersebut ialah rakyat miskin yang hidup di bawah paras kemiskinan. Mungkin beribu-ribu nyawa boleh diselamatkan jika ada amaran awal daripada sistem pengesan ombak sebelum tsunami melanda. Saya berpendapat sudah tiba masanya semua pihak yang berkenaan terutama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi merangka satu strategi bersepadu

untuk menghadapi malapetaka yang tidak diketahui bila akan menjenguk lagi di perairan negara kita.

Baru-baru ini langkah drastik Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi menubuhkan pusat pemantauan serantau gempa bumi dan tsunami menerusi Jabatan Meteorologi di mana sistem pemantauan tsunami negara ini yang dijangka siap pada penghujung tahun ini amatlah dialu-alukan dan patut dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kejadian bencana alam membabitkan gempa bumi, ledakan gunung berapi, ribut taufan dan fenomena tsunami telah berlaku selama beribu-ribu tahun dahulu dan ia berterusan hingga sekarang. Bencana tsunami ini boleh disifatkan sebagai petunjuk kepada bahana yang bakal terjadi jika manusia terus gagal melaksanakan tindakan bersepadu untuk menangani isu alam sekitar.

Kelemahan paling ketara kebanyakan negara di rantau ini berikutan tragedi tsunami adalah kegagalan pihak yang bertanggungjawab memberi amaran awal mengenai kemungkinan berlakunya.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan sekejap, sikit saja pasal tsunami. Terima kasih Datuk Sharipah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya bertanya pendapat Yang Berhormat Datuk kerana apabila tsunami melanda negara kita yang melibatkan Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan sedikit di Perak, kenapa tidak ada penghuni hotel, terutama hotel 5 bintang yang terkena bencana ini. Seolah-olah semua penghuni hotel sudah mendapat amaran awal dan tidak dihebahkan kepada umum. Ini yang menjadi tanda tanya kepada kita semua sekarang ini. Terima kasih dan mohon penjelasan.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, saya juga dimaklumkan beberapa hotel di pesisiran pantai di Pulau Pinang itu telah mendapat pengetahuan melalui Pulau Langkawi tapi sama ada benda itu betul ataupun tidak, ternyata pihak hotel tidak terlibat dalam perkara ini dan ada seorang penjual kacang putih yang berkata dia dah tahu terlebih dahulu dan dia datang untuk menengok saja, benda ini betul ke berlaku. Tapi saya tidak tahulah sama ada berita itu datangnya dari pihak yang berkuasa ataupun tidak, itu luar dari pengetahuan saya.

Kelemahan paling ketara kebanyakan negara di rantau ini berikutan tragedi tsunami ialah kegagalan pihak yang bertanggungjawab memberikan amaran awal

mengenai kemungkinan berlakunya fenomena tsunami di Lautan Hindi akibat daripada gempa bumi di luar pantai Sumatera Utara yang saya sebutkan di awal tadi. Walaupun gempa bumi di bawah lautan tersebut dikesan serta-merta oleh pelbagai pusat pengesanan gempa bumi di seluruh dunia, tetapi tidak ada sebarang amaran awal berhubung dengan kemungkinan berlakunya bencana tsunami dimaklumkan. Hakikatnya ombak besar tsunami hanya melanda pesisiran pantai India, Sri Lanka dan Afrika Timur kira-kira 7 jam selepas gempa bumi di Sumatera Utara. Di Thailand dan Malaysia, tsunami melanda kira-kira 3 jam selepas gegaran di pusat gempa, ini bermakna jika terdapat amaran awal berikutan logiknya Tuan Yang di-Pertua, banyak nyawa dan harta benda masih boleh diselamatkan.

Seperti yang dilaporkan oleh mangsa yang terselamat banyak daripada mereka yang berjaya menyelamatkan diri walaupun ombak besar sudah menghampiri pantai. Ada mangsa yang mendakwa bahawa mereka nampak ombak besar, manakala yang lain pula mendakwa mendengar deruan ombak. Ketiadaan amaran dan kejahilan tentang bencana tsunami telah menyebabkan ada mangsa yang terselamat dari serangan pertama tsunami kembali semula ke rumah masing-masing untuk mencari ahli keluarga yang hilang, dan menyelamatkan harta benda telah terkorban apabila ombak seterusnya melanda. Persoalan yang saya ingin timbulkan adakah kecanggihan sains dan teknologi yang diheboh-hebohkan oleh negara maju seperti Amerika, Jepun dan Australia selama ini hambar semata-mata sehingga amaran awal untuk bencana alam sebegini pun tidak dapat diberikan, atau adakah mereka tidak bersedia berkongsi sumber kepakaran dan maklumat dengan negara membangun.

Ironinya setiap kali China, India dan Pakistan mengadakan ujian nuklear, ujian nuklear bawah tanah, Amerika mendakwa bahawa Pusat Saintifik dan Pertahanannya bukan saja berjaya mengesan ledakan tersebut, tetapi mengetahui lokasi dan kekuatannya, tapi mengapakah di dalam peristiwa 26 Disember lalu, pihak berkuasa Amerika Syarikat tidak melakukan tindakan awal yang sewajarnya setelah pusat pengawasan geologinya mengesan gempa bumi tersebut, dan mengapakah pula negara Asia dan Pasifik seperti Indonesia, Singapura, China, Fiji, Jepun, Filipina, Korea Selatan, Thailand, Australia dan New Zealand yang merupakan anggota kumpulan penyelarasan

antarabangsa sistem amaran tsunami dengan izin *International Coordination Group for the Tsunami Warning System* turut gagal memberikan sebarang amaran awal.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun hakikatnya pertubuhan tersebut hanya bertanggungjawab terhadap bencana tsunami di Lautan Pasifik, tetapi tidakkah pertubuhan ini mempunyai sebarang kepakaran untuk membuat ramalan tentang kejadian gempa bumi di Lautan Hindi pada 26 Disember 2004. Saya kira semua kita ketahui bahawa manusia dengan sains dan teknologinya mustahil boleh melawan kuasa alam, namun keupayaan sains dan teknologi boleh mengurangkan kesan bencana alam. Oleh sebab itu punca sebenar penempatan pesisiran pantai di Lautan Hindi musnah teruk akibat bencana tsunami. Adakah kerana kurang kefahaman dan tidak ada persediaan oleh negara yang terlibat untuk menghadapi bencana alam seperti tsunami.

Beberapa tempat di Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang masih mempunyai hutan bakau dan paya nipah menerima kesan bencana tsunami yang minimum berbanding dengan tempat lain. Malangnya hutan bakau dan paya nipah yang merupakan benteng penahanan ombak semula jadi sudah lama dimusnahkan. Beribu-ribu kilometer pantai di negara ini sekarang terdedah kepada ribut dan ombak besar sama ada kerana sifat tamak manusia atau kerana kejahilan telah memusnahkan perlindungan semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

Kita boleh meratapi kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda akibat bencana tsunami. Kita boleh bersedekah dan menderma namun gempa bumi, ledakan gunung berapi dan tsunami akan terus berlaku. Tindakan yang boleh menyelamatkan kita dari kemarahan alam ini adalah kesediaan kita menggunakan ilmu dan pengetahuan untuk memelihara dan membaik pulih alam sekitar.

Pada hemah saya terlalu banyak petunjuk dan panduan yang boleh kita perolehi dari bencana tsunami jika kita benar-benar mahu belajar. Selepas kejadian bencana tsunami, Perdana Menteri mula bercakap betapa pentingnya pemuliharaan hutan bakau dan paya nipah sebagai penahan ombak. Mungkin peringatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut diambil kira, bencana alam boleh berlaku di mana-mana, tetapi manusia boleh mengurangkan kesannya. Bayangkan jikalau hutan bakau

di pantai-pantai negara terbabit masih wujud, kesannya tentulah tidak seburuk itu. Sekurang-kurangnya tidaklah sebegitu banyak kehancuran dan maut.

Sebagai negara yang sedang membangun dan mempunyai penduduk yang sederhana, saya kira Malaysia masih mengekalkan banyak sumber asli untuk keperluan generasi akan datang. Walau bagaimanapun peningkatan eksploitasi sumber asli, kemerosotan kualiti sumber asli asas dan kemusnahan kepelbagaian biologi merupakan isu penting yang perlu ditangani segera oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, bagi menghadapi cabaran krisis sumber asli pada masa hadapan dan sekali gus akan menjadikan benteng pertahanan bencana tsunami di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dikejutkan pula dengan isu pembangunan berhampiran Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Sri Alam yang mencetuskan kontroversi kerana menjejaskan sistem ekologi dan alam sekitar di kawasan berkenaan. Nampaknya isu ini sudah mulai reda dan barangkali juga ia sudah dianggap selesai berikutan selepas empat pemaju didakwa di mahkamah. Saya ingin memuji tindakan tegas Kerajaan Negeri Selangor mengheret pemaju terbabit ke mahkamah tanpa mengamalkan sikap pilih kasih termasuk membabitkan anak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat dalam senarai saya 27 Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah berucap. Selepas ini dalam apa jua permasalahan yang dikemukakan kepada Majlis, mereka yang belum bercakap akan diberi keutamaan. Maka saya mohon supaya kita prihatin dan janganlah marah kepada pengerusi kerana tidak panggil jaguh-jaguh semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 petang.

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)

-
- " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
 - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
 - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
 - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
 - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
 - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
 - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
 - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
 - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
 - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
 - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
 - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
 - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
 - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
 - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
 - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
 - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
 - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
 - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
 - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
 - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
 - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
 - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
 - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
 - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
 - " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)

- " Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

***PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER***

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor